

LAPORAN TAHUNAN

2020



HOSPITAL KULIM | KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



KANDUNGAN

NOMBOR KODING	JABATAN/UNIT	MUKA SURAT
	Sekapur Sirih Dari Meja Pengarah Hospital	i
	Ringkasan Eksekutif Pengarah Hospital	ii
	Misi /Objektif/Objektif Kualiti	iii
	Carta Organisasi Hospital Kulim	iv
1.0	DIREKTORAT PERKHIDMATAN PENGURUSAN	
1.1	Pengurusan Hospital	2-6
1.2	Unit Khidmat Pengurusan	7-10
1.3	Unit Sumber Manusia	11-16
1.4	Unit Pengangkutan & Kenderaan	17-19
1.5	Unit Kewangan	20-24
1.6	Unit Hasil	25-28
1.7	Unit Perhubungan Awam	29-31
1.8	Unit Keselamatan	32-38
1.9	Unit Keselamatan Dan Pekerjaan	39-44
1.10	Unit Kejuruteraan	45-53
1.11	Unit Kejururawatan	54-60
1.12	Unit Penyeliaan Hospital	61-66
1.13	Unit Kualiti & Inovasi	67-74
1.14	Bilik Daftar Masuk	75-77
1.15	Unit Kawalan Infeksi	78-84
1.16	Unit Teknologi Maklumat	85-88
1.17	Unit Hal Ehwal Islam	89-92

KANDUNGAN

NOMBOR KODING	JABATAN/UNIT	MUKA SURAT
2.0	DIREKTORAT PERKHIDMATAN WANITA DAN KANAK-KANAK	
2.1	Jabatan Obstetrik Dan Ginekologi	94-99
2.2	Jabatan Pediatrik	100-105
2.3	Jabatan Pergigian Kanak-Kanak	106-113
3.0	DIREKTORAT PERKHIDMATAN PERUBATAN	
3.1	Jabatan Perubatan	115-122
3.2	Unit Nefrologi dan Hemodialisis	123-127
3.3	Jabatan Psikiatri Dan Kesihatan Mental	128-134
4.0	DIREKTORAT PERKHIDMATAN PEMBEDAHAN & KECEMASAN	
4.1	Jabatan Kecemasan Dan Trauma	136-142
4.2	Jabatan Pembedahan	143-148
4.3	Jabatan Ortopedik	149-153
4.4	Jabatan Otorinolaringologi	154-159
4.5	Jabatan Oftalmologi / Unit Optometri	160-163
4.6	Jabatan Anestesiologi	164-169
4.7	Jabatan Bedah Mulut Dan Maksilofasial	170-176
5.0	DIREKTORAT PERKHIDMATAN DIAGNOSTIK KLINIKAL DAN SOKONGAN	
5.1	Jabatan Farmasi	178-185
5.2	Jabatan Patologi Dan Transfusi	186-192
5.3	Jabatan Radiologi	193-200
5.4	Unit Pemulihan Carakerja	201-204
5.5	Unit Fisioterapi	205-211
5.6	Unit Rekod Perubatan	212-218
5.7	Jabatan Dietetik Dan Sajian	219-224
5.8	Unit Pendidikan Kesihatan	225-228
5.9	Unit Kerja Sosial Perubatan	229-233
5.10	Unit Bekalan Steril	234-236
5.11	Unit Forensik	237-243



Assalamuallaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera

Pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada kehidupan rakyat Malaysia secara menyeluruh. Ia telah membawa banyak perubahan dan cabaran dalam kehidupan seharian secara amnya dan penyampaian perkhidmatan kesihatan secara khususnya. Di seluruh Malaysia dan serata dunia, amalan kerja terpaksa diadaptasi dengan norma baharu demi mengekang penularan virus. Bagi berjuta-juta pekerja, norma baharu ini bermakna mereka perlu bekerja dari rumah dan kebanyakannya terpaksa meneruskan pekerjaan mereka dalam keadaan yang sangat mencabar.

Cabaran utama yang timbul akibat pandemik ini adalah untuk memastikan bahawa perkhidmatan kesihatan di Hospital Kulim tidak tergendala lantaran langkah-langkah sekatan yang dikenakan bagi tujuan mengawal penyebaran COVID-19. Sebagai salah satu perkhidmatan perlu (*essential service*), semua kakitangan Hospital Kulim adalah termasuk dalam kategori “Frontliner” dan dikehendaki untuk hadir bekerja 100%. Keutamaan kita adalah untuk memastikan akses kepada perkhidmatan kesihatan yang berterusan kepada masyarakat dan pada masa yang sama turut memastikan keselamatan orang awam dan kakitangan hospital tetap terpelihara.

Walaupun berhadapan dengan kekangan sumber dan tenaga, semua kakitangan telah menunjukkan prestasi yang cemerlang dan membanggakan dalam memastikan perkhidmatan kesihatan tidak tergendala agar semua indikator dapat dicapai dengan jayanya. Sekalung penghargaan dizahirkan kepada barisan sidang redaksi dan semua yang terlibat dalam usaha merakamkan segenap peristiwa yang berlaku di Hospital Kulim sepanjang tahun 2020. Diharapkan agar segala komitmen dan pencapaian yang cemerlang ini diteruskan serta ditingkatkan pada masa akan datang bagi mengekalkan kualiti penyampaian perkhidmatan kesihatan di Hospital Kulim.

#kitamestimenang

“If you can't fly then run, if you can't run then walk, if you can't walk then crawl, but whatever you do, you have to keep moving forward.” — Martin Luther King Jr.

Sekian, terima kasih.

Pengarah
Hospital Kulim

Hospital Kulim telah beroperasi pada 1 September 1994 berkonsepkan Hospital Nukleus dengan tiga (3) kepakaran dan telah dinaiktaraf sebagai Hospital Berpakar Major di bawah Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10) dengan 19 kepakaran. Hospital Kulim menyediakan perkhidmatan kepakaran kesihatan kepada penduduk di Daerah Kulim dan Daerah Bandar Baharu serta daerah-daerah yang terletak berhampirannya seperti Daerah Seberang Perai Tengah, Daerah Baling dan Daerah Selama (Perak Utara).

Hospital Kulim mempunyai 10 buah Wad Umum dengan kemudahan Unit Rawatan Rapi (ICU), Unit Rawatan Koronari (CCU), Unit Rawatan Rapi Neonatal (NICU), Dewan Bersalin dan Dewan Bedah. Jumlah katil rasmi yang telah diwartakan ialah sebanyak 320 buah. Pada tahun 2020, Kadar Penggunaan Katil (BOR) di Hospital Kulim adalah sebanyak 78.99% dan semakin meningkat seiring dengan pertambahan jumlah penduduk. Hospital Kulim juga merupakan Lead Hospital bagi Hospital Kluster Kedah Selatan (HOKSEL) dan Hospital Baling (Hospital Tanpa Pakar) sebagai Non-Lead Hospital. Perluasan perkhidmatan kepakaran ke Daerah Baling ini adalah merupakan satu inisiatif Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bertujuan mengurangkan kesesakan pesakit di Lead Hospital di samping mengoptimalkan penggunaan sumber yang sedia ada.

Pandemik COVID-19 yang melanda negara sejak awal Mac 2020 semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah memberi satu impak yang besar kepada perkhidmatan kesihatan di seluruh negara. Hospital Kulim telah berperanan sebagai Hospital Saringan bagi pesakit yang disyaki COVID-19 dan perlu memindahkan pesakit yang positif COVID-19 ke Hospital Sultanah Bahiyah atau Hospital Alor Setar dalam usaha mengekang penularan COVID-19. Di samping itu, rawatan kepada pesakit bukan COVID-19 juga perlu diberikan secara optimum dengan sumber yang sedia ada. Tumpuan utama dalam mengekang penularan COVID-19 adalah dengan meningkatkan aktiviti-aktiviti saringan COVID-19 di kalangan warga Hospital Kulim dan pesakit serta memastikan pematuhan kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh KKM. Semua pihak telah menggembeng seluruh tenaga dalam memastikan tiada penularan COVID-19 berlaku di dalam hospital yang diketuai oleh Pihak Pengurusan Atasan, Unit Kawalan Infeksi dan Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (UKKP). Hospital Kulim tetap mengutamakan penyampaian kesihatan yang cekap dan berkualiti walaupun berhadapan dengan risiko penularan COVID-19.

Sepanjang Pandemik COVID-19 melanda bagi Tahun 2020, Hospital Kulim telah menunjukkan pencapaian yang membanggakan. Antaranya ialah pencapaian 100% KPI HRMIS Tahun 2020 dan peruntukan sebanyak RM40,405.00 bagi kursus atau seminar telah berjaya diselesaikan dengan pelaksanaan platform secara atas talian (virtual).



VISI

Hospital Kulim akan menjadi sebuah Hospital yang sentiasa mengutamakan kualiti dan inovasi di dalam memberikan perkhidmatan Rawatan Perubatan serta mempunyai suasana persekitaran yang selesa dan menyenangkan pelanggan

OBJEKTIF

Untuk menyediakan Perkhidmatan Diagnostik, Rawatan dan Rehabilitasi Yang Berkualiti, Cepak dan Berkesan Dengan Tujuan Untuk Menyelamatkan Nyawa dan Mengurangkan Kesakitan Supaya Pesakit Dapat Sembuh Secara Maksima Dalam Masa Yang Singkat

OBJEKTIF KUALITI

Dasar Kualiti Hospital Kulim adalah untuk menyediakan perkhidmatan yang berkualiti yang dapat memenuhi kehendak pelanggan. Hospital Kulim adalah komited untuk memastikan supaya semua pesakit yang dirawat di Hospital Kulim akan mendapat rawatan yang berkualiti melalui pelaksanaan MS ISO 9001: 2000

CARTA ORGANISASI HOSPITAL KULIM

PENGARAH HOSPITAL
Pegawai Perubatan Gred UD43-UD54

PENGERUSI
JAWATANKUASA PENASIHAT PERUBATAN DAN PERGIAN

TIMBALAN PENGARAH PERUBATAN I
Pentadbir/Klinikal, Pegawai Perubatan Gred UD43-UD54

TIMBALAN PENGARAH PERUBATAN II
Pentadbir/Klinikal, Pegawai Perubatan Gred UD43-UD54

TIMBALAN PENGARAH PERUBATAN III
Pentadbir/Klinikal, Pegawai Perubatan Gred UD43-UD54

PENOLONG PENGARAH KANAN (PENGURUSAN)
Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M44

JURUTERA
Jurutera Elektronik Gred J41/J44

PENYELIAAN & SAINS KESIHATAN BERSEKUTU
UNIT PENYELIAAN
PENYELIA HOSPITAL
KETUA PENYELIA JURURAWAT

AMALAN PERUBATAN
UNIT MEDICO-LEGAL

JABATAN REKOD PERUBATAN
UNIT PERUBATAN FORENSIK
UNIT KERJA SOSIAL PERUBATAN
UNIT KAWALAN INFEKSI
UNIT CASEMIX
PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH
PROGRAM HOSPITAL BEBAS KESAKITAN

DIREKTORAT PERKHIDMATAN PERUBATAN
JABATAN PERUBATAN AM
UNIT NEFROLOGI & HEMODIALISIS
JABATAN PSIKIATRI DAN KESIHATAN MENTAL

DIREKTORAT PERKHIDMATAN WANITA & KANAK-KANAK
JABATAN OBSTETRIK DAN GINEKOLOGI
JABATAN PEDIATRIK
JABATAN PERGIAN PEDIATRIK

DIREKTORAT KUALITI PENJAGAAN PERUBATAN
UNIT KUALITI DAN INOVASI
LEAN HEALTHCARE
AKREDITASI
PATIENT SAFETY

UNIT PENDIDIKAN KESIHATAN
UNIT HOSPITAL KLUSTER KEDAH SELATAN

DIREKTORAT PERKHIDMATAN PEMBEDAHAN DAN KECEMASAN
JABATAN KECEMASAN DAN TRAUMA
JABATAN PEMBEDAHAN AM
JABATAN ORTOPEDIK
JABATAN OTORINO-LARINGOLOGI
UNIT TERAPI PERTUTURAN DAN BAHASA
UNIT AUDIOLOGI
JABATAN OTFALMOLOGI
UNIT OPTOMETRI
JABATAN ANAESTESIOLOGI DAN RAWATAN RAPI
JABATAN BEDAH MULUT DAN MAKSILOFASIAL

DIREKTORAT SOKONGAN KLINIKAL
JABATAN FARMASI DAN BEKALAN
JABATAN DIETETIK & SAJIAN
UNIT FISIOTERAPI
UNIT PEMULIHAN CARAKERJA
UNIT BEKALAN STERIL

DIREKTORAT DIAGNOSTIK KLINIKAL
JABATAN RADIOLOGI *
JABATAN PATOLOGI DAN TRANSFUSI *
UNIT KESELAMATAN DAN KESIHATAN

PENOLONG PENGARAH (PENGURUSAN)
Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41/M44

PENOLONG PEGAWAI TADBIR KANAN
UNIT KHIDMAT PENGURUSAN
PENTADBIRAN AM
ASET & STOR
PEMBANGUNAN
ASRAMA & KUARTERS
KENDERAAN
PERPUSTAKAAN
UNIT HASIL
TERIMAAN
BDM
PENDAFTARAN JABATAN KECEMASAN DAN TRAUMA

PENOLONG PEGAWAI TADBIR
UNIT SUMBER MANUSIA
PERKHIDMATAN
HRMIS/CUTI
LATIHAN
INTEGRITI
UNIT KEWANGAN
BAJET
GAJI
BAYARAN
PEROLEHAN

UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT
UNIT KESELAMATAN
UNIT PERHUBUNGAN AWAM
UNIT HAL EHWAL AGAMA ISLAM



DIREKTORAT PERKHIDMATAN PENGURUSAN

- 1.1 Pengurusan Hospital**
- 1.2 Unit Khidmat Pengurusan**
- 1.3 Unit Sumber Manusia**
- 1.4 Unit Pengangkutan & Kenderaan**
- 1.5 Unit Kewangan**
- 1.6 Unit Hasil**
- 1.7 Unit Perhubungan Awam**
- 1.8 Unit Keselamatan**
- 1.9 Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan**
- 1.10 Unit Kejuruteraan**
- 1.11 Unit Kejururawatan**
- 1.12 Unit Penyeliaan Hospital**
- 1.13 Unit Kualiti dan Inovasi**
- 1.14 Bilik Daftar Masuk**
- 1.15 Unit Kawalan Infeksi**
- 1.16 Unit Teknologi Maklumat**
- 1.17 Unit Hal Ehwal Islam**

1.1 PENGURUSAN HOSPITAL

1.1 PENGURUSAN HOSPITAL

PENGENALAN

Bahagian Pengurusan terletak di aras bawah Blok Pentadbiran di sebelah kanan ruang lobi hospital. Hospital Kulim diketuai oleh seorang Pegawai Perubatan (Pentadbir) Gred UD54 sebagai Pengarah Hospital dan dibantu oleh tiga (3) orang Timbalan Pengarah yang disandang oleh dua (2) orang Pegawai Perubatan Gred UD52 (Timbalan Pengarah Perubatan I dan III), seorang Pegawai Perubatan Gred UD48 (Timbalan Pengarah Perubatan II); seorang Ketua Penolong Pengarah (disandang oleh Pegawai Perubatan Gred UD52), seorang Penolong Pengarah Kanan (disandang oleh Pegawai Tadbir Diplomatik Gred M44) dan seorang Penolong Pengarah (disandang oleh Pegawai Tadbir Diplomatik Gred M41/44).

OBJEKTIF DAN SASARAN

Menyediakan Perkhidmatan Pengurusan yang Cepak, Teratur dan Berkesan

PERJAWATAN

Bil.	Perjawatan	Gred	Pengisian	Kekosongan	Peratus Pengisian (%)
1	Pengarah Hospital	UD43-54	1	0	100
2	Timbalan Pengarah Hospital	UD43-54	3	0	100
3	Pegawai Tadbir & Diplomatik	M44	1	0	100
4	Pegawai Tadbir & Diplomatik	M41/44	1	0	100
5	Jurutera	J41/44	1	0	100
6	Pegawai Teknologi Maklumat	F44	1	0	100
7	Pegawai Teknologi Maklumat	F41/44	2	0	100
8	Penolong Jurutera	JA29/30/36	1	0	100
9	Penolong Pegawai Tadbir	N32	1	0	100


10	Penolong Pegawai Tadbir	N29/32	1	0	100
11	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam	S29/32	1	0	100
12	Pegawai Perhubungan Awam	S29/32	1	0	100
13	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	F32	1	0	100
14	Penolong Pegawai Keselamatan	KP32	1	0	100
15	Pembantu Keselamatan	KP19	4	0	100
16	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	FA29/32	1	0	100
17	Pembantu Tadbir (P/O)	N22	3	0	100
18	Pembantu Tadbir (P/O)	N19/22	17	0	100
19	Setiausaha Pejabat	N29	1	0	100
20	Pembantu Tadbir (Kew)	W22	2	0	100
21	Pembantu Tadbir (Kew)	W19/22	9	1	90
22	Pembantu Perpustakaan	S19/22	1	0	100
23	Pembantu Keselamatan	KP19/22	4	0	100
24	Penyelia Asrama	N19/22	4	0	100
25	Pegawai Khidmat Pelanggan	N19/22	8	0	100
26	Pembantu Operasi	N11/14	5	0	100
27	Penyelia Pemandu	H14	2	0	100
28	Pemandu	H11	22	1	95
	JUMLAH		98	2	98

Jadual 1.1.1 Perjawatan Keseluruhan Pengurusan Hospital Kulim

PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

Pengurusan tertinggi Hospital Kulim disokong oleh unit-unit berikut bagi melancarkan pengurusan hospital dari segi kebajikan kakitangan dan kemudahan pesakit seperti berikut :

1. Khidmat Pengurusan
2. Sumber Manusia
3. Pengangkutan dan Kenderaan
4. Kewangan
4. Hasil
5. Perhubungan Awam
6. Keselamatan
7. Hal Ehwal Islam
8. Teknologi Maklumat (IT)
9. Bilik Daftar Masuk




Rajah 1.1.2 Fungsi Bahagian Pengurusan Hospital Kulim

AKTIVITI YANG DIJALANKAN

Lawatan Pengurusan Tertinggi

Sepanjang tahun 2020, Hospital Kulim menyelaras dan menerima beberapa siri lawatan oleh Pengurusan Tertinggi dari Kementerian, Agensi di Jabatan Perdana Menteri, SUK Negeri Kedah, KKM dan JKN Kedah dengan tujuan peningkatan kualiti perkhidmatan dan penambahbaikan fasiliti dan peralatan hospital



Rajah 1.1.3 Lawatan Pengurusan Tertinggi ke Hospital Kulim pada tahun 2020

Penubuhan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) Berisiko Rendah

Berikutan peningkatan kes *COVID-19* di Daerah Kulim, perbincangan lanjut antara Jabatan Kesihatan Negeri Kedah, CPRC Negeri Kedah dan Majlis Keselamatan Negeri Kedah telah mencadangkan penubuhan sebuah Pusat Kuarantin dan Rawatan *COVID-19* (PKRC) Berisiko Rendah di Lokaliti Kulim.

PKRC Berisiko Rendah yang pertama adalah di Dewan Politeknik Sultanah Bahiyah, Kulim dengan kapasiti 100 buah katil bermula 6 Disember 2020. Pelbagai pihak telah memberikan kerjasama sepenuhnya dalam memastikan PKRC ini dapat beroperasi dalam masa yang singkat. PKRC Berisiko Rendah ini secara rasminya telah ditutup pada 31 Disember 2020.

Peningkatan kes yang mendadak pada awal tahun 2021 telah menyebabkan PKRC Berisiko Rendah dibuka semula di Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKMM) Kulim bermula tarikh 15 Januari 2021.



Rajah 1.1.4 Ringkasan Penubuhan PKRC Berisiko Rendah Kulim

1.2 UNIT KHIDMAT PENGURUSAN

PENGENALAN

Unit Khidmat Pengurusan terletak di tingkat bawah Blok Pentadbiran bersebelahan dengan Pejabat Pengarah Hospital dan bersekali dengan Unit Sumber Manusia.

Unit ini juga bertanggungjawab mengurus dan melaksanakan urusan pentadbiran am dan khidmat sokongan kepada Bahagian Pengurusan Hospital Kulim bagi memastikan penyampaian perkhidmatan dilaksanakan dengan cekap, teratur dan berkesan yang sesuai dengan objektif penubuhannya.

OBJEKTIF DAN SASARAN

Bagi melancarkan lagi operasi pengurusan hospital dan menjaga kebajikan semua kakitangan klinikal, sokongan klinikal, kemudahan orang awam dan pesakit, Unit Khidmat Pengurusan berperanan dalam urusan berikut:-

1. Menguruskan permohonan, pendaftaran dan pelupusan aset alih;
2. Memohon peruntukan naiktaraf pembangunan;
3. Menyediakan Kemudahan Kuarters dan Asrama kepada kakitangan yang layak;
4. Membekal alat tulis dan bekalan pejabat;
5. Menyediakan kemudahan kantin dan kedai serbaneka;
6. Menyediakan ruang pejabat/ tapak niaga untuk disewa;
7. Memproses surat menyurat untuk edaran luar dan dalaman;
8. Memantau laporan kehadiran kakitangan Hospital Kulim melalui sistem eKEHADIRAN (mula digunakan pada bulan Julai 2020 menggantikan kad perakam waktu);
9. Menguruskan permohonan pinjaman/ pembiayaan kerajaan bagi perumahan, kenderaan, komputer dan telefon mudah alih kepada kakitangan yang layak; dan
10. Mengurus permohonan bagi kemudahan pembelian alat telekomunikasi mudah alih kepada kakitangan yang layak.

PERJAWATAN

JADUAL 1.2.1 PERJAWATAN UNIT KHIDMAT PENGURUSAN 2020

NAMA JAWATAN	GRED	ISI	KOSONG	%DIISI
Ketua Pembantu Tadbir	N22	1	0	100
Pembantu Tadbir	N19/22	5	0	100
Penyelia Asrama	N19/22	2	0	100
Pembantu Pustakawan	S19/22	1	0	100
Pembantu Operasi	N11	2	0	100

PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

Perkhidmatan /tugas yang dijalankan adalah seperti berikut:-

- i) Membuat perolehan secara terus dan sebut harga bagi projek-projek pembangunan;
- ii) Memproses permohonan penyewaan ruang bangunan dan tapak;
- iii) Memproses permohonan untuk menduduki dan keluar kuarters oleh kakitangan;
- iv) Mengurus permohonan pembiayaan/ pinjaman kerajaan bagi perumahan, kenderaan, komputer dan telefon mudah alih untuk kakitangan yang layak;
- v) Menerima/ mengedar surat-menyurat dan *parcel*;
- vi) Mengurus dan membekal stok bekalan pejabat (Alat Tulis);
- vii) Memohon, mendaftar, memeriksa dan melupus aset alih hospital;
- viii) Perkhidmatan perpustakaan untuk kakitangan; dan
- ix) Kemudahan asrama untuk kakitangan yang layak.

AKTIVITI YANG DIJALANKAN

GAMBAR 1.2.1. GOTONG-ROYONG MEMBERSIHKAN KAWASAN KUARTERS BERSAMA PENGHUNI PADA 14/08/2020.



JADUAL 1.2.2 PENCAPAIAN HASIL KERJA

HASIL KERJA	PENCAPAIAN		
	2018	2019	2020
Pembangunan – Peruntukan yang diterima di bawah program Pembangunan (P42)	RM1,491,909.00	RM1,756,775.72	RM305,320.00
Pembangunan – Nilai Sewaan tapak/ ruang pejabat	RM204,969.45	RM304,831.65	RM342,224.45
Kuarters – Jumlah Kuarters yang diduduki oleh kakitangan daripada 73 buah (3 buah rumah telah ditukarfungsi pada tahun 2018)	90%	97%	95%

Kuarters - Memproses permohonan untuk menduduki	10 permohonan	23 permohonan	11 permohonan
Pentadbiran Am - Penerimaan surat dan parcel	8,067	5,359	15,507
Pentadbiran Am - Penghantaran surat/ parcel secara serahan tangan, pos biasa dan pos laju.	8,104	16,310	22,236
Stor Alat Tulis – Kadar Pusingan setahun	4.38	5.10	4.41
Stor Alat Tulis – Nilai perolehan stok	RM268,057.66	RM286,037.00	RM360,806.80
Aset – Jumlah keseluruhan nilai Aset Alih.	RM45,321,636.56	RM44,620,657.93	RM48,309,985.09
Perpustakaan – Jumlah Pengguna.	806	575	816
Asrama – Jumlah kakitangan yang menduduki	44	55	50
Asrama – Tempahan/ penggunaan dewan.	143	173	63

JADUAL 1.2.3 PENCAPAIAN HPIA/KPI TAHUN 2020

HPIA/ KPI	STANDARD %	PENCAPAIAN
Pemeriksaan Aset – Unit ASET	100%	100%
Laporan Pusingan Stok bagi Stor Utama setiap suku tahun – Unit ASET	100% (4 kali)	100%
Laporan Verifikasi Stok bagi Stor Utama – Unit ASET	100% (1 kali)	100%
Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK) – Unit Aset	100% (4 kali)	100%
Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan – Unit Kuarters	100% (4 kali)	100%

PENGENALAN

Unit Sumber Manusia dan Latihan bertanggungjawab menguruskan perkhidmatan dan latihan pegawai daripada lantikan sehingga persaraan atau meninggalkan perkhidmatan awam mengikut undang-undang dan peraturan yang sedang berkuat kuasa.

OBJEKTIF DAN SASARAN

Unit Sumber Manusia dan Latihan diwujudkan bagi memastikan setiap urusan perkhidmatan anggota dilaksanakan mengikut syarat-syarat dan jangkamasa yang telah ditetapkan mengikut pekeliling dan surat edaran yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

PERJAWATAN

JADUAL 1.3.1 PERJAWATAN ANGGOTA UNIT SUMBER MANUSIA BAGI TAHUN 2020

BIL	JAWATAN	BILANGAN ANGGOTA
1.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M44	1
2.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41/M44	1
3.	Penolong Pegawai Tadbir Gred N32	1
4.	Pembantu Tadbir Gred N22	1
5.	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19 – Sumber Manusia	8
6.	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19 – Latihan	1
7.	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19 - HRMIS	1
8.	Pembantu Operasi N11	1
JUMLAH		15

PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

Unit Sumber Manusia mempunyai tiga bidang utama iaitu perkhidmatan/perjawatan, Pengurusan prestasi, dan juga latihan kakitangan. Skop perkhidmatan utama Unit Sumber Manusia adalah seperti berikut:-

1. Pengurusan Keluar dan Masuk pegawai dari dan ke Hospital Kulim
2. Pengesahan Lantikan dan Perkhidmatan
3. Pemberian Taraf Berpencen atau KWSP
4. Pengurusan Kelayakan Cuti
5. Pengisytiharan Harta
6. Pengemaskinian HRMIS
7. Perjawatan
8. Pergerakan Gaji Tahunan (PGT)
9. Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT)
10. Urusan Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat
11. Perletakan dan Pelepasan Jawatan serta Persaraan
12. Tindakan Tatatertib
13. Pengurusan Latihan dalam perkhidmatan pegawai
14. Urusan pengurusan latihan kakitangan

Unit Sumber Manusia juga merupakan *secretariat* bagi beberapa mesyuarat utama seperti:-

1. Mesyuarat Jawatankuasa Latihan Pegawai Perubatan Siswazah
2. Mesyuarat Lembaga Tatatertib
3. Mesyuarat Latihan

Perjawatan Keseluruhan

Unit ini bertanggungjawab menyelenggara senarai perjawatan berdasarkan waran perjawatan yang diluluskan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan mengemaskini data perjawatan iaitu Jawatan, isi dan kosong (JIK). Data-data perjawatan ini turut dikemas kini melalui aplikasi *Human Resources Management Information System (HRMIS)*.

Jumlah perjawatan yang diluluskan sehingga 31 Disember 2020 adalah sebanyak 1240 jawatan. Jumlah sebenar kakitangan keseluruhan yang diisi sehingga 31 Disember 2020 adalah seramai 1538 orang. Sebanyak 46 jawatan yang masih belum diisi kekosongannya berdasarkan jawatan yang mempunyai waran perjawatan. Terdapat lebih pengisian adalah dari jawatan Pegawai Perubatan, Pegawai Farmasi, Jururawat dan Penolong Pegawai Perubatan lantikan kontrak berikutan tiada waran untuk jawatan tersebut.

JADUAL 1.3.2 RINGKASAN MAKLUMAT DAN JUMLAH ANGGOTA

TAHUN	PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN
2018	1,280	1,361	(71)
2019	1,238	1,479	(241)
2020	1,240	1,538	(298)

Unit HRMIS

Unit HRMIS berfungsi untuk:-

- a. Menyelaras dan memantau Pelaksanaan Hrmis di peringkat hospital khususnya aktiviti-aktiviti prapelaksanaan, semasa pelaksanaan dan selepas pelaksanaan sesuatu modul atau sub modul Hrmis
- b. Sebagai *Point Of References* kepada pengguna hospital dalam pelaksanaan Hrmis
- c. Bertindak sebagai Meja Bantuan (*Helpdesk*) Hrmis iaitu menyelesaikan masalah berkaitan pengoperasian aplikasi Hrmis
- d. Menguruskan Latihan/Taklimat/Bengkel Pengemaskinian Maklumat Aplikasi Hrmis kepada pengguna
- e. Bertindak sebagai urusetia kepada Jawatankuasa Pelaksanaan HRMIS jabatan

Unit Latihan

Unit Latihan bertanggungjawab memastikan semua anggota menghadiri kursus dan latihan bagi memastikan pembelajaran berterusan bagi meningkatkan kecekapan dan kemahiran kepada pegawai di jabatan.

Aktiviti teras unit latihan adalah untuk membangunkan modal insan hospital untuk menghasilkan sistem penyampaian kesihatan yang berkesan dan cekap. Bahagian ini sedar dan mengambil maklum akan perubahan dinamik jangkaan masyarakat awam yang semakin tinggi dalam mendapatkan perkhidmatan kesihatan kelas pertama.

Oleh itu, bagi mencapai matlamat ini, aktiviti-aktiviti dilaksanakan melalui pelbagai program latihan pengurusan yang bertujuan untuk melahirkan tenaga kerja yang berpengetahuan, kompeten, berdisiplin, dan didokong dengan etika kerja yang kukuh, nilai dan komitmen untuk mencapai kecemerlangan.

Secara ringkas, fokus unit ini adalah untuk meningkatkan peluang bagi menjalani latihan dan pendidikan yang berkualiti bertujuan mengukuhkan asas sumber manusia dan ilmu pengetahuan selaras dengan dasar kerajaan.

AKTIVITI YANG DIJALANKAN

Unit Sumber Manusia telah mengadakan Sesi Semakan Kenyataan Cuti Di Dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan bagi pegawai lantikan Tahun 2016 hingga 2019 Siri 1/2020 di peringkat Hospital Kulim pada 23.02.2020 hingga 26.02.2020. Sesi semakan ini bertujuan untuk pegawai menyemak kadar kelayakan dan baki Cuti Rehat Tahunan serta Gantian Cuti Rehat (GCR) agar rekod di dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan pegawai adalah sama dengan Sistem HRMIS serta selaras dengan peraturan dan pekeliling perkhidmatan yang sedang berkuat kuasa. Kadar kelayakan kemudahan Cuti Rehat Tahunan mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2015. Aktiviti ini telah mendapat sambutan dan maklum balas yang amat positif daripada kakitangan yang terlibat.

Unit Sumber Manusia juga telah mengadakan satu Taklimat Panduan Penilaian Prestasi Pegawai Penilai Pertama (PPP) dan Pegawai Penilai Kedua (PPK) bagi urusan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) melalui Sistem HRMIS pada 20, 22 dan 27 September 2020. Sesi ini bertujuan memberi penerangan dan panduan bagi pengurusan penilaian prestasi agar dapat memenuhi kriteria KPI yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

PENCAPAIAN AKTIVITI KUALITI

JADUAL 1.3.3 PENCAPAIAN HRMIS BAGI TAHUN 2020

SKT 2020	100%
LNPT 2020	100%
PENAMATAN PERKHIDMATAN	100%
PENGISYTIHARAN HARTA 2020	100%
DATA BERINTEGRITI	100%

JADUAL 1.3.4 PENCAPAIAN HPIA

INDIKATOR	PENCAPAIAN
Semua pegawai perlu disahkan dalam perkhidmatan dalam tempoh 3 tahun dari tarikh lantikan	100%
Semua pegawai baharu perlu diorientasi dalam tempoh 3 bulan dari tarikh lapor diri	100%
Semua pegawai perlu dimaklumkan berkaitan markah LNPT oleh Pegawai Penilai Pertama	100%
Semua dokumen perlu dihantar 3 bulan sebelum pegawai layak diberi kenaikan pangkat secara <i>Time-Based</i> berasaskan kecemerlangan	100%

JADUAL 1.3.5 PENCAPAIAN SUMBER MANUSIA

PERKARA	JUMLAH URUSAN KESELURUHAN
Kemaskini Kenyataan Cuti di dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan (pegawai lantikan Tahun 2016 hingga Tahun 2019)	100%
Pantauan ke atas pengisytiharan harta pegawai ke dalam sistem HRMIS	100%
Pengemaskinian pengurusan rekod peribadi anggota ke dalam sistem HRMIS (Laporan Data Integriti, Sumber dari JKN Kedah)	100%
Penggunaan Modul Pengurusan Tuntutan dan Pendahuluan Diri Submodul Tuntutan Elaun Perjalanan Dalam Negeri melalui Sistem HRMIS	100% bagi pegawai yang mempunyai ID pengguna HRMIS

AKTIVITI YANG DIJALANKAN

GAMBAR 1.3.1 SESI SEMAKAN KENYATAAN CUTI DI DALAM BUKU PERKHIDMATAN KERAJAAN BAGI PEGAWAI LANTIKAN TAHUN 2016 HINGGA 2019 SIRI 1/2020 PERINGKAT HOSPITAL KULIM



GAMBAR 1.3.2 TAKLIMAT PANDUAN PENILAIAN PRESTASI PEGAWAI PENILAI PERTAMA (PPP) DAN PEGAWAI PENILAI KEDUA (PPK) BAGI URUSAN LAPORAN NILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT) MELALUI SISTEM HRMIS



1.4 UNIT PENGANGKUTAN KENDERAAN

PENGENALAN

Unit kenderaan terletak di Bilik Daftar Masuk, Unit ini terdiri daripada 22 orang pemandu H11 dan 2 orang pemandu H14

Hospital Kulim mempunyai sebuah *MPV*, tiga buah van penumpang, tiga buah van barang, tiga buah Kenderaan Jenazah, sebuah lori, sebuah bas, lapan buah Ambulan, dan dua buah Kenderaan *Decontamination (Decon)*.

Antara fungsi Unit Kenderaan ialah mengambil ubat-ubatan atau vaksin dari hospital lain bagi menampung kekurangan bekalan di Hospital Kulim, menghantar spesimen ke luar (*oursource*) dan menerima permohonan keluar daerah bagi tujuan mesyuarat, kursus, dan sebagainya.

OBJEKTIF DAN SASARAN

Untuk menyediakan perkhidmatan yang terbaik dan saksama kepada semua kakitangan Hospital Kulim.

PERJAWATAN

JADUAL 1.4.1 PERJAWATAN BAGI ANGGOTA UNIT KENDERAAN 2020

BIL KOSONG	NAMA JAWATAN	PERJAWATAN	ISI
1.0	Pemandu H14	2	2
2.0	Pemandu H11	23	23
3.0	Pembantu Tadbir N19	0	0

PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

- i. Mengurus dan mengatur perjalanan kenderaan jabatan ke sesuatu destinasi.
- ii. Menerima borang tempahan kenderaan jabatan dan dicatat dalam buku rekod perjalanan.
- iii. Bertanggungjawab dalam memantau kehadiran dan giliran pemandu untuk memandu kenderaan jabatan dan ambulans.


iv. Memantau penggunaan kad minyak dan Kad *Touch & Go* yang digunakan oleh setiap pemandu bagi sesuatu perjalanan.

v. Memantau kerosakan kenderaan jabatan dan jadual servis berkala bagi setiap kenderaan.

AKTIVITI YANG DIJALANKAN

AKTIVITI PERMOHONAN KENDERAAN UNTUK KURSUS/TAKLIMAT

GAMBAR 1.4.1- PERMOHONAN KENDERAAN UNTUK MENGHADIRI KURSUS/ MESYUARAT



GAMBAR 1.4.2 – AKTIVITI URUSAN MAKMAL/URUSAN PEJABAT



GAMBAR 1.4.3 – AKTIVITI MENGAMBIL / MENGHANTAR UBAT



GAMBAR 1.4.4 – PROGRAM TABUNG DARAH



PENCAPAIAN AKTIVITI KUALITI

A. PENCAPAIAN INDICATOR (KPI)

PERCENTAGE OF HOSPITAL'S VEHICLES THAT CONFORMED TO THE PLANNED PREVENTIVE MAINTANANCE (PPM) TAHUN 2020

TAHUN		
2018	58/58	100%
2019	58/58	100%
2020	56/56	100%

PENGENALAN

Unit Kewangan terletak di tingkat bawah blok Pentadbiran bersekalikan dengan Pejabat Pengarah Unit Sumber Manusia dan Unit Pentadbiran. Unit ini akan memastikan operasi Pengurusan Kewangan Hospital berjalan secara teratur dan cekap.

OBJEKTIF DAN SASARAN

Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas pengurusan kewangan sepenuh masa berhubung urusan kawalan belanjawan, kewangan am, perolehan kerajaan, bayaran emolument serta semua jenis pembayaran dengan cekap agar dapat mencapai objektif dan sasaran yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

PERJAWATAN

JADUAL 1.5.1 : PERJAWATAN

NAMA JAWATAN	GRED	DIISI	KOSONG	%DIISI
Pembantu Tadbir Kanan	W22/N22	2	-	100
Pembantu Tadbir	W29 (KUP)	2	-	100
Pembantu Tadbir	W19/22	6	-	100
Pembantu Operasi	N11	1	-	100

PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

Bertanggungjawab kepada Unit Pengurusan Hospital Kulim yang berperanan menguruskan peruntukan yang diterima dari Jabatan Kesihatan Negeri Kedah. Berikut adalah perkhidmatan yang disediakan:-

- i) Urusan kawalan belanjawan
 - Menyedia dan mengemaskini belanjawan harian, bulanan dan tahunan
 - Mengurus dan mengawal peruntukan
 - Menyelenggara rekod dan menyediakan laporan perbelanjaan
- ii) Urusan kewangan am
 - Mengurus, menyelenggara dan memantau panjar wang runcit
 - Menyelenggara dokumen-dokumen serta borang-borang kewangan

- iii) Urusan perolehan kerajaan
 - Pengeluaran Pesanan Tempatan melalui sistem iGFMAS dan e-Perolehan untuk perolehan secara terus, Sebutharga, kontrak dan pembangunan.
 - Menguruskan perolehan melalui sebutharga

- iv) Urusan bayaran emolumen
 - Menguruskan hal whwal bayaran gaji, elaun, upah, KWSP, dan lain-lain potongan gaji anggota.
 - Menyediakan sijil gaji akhir anggota yang bertukar keluar
 - Memproses borang perubahan gaji anggota yang terlibat
 - Memproses bayaran gaji, elaun bagi anggota bermasalah yang 'out payroll' serta pekerja sambilan harian secara bayaran baucer

- v) Urusan bayaran lain-lain
 - Memproses bayaran bagi semua perolehan
 - Memproses bayaran elaun anggota seperti lebih masa, perjalanan, perpindahan, EKLWBB, BIKSWP, BIPEHS, bayaran balik perubatan, bayaran balik kasut, bayaran upah jahit uniform dan lain-lain bayaran yang layak dan mengikut pekeliling yang ditetapkan.

- vi) Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Dan Akaun
 - Menguruskan dan menetapkan tarikh mesyuarat
 - Menyediakan laporan dan minit selepas mesyuarat dan dihantar ke unit kewangan Jabatan Kesihatan Negeri Kedah.

PENCAPAIAN

JADUAL 1.5.2 PERUNTUKAN BELANJA MENGURUS/PEMBANGUNAN 2018 HINGGA 2020

PECAHAN PERUNTUKAN MENGURUS B42						
Perkara	2018		2019		2020	
	Peruntukan	Perbelanjaan	Peruntukan	Perbelanjaan	Peruntukan	Perbelanjaan
Objek 10000 (Emolumen)	79,666,300.00	80,667,648.00	78,738,300.00	73,784,014.17	84,974,700.00	88,693,591.00
Objek 20000 (Perkhidmatan & Bekalan)	50,458,357.00	50,460,024.00	62,684,074.00	62,055,508.00	53,269,172.00	53,793,497.00
Objek 30000 (Aset & Harta Modal)	1,410.00	1,410.00	1,185,454.00	1,185,445.00	634,204.00	634,196.00
Objek 40000 (Ganjaran & Pemberian Khas)	496,901.00	494,546.00	279,548.00	279,548.00	113,462.00	113,457.00
Objek 50000 (Perbelanjaan-perbelanjaan lain)	6,958.00	6,958.00	-	-	-	-
Jumlah	130,629,927.00	131,630,586.00	142,887,376.00	137,304,515.00	138,991,538.00	143,234,742.00

PECAHAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN S42

Perkara	2018		2019		2020
	Peruntukan	Perbelanjaan	Peruntu kan	Perbela njaan	Peru
BP 66666 (Ubahsuai / Naiktaraf)	106,394.00	106,394.00	-	-	-
Jumlah	106,394.00	106,394.00	-	-	-

PECAHAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN P42

Perkara	2018		2019		2020	
	Peruntukan	Perbelanjaan	Peruntuk an	Perbelanj aan	Peruntuka n	Perbela njaan
BP 00600 (Ubahsuai / Naiktaraf)	1,385,515.00	1,385,515.00	145,120.0 0	145,120.0 0	69,216.00	69,216.0 0
BP 00105 (Modal Insan)	37,100.00	37,100.00	91,300.00	91,300.00	40,405.00	40,405.0 0
BP 00300 (kemudahan hospital)	-	-	15,000.00	15,000.00	10,321,001. 00	10,321,0 01.00
BP 00900 (Penyelenggaraan Kuarters KKM Fasa II & III)	-	-	-	-	-	-
BP 01100 (Naik taraf peralatan perubatan)	1,083,478.00	1,083,478.00	1,505,355. .72	1,505,355. 72	1,421,139.0 0	1,421,13 9.00
BP 00800 (Peralatan ICT)	-	-	-	-	1,268,349.0 0	1,268,34 9.00
P06/9400 (SPIKPA)	-	-	-	-	-	-
Jumlah	3,928,708.00	3,928,708.00	1,756,775. .72	1,756,775. 72	11,851,761. 00	11,851,7 61.00

PERUNTUKAN PEMBERIAN KEMUDAHAN PROJEK KHAS B11						
Perkara	2018		2019		2020	
	Peruntukan	Perbelanjaan	Peruntukan	Perbelanjaan	Peruntukan	Perbelanjaan
B11-021301 Objek 20000 - 40000 (Ganjaran & Pemberian Khas)	482,000.00	479,649,47.00	269,500.00	269,499.92	149,997.00	149,997.00
Jumlah	482,000.00	479,649,47.00	269,500.00	269,499.92	149,997.00	149,997.00

PENGENALAN

Unit Hasil Hospital Kulim berada di tingkat bawah bersebelahan dengan kaunter pengambilan sampel darah (Unit Patologi), berdekatan pintu masuk utama melalui lobi hospital. Diketuai oleh seorang Penolong Pegawai Tadbir N32.

OBJEKTIF DAN SASARAN

Mengendalikan semua kutipan hasil mengikut Akta Fi 1951, Perintah Fi (Perubatan) 1982 dan Akta Fi (Perubatan)(Kos Perkhidmatan) 2014, Perintah Fi (Perubatan)(Pindaan) 2017, juga menerima lain-lain bayaran bagi Hospital Kulim mengikut Akta Acara Kewangan 1957 dan peraturan-peraturan kewangan semasa.

Memastikan perjalanan/pengurusan unit hasil berjalan dengan lancar dan teratur. Semua kutipan yang diterima, disimpan dan dibankkan mengikut prosedur kewangan yang ditetapkan.

PERJAWATAN

Bil	Nama Jawatan Catatan	Perjawatan	Isi	Kosong
1.	Penolong Pegawai Tadbir N32	1	1	0
2.	Pembantu Tadbir W22	1	1	0
3.	Penolong Akauntan W29(KUP)	1	1	0
4.	Pembantu Tadbir (P/O) N19	4	4	0

PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

1. Membuat kutipan hasil caj rawatan yang dikenakan kepada pesakit luar (Klinik Pakar) dan pesakit dalam menurut Perintah Fi (Perubatan) 1982, Perintah Fi (Perubatan)(Kos Perkhidmatan) 2014 (Caj baru bagi pesakit warga asing), Perintah Fi (Perubatan)(Pindaan) 2017, Akta Acara Kewangan 1957, Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling-pekeliling semasa.

2. Mengeluarkan resit rasmi bagi setiap bayaran yang diterima dan penyata caj rawatan terperinci yang dikenakan kepada pesakit.
3. Menyediakan Lampiran D, permohonan pengecualian bayaran sebahagian atau penuh bagi pesakit kelas tiga yang tidak mampu membayar bil hospital dan mengisytiharkan dirinya tidak berkemampuan atau miskin. Pesakit dikehendaki membawa surat sokongan dari Penghulu mukim sebagai bukti.
4. Menerima dan membuat bayaran balik deposit pesakit, deposit peralatan pesakit dan deposit kuarters hospital kepada pesakit dan kakitangan hospital.
5. Menyedia dan menghantar laporan-laporan hasil dan reten bulanan / tahunan:
 - Semua kutipan bayaran bil hospital yang diterima di kaunter hasil.
 - Terimaan caj rawatan pesakit dari unit-unit seperti Unit Fisioterapi, Carakerja, Pusat Rawatan Harian (*Day Care*), Unit Hemodialisis, Klinik-klinik Pakar, bayaran deposit peralatan pesakit dan lain-lain bayaran balik kewangan hospital.
 - Semua urusan kutipan bayaran caj hospital termasuk deposit, bayaran laporan perubatan dan lain-lain selepas waktu pejabat, cuti mingguan dan cuti umum dikutip oleh Bilik Daftar Masuk. Bilik Daftar Masuk beroperasi mulai jam 7.00 pagi hingga 9.00 malam setiap hari.
 - Urusan pendaftaran pesakit masuk wad selepas jam 9.00 malam hingga 7.00 pagi akan dibuat di kaunter Jabatan Kecemasan Dan Trauma.
 - Terimaan hasil dibankkan setiap hari (Isnin hingga Khamis) mengikut Arahan Perbendaharaan. Penyata Pemungut kutipan hasil diproses melalui sistem 1GFMAS.

PENCAPAIAN UNIT HASIL

JADUAL 1.6.1 PERBANDINGAN KUTIPAN HASIL, DEPOSIT DAN TUNGGAKAN BAGI TEMPOH 3 TAHUN SEPERTI JADUAL DIBAWAH:-

Tahun	2018 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)
Kutipan Hasil	2,818,437.00	2,926,514.00	3,322,721.48.00
Kutipan Deposit	131,538.00	162,125.00	245,073.00
Tunggakan			
i) Warganegara	37,093.50	42,726.00	38,350.50
ii) Warga asing	146,450.50	150,095.00	144,373.00
JUMLAH	183,544.00	192,821.00	182,723.50

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

JADUAL 1.6.2 JADUAL KURSUS YANG TELAH DIHADIRI

Jumlah Kakitangan	Kursus/Bengkel/Seminar
1 orang	Kursus Pemantapan Sahsia Diri
2 orang	Taklimat CASEMIX
1 orang	Kursus Pengurusan Laktosi

AKTIVITI KUALITI

KPI	STANDARD %	PENCAPAIAN 2020
Kutipan Hasil	70%	99.95%

1.7 UNIT PERHUBUNGAN AWAM

PENGENALAN

Unit Perhubungan Awam merupakan salah satu komponen utama dalam direktorat Pentadbiran di Hospital Kulim. Unit ini bertanggungjawab untuk menguruskan dan mengendalikan aduan/maklumbalas mengenai perkhidmatan agensi dari pelanggan. Selain itu juga, unit ini juga mengendalikan perkhidmatan kaunter serta menguruskan panggilan telefon dari luar dan dalam sama ada daripada kakitangan hospital atau pun pelanggan.

OBJEKTIF DAN SASARAN

Memastikan pelanggan mendapat layanan dan Perkhidmatan memuaskan serta memberikan penerangan kepada pelanggan yang ingin mendapatkan penjelasan mengenai Perkhidmatan yang disediakan. Unit Perhubungan Awam juga akan membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pelanggan yang berurusan dengan jabatan.

PERJAWATAN

Unit ini diketuai oleh Pegawai Perhubungan Awam sebagai Ketua Unit yang bertanggungjawab menyelaras dan memantau operasi Unit Perhubungan Awam, menyelia pengurusan panggilan dari luar dan dalam hospital serta menyelaras lawatan dari Jabatan/Agensi dalam dan luar negara.

JADUAL 1.7.1 PERJAWATAN ANGGOTA UNIT PERHUBUNGAN AWAM BAGI TAHUN 2018

BIL	NAMA JAWATAN	GRED	BIL JAWATAN	ISI	KOSONG	PERATUS PENGISIAN
1	Pegawai Perhubungan Awam	S29	1	1	0	100%
2	Pegawai Khidmat Pelanggan	N19	9	9	0	100%
Jumlah			10	10	0	100%

PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN


1. Pengurusan Aduan & Penghargaan
2. Kaunter pertanyaan
3. Menyambung panggilan dari dalam dan luar hospital
4. Membuat pengumuman (umum/kecemasan)

AKTIVITI YANG DIJALANKAN

JADUAL 1.7.2 STATISTIK ADUAN & PENGHARGAAN

JENIS ADUAN	2018	2019	2020
MUDAH /SEDERHANA	24	38	43
KOMPLEKS	13	3	5
PENGHARGAAN	10	4	9
JUMLAH DALAM SISPA	47	45	57

RAJAH 1.7.3 PERBANDINGAN ADUAN MENGIKUT KATEGORI



PENCAPAIAN AKTIVITI KUALITI

JADUAL 1.7.3 PENCAPAIAN HPIA

INDIKATOR (TAHUN 2020)	PENCAPAIAN
<i>Percentage of Aduan Mudah and Sederhana which were received through SisPAA (Sistem Pengurusan Aduan Awam) and setteled within the stipulated period (working days)</i>	100%

1.8 UNIT KESELAMATAN

PENGENALAN

Unit Keselamatan menjalankan tugas Keselamatan Perlindungan yang merangkumi KESELAMATAN FIZIKAL, KESELAMATAN RAHSIA RASMI, KESELAMATAN RAHSIA RASMI DALAM PERSEKITARAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT), KESELAMATAN PERIBADI dan PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN di Hospital Kulim yang berlandaskan Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) yang dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) yang bertujuan mengelakkan sebarang pencerobohan kawasan, maklumat dan sebagainya. Bagi menyokong pelaksanaan kawalan terhadap ancaman – ancaman keselamatan yang semakin berkembang, Akta Rahsia Rasmi 1972 dan akta – akta yang berkaitan dengan keselamatan juga digunakan.

Unit Keselamatan dalam usaha untuk mengemaskini dan meningkatkan kualiti kerja ke tahap yang maksimum untuk memastikan kawalan keselamatan Hospital Kulim sentiasa teratur, mematuhi peraturan yang telah ditetapkan, mengelakkan pencerobohan-pencerobohan anasir luar, kehilangan/kecurian maklumat dan aset kerajaan dan menaikkan imej Hospital Kulim. Selain daripada itu, penambahan dan naiktaraf mekanisma keselamatan perlindungan seperti CCTV, *Boomgate*, kad akses, kad jabatan Hospital Kulim dan sebagainya akan dibuat mengikut perancangan yang telah dibuat.

Standard Operation Prosedure (SOP) berkaitan keselamatan perlindungan serta yang berkaitan telah diwujudkan dan dikemaskini setiap tahun supaya bersesuaian dengan keadaan dan persekitaran keselamatan yang semakin mencabar dan berkembang pesat. Antara SOP yang menjadi keutamaan Unit Keselamatan adalah:

1. Polisi Keselamatan Perlindungan;
2. Polisi Keselamatan Bayi;
3. Polisi Mengurus Harta Benda dan Wang Tunai Pesakit; dan
4. Polisi dan Pelan Tindakan Menghadapi Ancaman Bom Dan Bungkus Yang Mencurigakan (Terbaharu).

Pada Tahun 2020 juga, ancaman pandemik Covid – 19 telah melanda Negara termasuk Hospital Kulim menjadi suatu cabaran yang baharu bagi keselamatan perlindungan dalam mengawal penularan pandemik Covid – 19 terhadap persekitaran Hospita Kulim.

OBJEKTIF DAN SASARAN

1. Membantu pengurusan Hospital Kulim melaksanakan pengurusan keselamatan perlindungan bagi mencapai misinya dengan lebih berkesan dan cekap selaras dengan kehendak KKM.
2. Membantu pengurusan Hospital Kulim melaksanakan pemantauan ke atas syarikat kawalan keselamatan yang dilantik agar tidak melanggar syarat kontrak yang ditetapkan.
3. Menyediakan perkhidmatan rujukan berkenaan Keselamatan Perlindungan dari sudut Keselamatan Fizikal, Keselamatan Rahsia Rasmi, Keselamatan Rahsia Rasmi Dalam Persekitaran Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT), Keselamatan Peribadi Dan Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan.
4. Melaksanakan keperluan – keperluan latihan yang telah ditetapkan oleh Hospital Kulim untuk memastikan kawalan keselamatan tidak dikompromi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

PERJAWATAN

Unit Keselamatan, Hospital Kulim ditubuhkan pada 08 Julai 2009 di bawah Bahagian Pentadbiran, Hospital Kulim. Sebanyak 6 perjawatan skim Keselamatan Pertahanan (KP) telah diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia bagi Unit Keselamatan. Pecahan perjawatan adalah seperti berikut:

Jawatan / Gred	Bilangan Perjawatan	Pengisian	Kekosongan
Penolong Pegawai Keselamatan Kanan KP32	1	1	0
Pembantu Keselamatan Kanan KP22*	1	1	0
Pembantu Keselamatan KP19	4	4	0
Jumlah	6	6	0

Jadual 1.8.1 Perjawatan Unit Keselamatan

**Penjawatan bagi Pembantu Keselamatan Kanan KP22 telah dipindahkan ke Jabatan Kesihatan Negeri Kedah berkuatkuasa Januari 2017.*

Pejabat Unit Keselamatan ditempatkan di hadapan Hospital Kulim dan mengurus serta memantau perkhidmatan syarikat kawalan keselamatan seperti berikut:

Bil.	Syarikat Perkhidmatan Kawalan Keselamatan	Tempoh Perkhidmatan	Bilangan Pengawal Keselamatan
1.	Kawalan Seri Padang Sdn. Bhd.	01/07/2014 ~ 31/12/2014	48
2.	Kawalan Seri Padang Sdn. Bhd.	01/01/2015 ~ 31/12/2016	48
3.	Magna Security Sdn. Bhd.	01/01/2017 ~ 31/12/2018	48
4.	Crystalguard Security Sdn. Bhd.	01/01/2019 ~ kini	48

PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

1. Membantu dalam menguruskan prosedur dan melaksanakan aspek-aspek keselamatan fizikal, dokumen dan peribadi di Hospital Kulim serta memastikan ianya dalam keadaan terus, betul dan teratur.
2. Membantu memastikan syarikat kawalan keselamatan swasta melaksanakan tugas-tugas dan prosedur yang telah dipersetujui, memantau sebarang pelanggaran kontrak, memperuntukan anggota keselamatan yang mencukupi dan menentukan lokasi / pos keselamatan yang perlu diawasi.
3. Menyelia dan menjalankan pemeriksaan keselamatan ke atas Jabatan/Wad/Unit, membuat laporan, mencadangkan syor-syor dan input – input berkaitan penambahbaikan keselamatan serta membantu memastikan peraturan keselamatan fizikal, dokumen serta peribadi dipatuhi untuk dilaksanakan di Jabatan/Wad/Unit.
4. Membantu mengkaji keperluan peralatan dan kelengkapan keselamatan dalam meningkatkan tahap keselamatan Hospital Kulim.
5. Membantu menjalankan pemeriksaan mengejut dan siasatan bagi menentukan bahawa langkah – langkah keselamatan dipatuhi dan dilaksanakan.

6. Membantu mensyorkan tindakan yang sepatutnya bagi isu pelanggaran keselamatan dan melaporkan kepada Pengurusan Hospital Kulim dan pihak – pihak lain yang berkenaan.
7. Menyelaraskan sebarang urusan – urusan berkaitan keselamatan dengan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Bomba Dan Penyelamat, PERHILITAN dan lain-lain berkaitan;
8. Membantu menguruskan hal – hal berkaitan personel keselamatan;
9. Menjalankan tugas – tugas lain sebagaimana yang diarahkan oleh Pegawai Atasan.

PENGAWAL KESELAMATAN

Bil.	Syarikat Perkhidmatan Kawalan Keselamatan	Tempoh Perkhidmatan	Bilangan Pengawal Keselamatan (orang)
1.	Crystalguard Security Sdn. Bhd.	01/01/2019 ~ 31/12/2020	48
2.	Crystalguard Security Sdn. Bhd.	01/01/2020 ~ 30/06/2021*	48

**Penyambungan kontrak perkhidmatan kawalan keselamatan selama 6 bulan*

AKTIVITI YANG DIJALANKAN

Dasar Dan Pengurusan

1. Membantu semua Jabatan/Wad/Unit dalam aspek khidmat nasihat keselamatan perlindungan termasuk fizikal, dokumen dan peribadi bagi memantapkan lagi urusan keperluan keselamatan perlindungan di Jabatan/Wad/Unit tersebut.
2. Menyedia dan menganjurkan ceramah/kursus kawalan keselamatan perlindungan di kalangan pegawai/kakitangan Hospital Kulim, Kedah Darul Aman.
3. Menentu dan menyelia laporan – laporan prestasi perkhidmatan Pengawal Keselamatan Swasta untuk tindakan pihak pengurusan atasan Hospital Kulim.
4. Menyelaras keperluan logistik Unit Keselamatan dan menjalankan fungsi pentadbiran serta perkhidmatan pejabat.

5. Menyedia dan mengeluarkan arahan pentadbiran keselamatan ke atas pengawalan keselamatan fizikal Hospital Kulim.
6. Menguruskan perkhidmatan pentadbiran dan pembangunan sumber manusia pegawai dan kakitangan Unit Keselamatan Hospital Kulim.
7. Mengumpul, menyelaras, mengemaskini senarai PKJ dan pelantikan pegawai pengelas dibawah seksyen 2B dan 2C ARR 1972 di Hospital Kulim. Bertanggungjawab sebagai Ketua Unit Keselamatan dan juga sebagai penasihat kepada PKJ dalam aspek keselamatan perlindungan di samping menguatkuasakan undang- undang, arahan dan peraturan keselamatan bagi Hospital Kulim.
8. Menyelarass proses tapisan keselamatan dengan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia untuk semua pegawai dan Pengawal Keselamatan.
9. Melaksanakan tugas dan arahan yang diarahkan oleh Pengarah Hospital Kulim dan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri dari semasa ke semasa.

SEKTOR OPERASI

1. Memastikan kawalan keselamatan di Hospital Kulim, Kedah Darul Aman adalah sentiasa terjamin.
2. Memastikan operasi kawalan keselamatan dan sistem keselamatan secara elektronik berfungsi dengan baik.
3. Menguatkuasakan setiap peraturan keselamatan yang dikeluarkan oleh pihak Hospital Kulim dan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan.
4. Memastikan CCTV berjalan dengan baik.
5. Menguruskan aspek – aspek keselamatan ketika berlangsungnya sebarang majlis atau keraian yang diadakan di Hospital Kulim.
6. Menyelarass pemeriksaan dan penyeliaan laporan lengkap kawalan keselamatan Hospital Kulim.
7. Menentukan kawalan ke atas semua kunci keselamatan di Hospital Kulim adalah terkawal dan terjamin.
8. Menyediakan laporan kepada pihak Pengurusan ke atas sebarang pelanggaran keselamatan di Hospital Kulim.

9. Membuat pemeriksaan berkala ke atas perkhidmatan Pengawal Keselamatan Swasta yang telah dilantik oleh Kerajaan untuk mengawal keselamatan Hospital Kulim.
10. Memastikan pengeluaran pas keselamatan/kad pengenalan jabatan mengikut prosedur dan masa yang telah dikeluarkan oleh Hospital Kulim.
11. Menguruskan latihan dan kursus asas tambahan kepada Pengawal Keselamatan.
12. Menguatkuasakan pengurusan tempat letak kenderaan dan menguatkuasakan pelekat kenderaan di dalam Kawasan Hospital Kulim.
13. Melaksanakan tugas dan arahan yang diarahkan oleh Pengarah Hospital Kulim dan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri dari semasa ke semasa.


Aktiviti Tambahan Dalam Keadaan Pandemik Covid – 19

1. Melaksanakan saringan suhu terhadap Pelawat dan kakitangan Hospital Kulim disetiap laluan masuk Utama.
2. Membuat pemeriksaan disetiap ruang tumpuan dalam pematuhan Pelawat dan Kakitangan terhadap SOP bagi mengelakkan penularan Covid – 19.
3. Melaksanakan kawalan terhadap pemindahan Pesakit Covid – 19 didalam Hospital Kulim.
4. Kawalan Pelawat keluar masuk ke Wad semasa keadaan Pandemik Covid – 19.

AKTIVITI YANG DIJALANKAN (GAMBAR)



Gambarajah 1.8.2 Kawalan lalulintas di Parkir Awam Baharu.



Gambarajah 1.8.3 Saringan suhu dan Pematuhan SOP semasa Pandemik Covid – 19.



Gambarajah 1.8.4 Kes – kes jenayah di Hospital Kulim

PENGENALAN

Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Hospital Kulim (UKKP), ditubuhkan secara rasminya pada 2 Oktober 2014. Ianya dipertanggungjawabkan dalam pengurusan aspek-aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) di hospital selaras dengan kehendak perundangan negara, terutamanya Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

OBJEKTIF DAN SASARAN

Unit Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan di Hospital Kulim berfungsi memberi perkhidmatan ke atas isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada pelbagai kategori anggota kesihatan Hospital. Keberadaan unit ini membantu majikan dalam melaksanakan pematuhan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

1. Membantu Pengurusan tertinggi menyediakan dan menyelenggarakan suatu tempat kerja yang sihat, selesa dan selamat dengan mengambilkira kehendak undang-undang mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan seperti ditetapkan dalam Akta KKP 1994, peraturan-peraturan dan tata amalan yang diluluskan.
2. Memberikan semua pekerja maklumat, arahan, latihan dan penyeliaan berkenaan cara menjalankan tugas mereka dengan selamat dan tanpa risiko kepada kesihatan.
3. Melapurkan dan menyiasat setiap kejadian berbahaya dan kemalangan yang boleh dan telah menyebabkan kecederaan atau penyakit-penyakit pekerjaan.
4. Membantu Pengurusan tertinggi dalam menyelia dan mengedarkan kemudahan-kemudahan kebajikan asas bagi semua pekerja termasuk peralatan pencegahan dan keselamatan diri.
5. Membantu pengurusan Tertinggi dalam membuat garis panduan kerja selamat sesuai dengan institusi dari semasa ke semasa yang perlu dipatuhi oleh semua pekerja demi menjaga keselamatan dan kesihatan mereka.

Sasaran unit ini meliputi kakitangan hospital dalam pelbagai kategori dan juga menyediakan khidmat nasihat serta rawatan perubatan secara percuma kepada kakitangan syarikat konsensi hospital Edgenta-Mediserve.

PERJAWATAN

Unit ini, mempunyai 2 orang kakitangan sahaja setakat ini, iaitu seorang Pegawai Perubatan serta seorang jururawat .

PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN:

1. Perkhidmatan pemeriksaan dan rawatan bagi penyakit-penyakit ringan untuk kakitangan dan ahli keluarga terdekat.
2. Membuat *medical checkup* untuk kakitangan yang melanjutkan pembelajaran mereka. Perkhidmatan ini juga dibuka untuk ahli keluarga terdekat tetapi dikenakan sedikit bayaran.
3. Merawat apa-apa penyakit berjangkit serta mengeluarkan surat perintah kuarantin mengikut pekeliling perkhidmatan bil 11 2016.

AKTIVITI YANG DIJALANKAN:

GAMBAR 1.9.1 TAKLIMAT MENGENAI PEMAKAIAN PERSONAL PROTECTIVE EQUIPMENT(PPE) DI MASA PANDEMIK COVID-19 DENGAN USAHASAMA BERSAMA UNIT KAWALAN INFEKSI (UKI).



Sepanjang Pandemik Covid-19, UKKP dengan usahasama Unit Kawalan Infeksi telah menjalankan latihan mengenai cara-cara pemakaian PPE(donning & doffing) yang betul untuk semua frontliner di Hospital Kulim mengikut kawasan. Latihan ini diberikan kepada trainers/ pengurus-pengurus unit atau wad-wad. Dengan cara ini, mereka akan memberikan latihan kepada pekerja di bawah seliaan mereka yang lain. Ini adalah kerana, tujuan penjarakan social yang menghadkan pertemuan berkumpulan yang terlalu ramai.

GAMBAR 1.9.2 AUDIT KESELAMATAN & HIRARC



Tujuan audit keselamatan dijalankan adalah untuk mengadakan satu kemudahan kesihatan yang sihat dan selamat setakat yang praktikal melalui satu sistem audit keselamatan dan kesihatan yang dapat mempertingkatkan tahap keselamatan dan kesihatan anggota Kementerian Kesihatan dan juga orang ramai yang berkunjung untuk mendapatkan perkhidmatan di kemudahan-kemudahan kesihatan, KKM.

GAMBAR 1.9.3 SAMBUTAN HARI OSH PERINGKAT HOSPITAL KULIM 2020 “THANK YOU FRONTLINERS”



Tahun 2020 adalah tahun yang sangat mencabar bagi seluruh dunia amnya dan juga UKKP Hospital Kulim khasnya. Tahun ini, sambutan Hari OSH diraikan dengan sambutan yang sederhana serentak dengan mesyuarat JKK bilangan 4/2020 pada 17 Disember 2020.

Selain mesyuarat serta perkembangan semasa bagi OSH Hospital Kulim, sambutan ini juga memberi penekanan tentang pemakaian PPE, cara notifikasi jika berhadapan dengan isu Covid-19 & keluarga dll.

GAMBAR 1.9.4 TABLE TOP KEBAKARAN



Bagi memastikan kakitangan bersedia menghadapi kebakaran di fasiliti Hospital Kulim. Telah menjadi rutin aktiviti kepada UKKP bersama-sama jawatankuasa keselamatan kebakaran mengadakan dua kali Table Top di Hospital Kulim. Bagi tahun 2020, aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut :-

a) 23 Jun 2020(Jab Orthopedik)

b) 16 Disember 2020(Halaman Minda) Table-top & Simulasi Kebakaran.

PENCAPAIAN AKTIVITI KUALITI:

PROGRAM HPIA

Bil	Indikator	Standard	Pencapaian
1.	Percentage of hazard identified whereby control measures had been taken in the corresponding year	≥ 70%	88.55%
2.	Percentage of Fire Drill that has been carried out by the hospital in the corresponding year.		
	a. Fire Drill at the hospital level: once a year	100%	100%
	b. table Top Exercise at the hospital level: twice a year.	100%	100%

PROGRAM AKREDITASI

Bil	Indikator	Standard	Pencapaian
1.	Percentage of new staff(includes all on-site outsourced service providers) given orientation on environmental, Safety and Health Policy and Programme.	80%	100%
2.	Percentage of staffs give continuous training in specific aspects of Environmental, Safety & Health.	80%	95%
3.	Percentage of workplace hazards identified and risk managed	100%	97%

PELAN TINDAKAN KUALITI 2019:

Bil	Indikator	Standard	Pencapaian
1.	Percentage of ERT members among all staffs	5%	6.0%

PENGENALAN:

Unit Kejuruteraan Kawalselia Operasi Hospital bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan penswastan perkhidmatan sokongan hospital (PSH) bagi perkhidmatan pendobian (LLS), pencucian (CLS), pengurusan sisa-sisa klinikal (CWMS), kejuruteraan fasiliti (FEMS) dan kejuruteraan biomedikal (BEMS) agar ianya dilaksanakan mengikut kehendak seperti termaktub di dalam Perjanjian Konsesi. Pada 28 October 1996, perjanjian diantara KKM dan Syarikat Konsesi telah ditandatangani dan pada tahun 1997 bermula pelaksanaan penswastan perkhidmatan sokongan hospital (PSH). Kontrak perjanjian selama 15 tahun ini telah tamat pada 27 Oktober 2011. Seterusnya kontrak ini disambung secara interim dengan menggunakan perjanjian konsesi yang sama sehingga 31 Mac,2015.

Pada 1 April,2015 Perjanjian Konsesi baru bagi Penswastan Perkhidmatan Sokongan Hospital telah ditandatangani bagi tempoh kontrak selama 10 tahun sehingga 31 Mac,2025. Bagi zon utara, syarikat Edgenta Mediserve Sdn Bhd (EMS) diberi tanggungjawab untuk menjalankan khidmat sokongan hospital. Perkhidmatan pengurusan sisa-sisa klinikal (CWMS) telah ditambahbaik dengan menukarkannya kepada perkhidmatan pengurusan sisa-sisa hospital (HWMS) dan ditambah perkhidmatan pengurusan Fasiliti (FMS) sebagai langkah penambahbaikan menjadikan keseluruhan enam perkhidmatan yang perlu dijalankan oleh syarikat konsesi yang dilantik.

GAMBAR 1 10.1 FACILITY ENGINEERING MAINTENANCE SERVICES (FEMS)



GAMBAR 1.10.2 BIOMEDICAL ENGINEERING MAINTENANCE SERVICES (BEMS)



GAMBAR 1.10.3 CLEANSING SERVICES (CLS)



GAMBAR 1.10.4 LINEN AND LAUNDRY SERVICES (LLS)



GAMBAR 1.10.5 HOSPITAL WASTE MANAGEMENT SERVICES (HWMS)



GAMBAR 1.10.6 FACILITY MANAGEMENT SERVICES (FMS)



OBJEKTIF:

1. Menyediakan perkhidmatan kejuruteraan yang mengutamakan Keselamatan dan kompetensi setiap fasiliti yang berada di bawah penyelenggaraan perkhidmatan sokongan hospital (PSH) dan dilaksanakan mengikut kehendak dalam Perjanjian Konsesi.
2. Memantau pelaksanaan penswastan perkhidmatan sokongan hospital (PSH) bagi perkhidmatan pendobian, pencucian, pengurusan sisa-sisa hospital, kejuruteraan

fasiliti, kejuruteraan biomedical dan pengurusan fasiliti agar ianya dilaksanakan mengikut kehendak dalam Perjanjian Konsesi.

3. Memberi khidmat nasihat teknikal dalam bidang kejuruteraan dan saintifik di bawah bidang tanggungjawab Unit Kejuruteraan Kawalselia Operasi Hospital.
4. Menyedia dan memantau pelaksanaan program penyelenggaraan kejuruteraan di Hospital Kulim.
5. Memastikan khidmat sokongan hospital yang diberikan adalah cekap dan selamat bagi melindungi kepentingan Kementerian Kesihatan Malaysia dan pengguna-pengguna hospital dengan memastikan keperluan di dalam perjanjian konsesi dipenuhi.

PENJAWATAN


Bil	Nama Jawatan	Gred	Jawatan	Isi	Kosong
1	Jurutera (terbuka)	J41/J44	Jurutera (Elektronik)	1	0
2	Penolong Jurutera	J29/J36	Penolong Jurutera	1	0
3	Pembantu Tadbir (Sambilan)	-	PT Sambilan	1	NA

PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN:

- Unit Kejuruteraan mengambil alih fungsi syarikat juruperunding SIHAT bagi mengawalselia Khidmat Sokongan Hospital di hospital.
- Memberi khidmat nasihat teknikal dan kejuruteraan kepada hospital.
- Menyemak laporan dan bil/inbois untuk pengesahan bayaran atau pemotongan Fi.
- Menyemak permohonan pertambahan yuran/Variation Order (VO) yang dituntut oleh syarikat konsesi.
- Menyelaras mesyuarat Validasi dan koordinasi bulanan.
- Menyelaras Projek Pembangunan dan RMK. Projek RMK yang sedang berjalan adalah RMK-11 RP3 (Projek Sambungan : Penambahan OT dan ICU).
- Memastikan operasi sistem pengurusan maklumat aset dan perkhidmatan (ASIS) dan program jaminan mutu (QAP) perkhidmatan Kejuruteraan Hospital dikemaskini serta berkesan.

- Menyediakan skop kerja, lukisan dan bil kuantiti untuk kerja-kerja pengubahsuaian kecil di hospital dengan merujuk kepada Bahagian Kejuruteraan Jabatan Kesihatan Negeri.
- Membantu menyemak prestasi, laporan teknikal, laporan kejadian, dan aduan bagi perkhidmatan kejuruteraan hospital.
- Memantau dan memastikan “Sustainability Program” yang terdiri daripada “Energy Management”, “3R” dan “IAQ” dijalankan mengikut jadual yang telah dirancang.
- Pendaftaran Aset Tak Alih di bawah modul mySPATA.
- Menyediakan Sijil PEP (Kew PA-16) bagi tujuan pelupusan aset.

Sistem Pengurusan Maklumat Aset dan Perkhidmatan (ASIS)



Sistem ASIS

AKTIVITI JABATAN:

1. Berikut adalah bilangan “User Training” mengikut perkhidmatan yang telah dijalankan sepanjang tahun 2020.

Bil	Perkhidmatan	Bilangan User Training
1	FEMS	5
2	eFEMS	2
3	BEMS	4
4	CLS	4
5	LLS	4
6	HWMS	4

2. Unit Kejuruteraan juga terlibat membantu aktiviti latihan “fire drill”, bencana dalaman dan luaran yang dijalankan oleh pihak hospital.
Bagi tahun 2020, latihan “fire drill” telah dijalankan dengan jayanya pada 16/12/2020 bertempat di Halaman Minda.

PENCAPAIAN

- a) Jumlah Non-Compliance (NCR) dan complaint yang dikeluarkan kepada Edgenta Mediserve Sdn Bhd

Tahun	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Perkhidmatan							
HWMS	18	12	11	22	10	7	6
CLS	777	280	323	515	268	185	263
LLS	28	11	12	24	3	2	4
FEMS	5,527	5,464	5,412	6,056	5,094	4,806	4433
BEMS	1,264	1,146	1,044	1,239	1,054	1065	928
FMS	NA	NA	3	6	12	35	9
JUMLAH	7,614	6,913	6,805	7,862	6,441	6100	5643

b) Jumlah pemotongan [RM] yang dikenakan kepada Edgenta Mediserve Sdn Bhd

Tahun	2015	2016	2017	2018	2019	2020 (at Nov)
Perkhidmatan						
HWMS	55.09	164.33	108.77	80.74	83.25	190.50
CLS	7,170.70	8,854.49	7,792.29	6,944.78	5,028.08	4573.65
LLS	45.97	35.64	97.30	146.20	196.74	89.84
FEMS	18,419.77	27,880.40	48,124.82	27,105.49	51,258.53	69,378.75
BEMS	19,390.84	30,220.00	38,620.00	11,250.00	20,300.00	86,050.00
FMS	33.60	12,688.83	18,365.47	26,343.53	20,626.79	13,517.25
JUMLAH	45,115.97 0.50%	79,843.69 0.85%	113,108.65 1.19%	71,870.74 0.75%	97,493.39 0.99%	173,799.99 1.76%

c) Jumlah kos Penyelenggaraan [RM] yang dibayar kepada Edgenta Mediserve Sdn Bhd

TAHUN PERKHIDMATAN	2017	2018	2019	2020
HWMS	808,979.73	816,312.60	888,144.85	879,481.49
OSW		486.62	346.22	1.57
CSW		15.50	50.83	49.04
CLS	2,064,588.00	2,035,176.99	2,035,176.66	2,035,176.32
LLS	2,064,580.00	2,055,351.58	2,116,595.73	2,070,876.94
FEMS	3,215,072.16	3,258,128.58	3,266,761.47	3,260,593.88
BEMS	1,095,374.64	1,179,946.49	1,316,332.31	1,375,983.76
FMS	307,969.56	239,629.10	246,757.40	246,725.80
JUMLAH	9,537,860.61	9,585,047.46	9,870,165.47	9,868,888.80

- d) Pada tahun 2020, Hospital Kulim telah melaksanakan sebanyak 57 projek melalui peruntukan Naiktaraf, Ubahsuai dan Pembaikan (BP0600), peruntukan Dasar Baru Program Penyelidikan Dan Sokongan Teknikal (Sinking Fund), peruntukan Sustainability Program dan melalui peruntukan sediada belanja mengurus (OS28000) melibatkan kos sebanyak RM 834,824.95
- e) Unit Kejuruteraan juga terlibat secara langsung di dalam pemantauan projek Retrofit Sistem Penyaman Udara Berpusat (Chiller) melalui peruntukan RMK-11 RP3 yang diterima daripada Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim (MESTECC) dan dilaksanakan oleh Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Kementerian Kesihatan Malaysia. Projek yang bernilai RM 5,733,000.00 ini telah bermula pada 22 Oktober 2019 dan siap sepenuhnya pada 19 Oktober 2020 untuk digunakan.

Secara keseluruhan, projek yang telah dilaksanakan pada tahun 2020 melibatkan kos sebanyak RM 6,567,824.95.

Projek-projek tersebut ialah:-

- **Bp00600**

Bil.	Nama Projek	Kos [RM]	Peruntukan
1	Kerja-Kerja Pemasangan dan Pendawaian Papan Agihan Elektrik di Kawasan Pusat Saringan Covid-19 di Kawasan Parkir Ambulan Jabatan Kecemasan	16,236.00	Penjimatan BP0600 Fasa 1
2	Menaiktaraf Ruang Menunggu Klinik Pakar ENT Hospital Kulim & Kerja Lain Yang Berkaitan	33,000.00	Penjimatan BP0600 Fasa 2
3	Kerja-kerja Naiktaraf Ruang Saringan Covid 19 di Jabatan Kecemasan	19,980.00	Penjimatan BP0600 Fasa 2
Jumlah		69,216.00	

- **BP0300**

Bil.	Nama Projek	Kos [RM]	Peruntukan
	<i>Tiada</i>		
Jumlah			

- **Sinking Fund**

Bil.	Nama Projek	Kos [RM]	Peruntukan
1	Kerja-kerja Resurface Jalan Tar Premix	100,000.00	Penjimatan Fasa 2
2	Penggantian LCD Monitor Physiologic Monitoring System di Jabatan Kecemasan	12,180.00	Penjimatan Fasa 2
Jumlah		112,180.00	

- **Sustainability Program**

Bil.	Nama Projek	Kos [RM]	Peruntukan
1	Penggantian OT Light jenis LED di MOT	57,319.50	Energy
2	Penggantian ACSU	30,285.26	Energy
3	Pemasangan Solar Panel untuk Parkir Ketua Jabatan	200,000.00	Energy
Jumlah		287,604.76	

- **OS28000 (PENGURUSAN)**

Bil.	Jenis Projek	Kos [RM]	Catatan
1	Rundingan terus dengan kontraktor luar	62,420.63	8 Projek
2	RW kepada Edgenta Mediserve	133,416.56	38 Projek
Jumlah Keseluruhan		195,837.19	

• **OS28000 (KEJURUTERAAN)**

Bil.	Jenis Projek	Kos [RM]	Catatan
1	Pembaikan lantai tiles Kuarters Semi-D	19,990.00	
Jumlah Keseluruhan		19,990.00	

• **OS28000 dan OS35000 (KPWKM)**

Bil.	Jenis Projek	Kos [RM]	Catatan
1	Ubahsuai Kuarters untuk dijadikan TASKA	121,547.00	OS28
2	Alat bukan perubatan	28,450.00	OS35
Jumlah Keseluruhan		149,997.00	

- f) Unit Kejuruteraan juga bertanggungjawab untuk menguruskan Aset Tak Alih(ATA) di Hospital Kulim. Di antara skop tugas yang perlu dilaksanakan adalah seperti;
- 1) Urusetia Mesyuarat JKPAK(Fasiliti)
 - 2) Menjalankan tugas selaku Pegawai Teknikal Fasiliti(PTF) dan Pegawai Daftar Fasiliti(PDF).
 - 3) Pendaftaran ATA
 - 4) Pengurusan Sistem ATA iaitu mySPATA.
 - 5) Pelupusan ATA
 - 6) Lain-lain tugas yang berkaitan dengan ATA.

PENCAPAIAN AKTIVITI KUALITI

Terdapat satu Indikator yang dipantau oleh Unit Kejuruteraan di bawah HPIA.

Ind.	Details	Interval	Target	Pencapaian [%]
28	Percentage of Facility Engineering Plant Room Inspection (EPR) with report submission done by Engineering Unit Personnel in corresponding year	monthly	≥ 80%	100

1.11 UNIT KEJURURAWATAN

PENGENALAN:

Unit Kejururawatan merupakan salah satu kumpulan pelaksana yang menjadi penggerak utama operasi perkhidmatan di Hospital Kulim. Unit kejururawatan berperanan sebagai peneraju utama di Jabatan Pesakit Dalam yang memberi perkhidmatan perawatan kepada pesakit.

Unit Kejururawatan Hospital Kulim diterajui oleh Ketua Penyelia Jururawat Hospital, Gred U41 yang berfungsi sebagai pentadbir, di bantu oleh lapan orang Penyelia Jururawat dan seorang Ketua Jururawat U32 yang terlibat dalam :

- Merancang dan melaksanakan hal-hal berkaitan perkhidmatan kejururawatan, dan perkembangan profesional kejururawatan dari aspek pendidikan, amalan perawatan kualiti dan keperluan kajian kejururawatan.

Bertanggungjawab sebagai penyelaras untuk memantau, memberi tunjuk ajar dan seterusnya memberi maklumbalas berkaitan penempatan dan latihan kepada Pelatih Jururawat dan pelatih Penolong Pegawai Perubatan yang menjalani latihan amali dari IPTA/IPTS kepada pihak kolej dan kementerian.

OBJEKTIF DAN SASARAN:

1. Menyediakan perkhidmatan kejururawatan berkualiti dengan menitikberatkan perawatan *holistic* dari segi fizikal, emosi dan keagamaan berpanduakan nilai-nilai kemanusiaan dan penyayang.
2. Mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran terkini bagi setiap jururawat, untuk memberi perkhidmatan berkualiti dan selamat kepada pelanggan.
3. Memberi perkhidmatan berkualiti, selamat, efektif dan efisien kepada semua pelanggan.
4. Melibatkan diri dalam kajian kejururawatan bertujuan untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan kejururawatan.
5. Mempertingkatkan pengetahuan pelanggan dengan memberi pendidikan kesihatan yang berkesan kepada pesakit dan keluarga.

PERJAWATAN:

JADUAL 1.11.1 PENJAWATAN UNIT KEJURURAWATAN 2020

BIL	JAWATAN /GRED	BILANGAN PENJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN	PERATUS
1	JURURAWAT U41/42/44	6	6	0	100%
2	JURURAWAT U36	5	5	5	100%
3	JURURAWAT U32	35	33	2	94.2%
4	JURURAWAT KUP U32/U29	423	420	3	99.2%
5	JURURAWAT KONTRAK	0	18	0	
6	JURURAWAT U19/29/32/36	2	2	0	100%
7	JURURAWAT MASYARAKAT U24	1	1	0	100%
8	JURURAWAT MASYARAKAT U24/19	41	40	1	97.5%
9	JSPS	1	1	0	100%

PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN :

1. Pengurusan Pentadbiran Klinikal

- a) Perlaksanaan Clinical Governance supaya selari dengan sains dan teknologi terkini.
- b) Pemantauan Code Of Professional Conduct- di amalkan oleh jururawat.
- c) Permohonan Anggaran Belanja Mengurus (ABM)
- d) Permohonan Annual Practising Certificate (APC)

- e) Permohonan Credentialing dan Privileging bagi anggota yang layak.
- f) Pelaksanaan Pelan Tindakan Kejururawatan
- g) Polisi, Peraturan dan sumbangan.
- h) Pencapaian Key Performance Indikator (KPI) – audit dalaman dan luaran.
- i) Pelaksanaan National Nursing Audit (NNA) – audit dalaman dan luaran.
- j) Problem solving and Root Cause Analysis (RCA) – untuk kes aduan dan insiden reporting.
- k) Perkembangan Kerjaya Kejururawatan- Kursus dalam latihan (Ijazah Sarjana Muda Kejururawatan, Pos basik, kursus jangka pendek dan lain-lain.)
- l) Mengelola latihamal pelatih daripada ILLKM /IPTA dan IPTS.
- m) Menjadi Pegawai Perhubungan (Liason Officer) dalam Perkhidmatan Sokongan Hospital yang telah diswastakan iaitu “Linen & Laundry Services (LLS)” dan “Cleansing Services (CLS)”. Menjalankan pemantauan ke atas Perkhidmatan Sokongan (Hospital Support Services @ HSS). Menghadiri mesyuarat penyelarasan bulanan di antara Pegawai Perhubungan, wakil HSS dan Kejuruteraan untuk membincangkan isu-isu yang berkaitan

2. Penyeliaan /Pemantauan di Hospital.

- a) Memantau Pematuhan amalan standard kawalan infeksi
- b) Memastikan Pelaksanaan Nursing Care Plan di laksanakan.
- c) Memantau pelaksanaan dokumentasi kejururawatan.
- d) Melakukan rondaan Grand Round Kejururawatan.
- e) Melakukan Bedside Teaching dengan berpandukan kes..
- f) Memantau Pematuhan ”Hand over communication”

4.2 Pelaksanaan dan Pemantauan Patient Safety Goals and Risk Assesment.

- a) Melakukan internal audit dengan mengikut keperluan yang ditetapkan .
- b) Melaksanakan kursus untuk staf .
- c) Pembentangan laporan 2 kali setahun

4.4 Memastikan pelaksanaan *Continuous Nursing Professional Development* .

- a) Merancang dan mengkoordinasikan *Continuous Nursing Education* (CNE)
- b) Melakukan audit kompetensi terhadap kakitangan.
- c) Merancang takwim pos basik.
- d) Menggalakkan *Evidence Base Practice* dalam penjagaan pelanggan.
- e) Mengelola program latihan/kursus berkaitan dengan penyelidikan anggota kejururawatan di hospital.
- f) Melakukan sesi osce dan viva untuk jururawat.

AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2020

Banyak aktiviti yang telah di cadangkan untuk tahun 2020 tetapi terpaksa di tangguhkan akibat pandemik wabak covid –19. Berikut adalah aktiviti kejururawatan sepanjang tahun 2020.

- Lawatan Penyeliaan dan pemantauan Kejururawatan oleh Pengarah Kejururawatan Bahagian Kejururawatan Kementerian Kesihatan Malaysia Matron Tumble bt Ngadiran @ Tomblow pada 24/02/2020.
- Mengadakan mesyuarat teknikal kejururawatan diantara semua Penyelia Jururawat dan Ketua Penyelia Jururawat setiap 3 bulan sekali dan jika perlu.
- Mengadakan CNE untuk staf setiap Hari Selasa. Sebanyak 9 topic CNE telah dibentangkan pada tahun 2020. Purata kehadiran staf adalah 58 Orang jururawat setiap sesi.
- Unit Kejururawatan juga mengendalikan sesi OSCE dan VIVA untuk jururawat di Hospital Kulim. Sebanyak 6 sesi telah dilaksanakan, Seramai 106 orang jururawat telah menghadiri sesi tersebut.
- Unit kejururawatan juga sentiasa mengadakan jaringan hubungan dengan badan-badan kerajaan, badan bukan kerajaan dan NGO.
- Memberi latihan dan kemahiran kepada semua jururawat melalui kursus, bengkel dan seminar yang diberi kepada jururawat mengikut jadual.

GAMBAR 1.11.1 LAWATAN PENYELIAAN DAN PEMANTAUAN KEJURURAWATAN OLEH PENGARAH KEJURURAWATAN BAHAGIAN KEJURURAWATAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA





PENCAPAIAN AKTIVITI KUALITI 2020

JADUAL 1.11.2 (LATIHAN DAN KURSUS)

Bil	Tarikh	Aktiviti
	6/8/2020	Kursus Jururawat Idamanku siri 1/2020
	30/8/2020	Kursus Jururawat Idamanku siri 2/2020
	11/8/2020	Kursus Meningkatkan Tahap Kualiti Perkhidmatan (Fall, Pressure Sore, Thrombophlebitis)
	15/10/2020	Kursus Obstetrik in Nursing

JADUAL 1.11.3 MEMANTAU PENCAPAIAN NATIONAL INDICATOR APPROACH(NIA)DAN KEY PERFORMANCE INDICATOR (KPI) YANG DI TETAPKAN OLEH LEMBAGA JURURAWAT MALAYSIA .

AKTIVITI	SASARAN	2018	2019	2020
Thrombopheblitis	≤ 0.5%	0%	0.01%	0.017%
Pressure Sore	≤ 2.1%	0.3%	0.53%	0.51%
Fall	≥ 10% penurunan	(22) Kes	(25)kes	(30)kes

JADUAL 1.11.4 MEMANTAU PENCAPAIAN NATIANOL NURSING AUDIT (NNA)

AKTIVITI	SASARAN	2018	2019	2020
Blood and Blood Product component	100%	100%	100%	100%
Wound Dressing	100%	99.2%	98.12%	99.3%
Administration Of Intravenous Infusion	100%	99.2%	96.9%	98.16%
Administration of oral medication	100%	100%	99%	99.69%
Pain as 5th vital sign	100%	95.2%	95.1%	96.8%
Norna	100%	100%	100%	100%

JADUAL 1.11.5 PENCAPAIAN NURSING QUALITY

AKTIVITI	SASARAN	2018	2019	2020
Nursing Process	> 85%	91.6%	94.5%	93.5%
Nursing Progress Note	> 95%	94%	96.9%	96.3%
Medication Safety	≥ 95%	94.45%	91.0%	92.3%
Hand Hygiene	≥ 75%	85.1%	85.4%	93.18%
10,S	> 95%	98.6%	92.9%	92.56%
Emergency Trolley	> 95%	96.5%	98.2%	97.4%

1.12 UNIT PENYELIAAN HOSPITAL

PENGENALAN

Unit Penyeliaan Hospital merupakan satu unit khidmat sokongan hospital diketuai oleh seorang Penolong Pegawai Perubatan Gred U42 sebagai Ketua Penyelia Hospital di Hospital Kulim

OBJEKTIF DAN SASARAN

1. Memastikan perkhidmatan yang diberi oleh Penolong Pegawai Perubatan dan Pembantu Perawatan Kesihatan dilaksanakan secara profesional, cekap dan berkualiti sepanjang masa.
2. Mengurus sumber manusia dibawah kawalan dengan cekap dan mengoptimalkan bilangan anggota di sesuatu unit atau jabatan mengikut kepentingan perkhidmatan.
- 3 Merangka dan melaksanakan program latihan jangka pendek dan jangka panjang secara berterusan dan berkesan kepada anggota di bawah jagaan

PERJAWATAN

JADUAL 1.12.1 : STATISTIK KEPERLUAN , JAWATAN SEDIADA DAN PENGISIAN PPP 2020

STATUS PERJAWATAN DAN PENGISIAN PEN PEGAWAI PERUBATAN MERUJUK NORMA PERJAWATAN 2020													
Aktiviti Jawatan	U41/42/44			U36			U32			U29			U29 kontrak
	The Ministry Of Health Norms.	Jawatan	Pengisian	The Ministry Of Health Norms.	Jawatan	Pengisian	The Ministry Of Health Norms.	Jawatan	Pengisian	The Ministry Of Health Norms.	Jawatan	Pengisian	Pengisian
2.2.1 Pengurusan	4	1	1	4	1	1	2	0	0	2	0	0	
2.3.1 JKT	24			27	1	1	62	4	4	165	21	21	34
2.5.1 Perubatan	1			1			1	2	2	7	1	1	
2.9.1 Orthopaedik				1			2	1	1	3	5	5	
2.10.1 Anesthesiologi	2			2			20	2	2	42	7	7	4
2.6.1 Surgikal	2			2			10	1	1	20	5	5	
2.30.1 Forensik	2			1			4	1	1	2	3	3	
2.15.1 Nefrologi	2			1			4	1	1	16	4	4	
2.8.1 Paediatric								0	0	5	2	2	1
2.27.1 Psikiatri				1			1	0	0	4	0	0	1
2.12.1 ORL				1			2	0	0	4	1	1	1
2.11.1 Oftalmologi				1			2	0	0	5	1	1	1
2.7.1 O+G										1			
2.21.1 Patologi										1			
2.26.1 Perubatan Respiratori										2			
2.28.1 Tranfusi										2			
2.17.1 Urologi										1			
	37	1	1	42	2	2	110	12	12	282	50	50	42

JADUAL 1.12.2 : STATISTIK KEPERLUAN , JAWATAN SEDIADA DAN PENGISIAN PPK 2020

STATUS PERJAWATAN DAN PENGISIAN PEM PERAWATAN KESIHATAN MERUJUK NORMA PERJAWATAN 2020											
Aktiviti Jawatan		U16			U14			U11			PSH
		<i>The Ministry Of Health Norms.</i>	Jawatan	Pengisian	<i>The Ministry Of Health Norms.</i>	Jawatan	Pengisian	<i>The Ministry Of Health Norms.</i>	Jawatan	Pengisian	
2.2.1	Pengurusan	1	1	0	7	1	1	40	16	11	
2.3.1	Jkt	3			9	2	2	56	23	15	2
2.5.1	Rx Perubatan Am				3	1	1	30	27	27	
2.9.1	Orthopaedik							5	4	4	
2.10.1	Anesthesiology							18	12	12	
2.6.1	Surgical				7			15	7	7	
2.30.1	Forensik				1	1	1	5	1	1	
2.15.1	Nefrologi							6	2	2	
2.8.1	Paediatric				4			10	12	12	
2.27.1	Psikiatri							6	2	2	
2.12.1	Orl							3	1	1	
2.11.1	Oftal							3	1	1	
2.7.1	O & G				3	1	1	8	14	11	
2.20.1	X Ray							8	2	2	
2.21.1	Patologi							6	4	3	
2.22.1	Farmasi							4	2	2	
2.26.1	Respiratori								1	1	
2.29.1	Perubatan Trsfusi							3	3	2	
2.4.1	Rawatan Pesakit Dalam				9	1	1	40			10
2.17.1	Urologi							2			
2.24.2	Kardiologi							2			
		4		0	43	7	7	270	134	116	12

JADUAL 1.12.3 : STATISTIK PENGAGIHAN PPP GRED U29 KONTRAK KE HOSP KULIM 2020

PENGAGIHAN PERJAWATAN PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN GRED U29 KONTRAK (PROGRAM PERUBATAN) JKN KEDAH 2020													
Bil.	Skim Perkhidmatan/Jawatan	Fasiliti	Kod Aktiviti	Perincian Fasiliti Terkecil yang terlibat	TARIKH	FASA 1	FASA 2	FASA 3	FASA 4	FASA 5	FASA 6	FASA 7	FASA 8
					TARIKH PPW	16.3.2019	1.7.2019	3.2.2020	5.10.2020	29.3.2021	29.3.2021		
					TARIKH PENEHAPAN	28.10.2019	9.2.2020	15.10.2020	31.3.2020	2.4.2020	23.4.2020	16.10.2020	KEPERLUAN PANDEMIK
1	Penolong Pegawai Perubatan	HOSPITAL KULIM	2.3.1	Rawatan Kecemasan & Pesakit Luar (Perkhidmatan Rawatan Pra-Hospital & Ambulan)		3	2	14	10	1	2	3	16
2	Penolong Pegawai Perubatan	HOSPITAL KULIM	2.5.1	Perubatan Am			1						
3	Penolong Pegawai Perubatan	HOSPITAL KULIM	2.5.1	Pembedahan Am (Endoscope)				1					
4	Penolong Pegawai Perubatan	HOSPITAL KULIM	2.9.1	Orthopedik				1					
5	Penolong Pegawai Perubatan	HOSPITAL KULIM	2.11.1	Ophthalmologi			1						
6	Penolong Pegawai Perubatan	HOSPITAL KULIM	2.12.1	Otorinolaringologi			1						
7	Penolong Pegawai Perubatan	HOSPITAL KULIM	2.15.1	Nefrologi									5
8	Penolong Pegawai Perubatan	HOSPITAL KULIM	2.26.1	Perubatan Respiratori									
9	Penolong Pegawai Perubatan	HOSPITAL KULIM	2.27.1	Psikiatrik dan Kesihatan Mental			1						
10	Penolong Pegawai Perubatan	HOSPITAL KULIM	2.8.1	Pediatrik			1						1
11	Penolong Pegawai Perubatan	HOSPITAL KULIM	2.10.1	Anaestesiologi					4				8
12	Penolong Pegawai Perubatan	HOSPITAL KULIM	2.71	O&G (keperluan baharu)									
13	Penolong Pegawai Perubatan	HOSPITAL KULIM	2.2.1	UKKP (keperluan baharu)									
JUMLAH PENERIMAAN						3	7	16	10	5	2	3	
STATUS SEMASA						0	6	16	10	5	2	3	

PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

- i. Pengurusan Sumber Manusia dan Pentadbiran
- ii. Pengurusan Latihan
- iii. Sekreteriat Environment And Safety , Standard 2
- iv. Sekreteriat Medical Assistant Services , Standard 25
- v. Sekreteriat FSO bersama JKN

- vi. Sekreteriat Kursus Latihan Peningkatan Pembantu Perawatan KKM Malaysia Tahap 1 , Tahap 2 bersama JKN
- vii. Pematuhan Akta dan Peraturan
- viii. Penyeliaan Klinikal / bukan klinikal
- ix. Tugas Atas Panggilan
 - x. Memantau Perkhidmatan PHC dan Ambulan
 - xi. Hubungan Dalaman / agensi luaran
 - xii. Liason Officer bagi PSH
- xiii. Program Komuniti peringkat hospital
- xiv. Hospital Mesra Ibadah

AKTIVITI YANG DIJALANKAN

i. Program Bebas Denggi

Program Premis Bebas Denggi di Kemudahan Kesihatan dan Sekolah telah dilancarkan pada awal tahun 2018. Hospital Kulim mengambil inisiatif dengan menubuhkan Pasukan Anti Jentik-Jentik bertujuan untuk mengurangkan tempat pembiakan nyamuk Aedes dan kejadian penyakit bawaan nyamuk. Peringkat hospital telah mewujudkan Jawatankuasa Vector & Pest Control merujuk Akreditasi MSQH di bawah aktiviti Standard 2 iaitu *Environment And Safety*. Pasukan Anti Jentik-Jentik Hosp Kulim adalah dibawah seliaan PPP Anuar Bin Ahmad.

a) Promosi Kesihatan - Ceramah dan edaran risalah

b) Pasukan Anti Jentik Jentik HK

Pemantauan dilakukan 2 minggu sekali dimana bekas-bekas yang di jumpai dan berpotensi menangkung air untuk pembiakan dilakukan samada bekas tersebut di bubuh Abate1% SG atau bekas tersebut dimusnahkan.

GAMBAR 1.12.1 : AKTIVITI PASUKAN ANTI JENTIK JENTIK HK



- c) Program gotong royong mengikut zon
- d) Semburan Kabus (Fogging)

GAMBAR 1.12.2 : JENIS SEMBURAN ADALAH WATER BASE BAGI MENGELAKAN SEBARANG IMPLIKASI KEPADA PESAKIT PESAKIT DI DALAM WAD. KAWASAN SEMBURAN (FOGGING) TERTUMPU PADA ZON KEDIAMAN KUARTERS DAN ASRAMA SAHAJA



- e) Pemantauan PKD Kulim dan Unit Entomologi Dan Pest JKN
- f) Penggunaan Perangkat Nyamuk Autocidal (MyMAT)

GAMBAR 1.12.3 : PASUKAN ANTI JENTIK JENTIK HK MEMASANG MYMAT (LUAR / DALAM BANGUNAN). SETIAP 5-6 MINGGU. PASUKAN ANTI JENTIK JENTIK AKAN MEMBUAT PEMANTAUAN MYMAT DAN MENGGANTIKAN AIR MYMAT BERSAMA LARVAEXTIRPATOR BIT



ii. **Healthy Setting**

GAMBAR 1.12.4 : HEALTHY SETTING 2020 - AKTIVITI GOTONG ROYONG KULIM TELAH DI ADAKAN PADA 14 OGOS 2020 MELIBATKAN JK VECTOR & PEST CONTROL, UKKP ,JK PERUMAHAN ,PENGHULU KUARTERS EDGENTA MEDISERVE ,BOMBA DAN E-IDAMAN



iii. **Lawatan dan ziarah**

Lawatan dan menziarahi keluarga kakitangan hospital mahupun kakitangan Edgenta yang telah meninggal dunia . Turut disampaikan sumbangan daripada pihak pengurusan dan kakitangan lain kepada keluarga masing masing

iv. **Perlaksanaan Pelan Strategik Perkhidmatan Pen Pegawai Perubatan 2018 - 2022**

Melaksanakan standard perkhidmatan PPP (Perubatan) di bawah *Malaysian Society for Quality in Health (MSQH)* iaitu Standard 25

v. **Aktiviti-Aktiviti Di Bawah Jawatankuasa *Standard 2: Environmental & Safety Services* (program bersama lain-lain unit)**

Antaranya Healthy Setting , Fire Safety Audit, Roadshow OSH, Perlindungan Radiasi, ERT/Asas Keselamatan Kebakaran, TTX –Fire Safety I & II , External Disaster Drill , TTX External, Mock / Evacuation Drill dan MBK

GAMBAR 1.12.5 : AKTIVITI VECTOR & PEST CONTROL (STANDARD 2)



vi. Sekretariat bersama Unit Perkhidmatan PPP JKN Kedah

GAMBAR 1.12.6 : MENJAYAKAN KURSUS LATIHAN PENINGKATAN PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN KKM TAHAP 2 SIRI I (27-29 JULAI 2020) DAN SIRI II (9-10 NOVEMBER 2020)



g) Inovasi

GAMBAR 1.12.7 : WOODEN STEP SANITIZER DISPENCER



PENGENALAN

Unit Kualiti dan Inovasi terletak di aras satu Blok Pentadbiran Hospital Kulim. Unit ini memainkan satu peranan yang sangat penting kepada hospital terutamanya dalam aspek mengurus, menyelaraskan membuat dokumentasi dan mengaplikasikan sistem pengurusan dokumen secara sistematik serta berkualiti tinggi. Ini adalah untuk memastikan setiap data yang dikumpul adalah bermutu tinggi dan berintegriti bagi memenuhi kehendak Kementerian Kesihatan Malaysia, pelanggan-pelanggan serta pihak-pihak lain yang berkepentingan.

OBJEKTIF & SASARAN

- Meyelaras dan mengkoordinasi semua aktiviti peningkatan kualiti di Peringkat Hospital, Jabatan Kesihatan Negeri Kedah dan Kementerian Kesihatan Malaysia
- Memantau semua aktiviti kualiti di peringkat hospital supaya mematuhi piawaian yang ditetapkan
- Membantu semua jabatan / unit memahami kehendak KKM dan pelanggan dari semasa ke semasa dengan memberi maklumat yang tepat, terkini dan kefahaman yang jelas supaya perkhidmatan yang disampaikan sentiasa bertambah baik, bermutu tinggi dan mampu diiktiraf di peringkat antarabangsa.

PERJAWATAN

JADUAL 1.13.1 PERJAWATAN BAGI TAHUN 2020

BIL	NAMA JAWATAN	PENGISIAN
1	Timbalan Pengarah Perubatan II (Penyelaras Unit Kualiti)	1
2	Pegawai Perubatan	1
3	Penyelia Jururawat (Penyelia Direktorat)	1
4	Ketua Jururawat (Pengurus Unit Kualiti)	1

PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

1. Menganalisa, mengenalpasti dan menjalankan penilaian terhadap keberkesanan, kejayaan, kegagalan serta masalah hospital dalam mencapai standard yang telah ditetapkan .
2. Membantu dalam menyediakan laporan serta pengedaran laporan, buletin, risalah atau buku kecil berkaitan dengan aktiviti peningkatan kualiti
3. Membantu mengadakan latihan atau *echo training* kepada semua kakitangan hospital mengenai aktiviti peningkatan kualiti serta yang berkaitan.
4. Membantu dalam menyediakan kajian-kajian yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia terutama daripada Institut Pengurusan Kesihatan Kuala Lumpur dan sebagainya
5. Sebagai *Resource Person* dalam memberi maklumat mengenai aktiviti-aktiviti peningkatan kualiti di hospital
6. Menjadi urusetia dalam aktiviti peningkatan kualiti di peringkat hospital
7. Menghadiri mesyuarat kualiti di peringkat hospital (sebagai urusetia), JKN dan KKM

AKTIVITI YANG DIJALANKAN

Aktiviti peningkatan kualiti yang dipantau dan dilaksanakan adalah seperti berikut:-

- ❖ *Key Performance Indicator (KPI) YBMK*
- ❖ *KPI PKN / TPKN*
- ❖ *Hospital Performance Indicators for Accountability (HPIA) & Specific Indicator*
- ❖ *KPI Clinical Services Medical Programme*
- ❖ Pelaporan *Performance Verification Form* bagi setiap indikator dari unit dan jabatan mengikut frekuensi yang ditetapkan
- ❖ Pelaporan *Short Fall in Quality (SIQ)*
- ❖ Mengendalikan audit dalaman *HPIA / KPI* di jabatan / unit Peringkat Hospital Kulim
- ❖ Mengendalikan audit silang *HPIA / KPI* Peringkat Jabatan Kesihatan Negeri
- ❖ *Performance Indicator for MSQH*
- ❖ Pelaporan Pencapaian Parameter Hospital & Institusi
- ❖ *Incident Reporting*

- ❖ Pelan Tindakan Program Perubatan Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
- ❖ Pelan Tindakan Unit Kualiti & Inovasi Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
- ❖ *Patient Safety Goals* dan *Clinical Risk Management*
- ❖ Laporan Tahunan
- ❖ *Credentialing & Privileging*
- ❖ *Hospital Specific Approach*
- ❖ Kumpulan Inovatif & Kreatif
- ❖ *Clinical Audit*
- ❖ *Mortality & Morbidity Review*
- ❖ Kajian Piagam Pelanggan
- ❖ Kajian Kepuasan Pelanggan
- ❖ Menganjurkan kursus yang berkaitan
- ❖ Mengadakan Mesyuarat yang berkaitan dengan aktiviti peningkatan kualiti

JADUAL 1.13.2 KURSUS YANG DIJALANKAN

TARIKH	TAJUK
19/10/2020 – 20/10/2020	BENGKEL AKREDITASI EDISI KE-5 DAN PERLAKSANAAN INTERNAL SURVEY
22/11/2020	BENGKEL RISK REGISTER VOL 1
30/11/2020	BENGKEL RISK REGISTER VOL 4
2/11/2020	BENGKEL RISK REGISTER VOL 2
7/12/2020	BENGKEL RISK REGISTER VOL 3

JADUAL 1.13.3 MESYUARAT YANG DIJALANKAN

BIL	TAJUK	KEKERAPAN SETAHUN
1	Mesyuarat Aktiviti Kualiti	1
2	Mesyuarat Incident Reporting	0
3	Mesyuarat Credentialing & Privileging	2
4	Mesyuarat Clinical Risk management & Patient Safety	1
5	Mesyuarat Mortality & Morbidity Review Peringkat Hospital	6
6	Mesyuarat Lean Health Care	1
7	Mesyuarat Pain as 5th Vital Sign dan Program Bebas Kesakitan	1
8	Mesyuarat Suicidal Risk	0
9	Mesyuarat Cluster Management Committee	1

JADUAL 1.13.2 JUMLAH HPIA / KPI YANG DIPANTAU MENGIKUT JABATAN

BIL	JABATAN	JUMLAH INDIKATOR	BIL	JABATAN	JUMLAH INDIKATOR
1	General Medicine	1	9	Otorhinolaringologi	3
2	Nephrology	2	10	Anaesthesia	3
3	Paediatric	3	11	EMTS	3
4	Psychiatry	3	12	Forensic	2
5	General Surgery	4	13	Pathology	4
6	Obstetric & Gynaecology	3	14	Radiology	3
7	Ophthalmology	3	15	Transfusion Medicine	3
8	Orthopaedic	4	16	HPIA Specific Indicator	+ 38
JUMLAH KESELURUHAN: 82 INDIKATOR					

JADUAL 1.13.3 : PENCAPAIAN HPIA & KPI HOSPITAL KULIM

Bil	Kategori	Jan - Jun 2018			Jan - Jun 2019			Jan - Jun 2020		
		Indikator	SIQ	Pencapaian	Indikator	SIQ	Pencapaian	Indikator	SIQ	Pencapaian
1	Hospital Performance Indikator (HPIA) + Specific Indikator (2015) -	29	1	96.60%	31	1	96.70%	31	2	93.5%
2	Key Performance Indicator (KPI)	87	3	96.60%	40	2	95.00%	40	4	90%
Bil	Kategori	Jul - Dis 2018			Jul - Dis 2019			Jul - Dis 2020		
3	Hospital Performance Indikator (HPIA) + Specific Indikator (2015) -	37	1	97.30%	38	0	100%	38	2	94.7%
4	Key Performance Indicator (KPI)	94	3	96.80%	44	3	93.18%	44	4	91%

KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN SERVQUAL

Kajian Kepuasan Pelanggan SERVQUAL dijalankan 2 kali setahun iaitu pada bulan Mac dan September 2019. Kajian kepuasan pelanggan luar melibatkan Klinik Pakar Perubatan, Klinik Pakar Pembedahan, Klinik Pakar Sakit Puan, Klinik Pakar Ortopedik, Klinik Pakar ENT, dan Klinik Pakar Oftalmologi.

Manakala kajian kepuasan pelanggan dalam pula melibatkan wad perubatan, wad pembedahan + ENT + oftalmologi, wad ortopedik dan wad sakit puan.

JADUAL 1.13.5 PENCAPAIAN KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN SERVQUAL

Bil	Indikator	2018		2019		2020	
		Mac	Sep	Mac	Sep	Mac	Sep
1	Keseluruhan Kepuasan Pelanggan berdasarkan soalan 18	97.3%	94.4%	98.3%	97.9%	99.7%	98.9%
2	Keseluruhan Kepuasan Pelanggan berdasarkan pengalaman	92.0%	86.41%	92%	94.5%	95.7%	96%
3	Keseluruhan Kepuasan Pelanggan berdasarkan SERVQUAL	50%	47.15%	47.3%	43.1%	45%	44%

KAJIAN PIAGAM PELANGGAN PESAKIT DALAM

JADUAL 1.13.8 : PENCAPAIAN KAJIAN PIAGAM PELANGGAN PESAKIT DALAM

Bil	Komponen	Puas hati (%)		Puas hati (%)		Puas hati (%)	
		Bil. 1/2018	Bil. 2/2018	Bil. 1/2019	Bil. 2/2019	Bil. 1/2020	Bil. 2/2020
1	Pesakit baru akan diperiksa oleh pegawai perubatan dalam masa 1 jam selepas kemasukan ke wad	97.3	93.7	91.0	97.3		97.3
2	Semua pesakit akan diperiksa oleh pegawai perubatan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 24 jam	98.0	98.0	96.0	98.3		98
3	Semua pesakit baru akan diperiksa oleh Pakar sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 24 jam (bagi Hospital Berpakar sahaja)	98.7	99.0	95.0	96.7		98.6
4	Semua pesakit baru/waris akan diberi orientasi oleh staf hospital dalam masa 1 jam selepas kemasukan ke wad	95.7	97.3	93.0	93.0		98
5	Maklumat akan diberikan kepada pelanggan berkenaan penyakit dan perawatan	99.3	98.3	97.0	99.0		97.3
6	Kerahsiaan maklumat peribadi, penyakit dan perawatan yang diberikan kepada pesakit adalah dijamin	97.0	94.0	96.0	96.0		95
7	Kemudahan dan persekitaran yang bersih, selesa dan selamat disediakan						
	7.1 Persekitaran	99.3	95.7	97.0	99.0		98.6
	7.2 Tandas	94.3	90.7	95.0	92.0		95.6
	7.3 Keselesaan	89.3	91.7	87.0	89.0		89.3
	7.4 Keselamatan	99.3	95.0	98.0	98.7		98

KAJIAN PIAGAM PELANGGAN PESAKIT LUAR

JADUAL 1.13.9 : PENCAPAIAN KAJIAN PIAGAM PELANGGAN PESAKIT LUAR

Bil	Komponen	Puas hati (%)		Puas hati (%)		Puas hati (%)	
		Bil. 1/2018	Bil. 2/2018	Bil. 1/2019	Bil. 2/2019	Bil. 1/2020	Bil. 2/2020
1	Perkhidmatan di Klinik Pakar mengikut giliran	96.7	95.3	93.0	98.3		87.7
2	Keutamaan diberikan kepada kanak-kanak, ibu hamil, warga emas dan OKU	94.7	88.3	97.0	96.67		
3	Diberi penerangan mengenai penyakit, prosedur dan rawatan yang dijalankan	97.3	93.3	96.3	98.67		94
4	Kerahsiaan maklumat peribadi, penyakit dan perawatan dijamin	93.3	81.0	89.3	92.67		96.7
5	Menepati piagam pelanggan dari aspek-aspek di bawah dipenuhi :						
5.1	Kebersihan						
	a) Persekitaran	99.0	89.0	98.0	93.33		91.3
	b) Tandas	73.7	80.0	80.0	93.0		96
5.2	Keselesaan	75.3	75.7	82.0	87.67		86
5.3	Keselamatan	98.0	87.0	98.0	99.0		98

PENCAPAIAN AKTIVITI KUALITI

JADUAL 1.13.10 :PENCAPAIAN INDIKATOR BAGI HOSPITAL PERFORMANCE INDICATORS FOR ACCOUNTABILITY (HPIA) HOSPITAL KULIM KEDAH.

NO	INDICATOR	STD	REPORTING FREQUENCY	PENCAPAIAN		
				2018	2019	2020
1-INTERNAL BUSINESS PROCESS						
1	Percentage of Morbidity and/ or Mortality meetings being conducted at the hospital level with documentation of the cases discussed State & Specialist Hospital: 12 times/ year Other Hospital: 6 times/ year	≥ 80%	6 Monthly	108.3%	100%	100%
2-CUSTOMER FOCUS						
2	Percentage of hospital customers who were satisfied with the hospital services (based on customer satisfaction survey)	≥ 80%	6 Monthly	95.9%	98.1%	98.1%
4-LEARNING & GROWTH						
6	Percentage of research projects (Clinical Research/ Quality Research (HSA/ QA/ ISR) successfully conducted within 2 years (based on 1% of staff number)	≥ 80%	Yearly	175%	138.4%	100%
7	Innovative Culture: Number of innovation produced/ replicated and implemented within 2 years in the hospital	≥1	Yearly	1	1	4
5-FINANCIAL AND OFFICE MANAGEMENT						
12	Hospital possesses "current" Accreditation (MSQH) or MS ISO Certification Status (YES = 1; NO = 0)	1	Yearly	1	1	0

PENGENALAN

Bilik Daftar Masuk terletak di tingkat bawah bersebelahan Jabatan Kecemasan dan Trauma. Unit ini terdiri daripada empat orang Pembantu Tadbir Kewangan dan seorang Pembantu Tadbir (P/O) yang ditugaskan untuk penggunaan sistem e-HIS (Sistem Pendaftaran Pesakit).

OBJEKTIF

Memastikan kemasukan pesakit diselesaikan dalam masa kurang dari 8 minit selepas menerima arahan kemasukan wad oleh Pegawai Perubatan.

PERJAWATAN

JADUAL 1.14.1 JADUAL PERJAWATAN BILIK DAFTAR MASUK 2020

Bil	Nama Jawatan Catatan	Perjawatan	Isi	Kosong
1.	Pembantu Tadbir W19 / Pembantu Tadbir N19	5	5	0

PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

- Menyediakan perkhidmatan E-GL (*Electronic Guarantee Letter*) kepada pesakit dan ahli keluarga yang terdiri daripada kakitangan kerajaan.
- Menyediakan perkhidmatan SPIKPA (Sistem Perlindungan Insurans Kesihatan Pekerja Asing) untuk pekerja warga asing yang berdaftar terutama bagi kemasukan ke wad.
- Menyediakan perkhidmatan mesin faksimili, No Faks : 04-4272824 (terima sahaja) dan e-mail (bdm_hk@yahoo.com) bagi kemudahan majikan/waris bagi menghantar Surat Pengesahan Diri (GL) atau surat pengesahan majikan untuk urusan kelayakan wad.


AKTIVITI YANG DIJALANKAN

1. Mengurus semua pendaftaran kemasukan wad untuk pesakit dalam setelah diperakukan oleh Pegawai Perubatan dengan menggunakan sistem e-HIS bermula 7.00 am hingga 9.00 pm sahaja.
2. Membuat kutipan hasil caj rawatan yang dikenakan kepada pesakit luar (kecemasan) dan pesakit dalam menurut Perintah Fee (Perubatan) 1982, Perintah Fee (Perubatan) Pindaan 2003. (Caj baru bagi pesakit warga asing), Akta Acara Kewangan 1957, Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling semasa selepas waktu pejabat dan semasa cuti umum atau cuti minggu. Selain itu, membuat kutipan hasil bagi bayaran warga asing yang ingin menerima rawatan di Unit Kecemasan dan Trauma pada setiap hari. Semua hasil kutipan akan dihantar ke Unit Hasil pada setiap hari bekerja. Berikut disenaraikan waktu kutipan di unit ini.
4. Memberikan perkhidmatan Klinik Pakar Nefrologi untuk pesakit hemodialisis

Klinik Nefrologi

Klinik Nefrologi dijalankan setiap hari Selasa pada setiap minggu. Bagi pesakit kronik klinik dijalankan setiap 3 bulan. Seorang Pakar Nefrologi dibantu oleh Pegawai Perubatan dari Jabatan Perubatan Hospital Kulim bertugas pada setiap sesi klinik. Disamping itu juga kita mempunyai seorang Pegawai Farmasi untuk membantu dari segi khidmat nasihat tentang ubat-ubatan yang diberikan kepada pesakit ketika seisi klinik. Jumlah kehadiran pesakit ke klinik Nefro bagi tahun 2019 ialah **1258**.

KEDATANGAN PESAKIT KE KLINIK NEFRO TAHUN 2015-2020

RAJAH 3.2.2 – JUMLAH KEDATANGAN PESAKIT KE KLINIK NEFROLOGI 2015-2020



Klinik Transplant

Klinik transplant mula beroperasi di Hospital Kulim bermula pada 2017. Setakat kini pihak unit mempunyai **6** orang pesakit untuk rawatan susulan. Jumlah kehadiran pesakit untuk klinik transplants bagi tahun **2020** sebanyak **84** kali. Jumlah bagi Work Up untuk Living Related Renal Transplant ialah **6** orang.

Parathyroidectomy

Hospital Kulim memulakan operasi untuk pembedahan Parathyroidectomy pada 8 Mac 2018. Sehingga kini berakhir **2020** terdapat **45** kes telah berjaya dilaksanakan dengan kerjasama daripada Pakar Bedah daripada Hospital Pulau Pinang.

CAPD

Jabatan Nefrologi telah mendapat satu lagi perkhidmatan iaitu perkhidmatan rawatan **CAPD** pada akhir tahun 2019. Perkhidmatan ini telah beroperasi sepenuhnya pada **Januari 2020**. Dengan adanya perkhidmatan CAPD ini dapat membantu pesakit-pesakit sekitar Kulim yang telah menjalani rawatan CAPD di Hospital Sultanah Bahiyah, Hospital Seberang Jaya dan Hospital Pulau Pinang boleh mendapat perkhidmatan di Hospital Kulim.

AKTIVITI YANG DIJALANKAN

JADUAL 3.2.2 : JUMLAH RAWATAN DIALISIS DARI TAHUN 2015-2020

KES	TAHUN					
	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Kronik	6813	7879	7224	7986	7925	8421
Akut	2351	3047	2692	3088	4280	4905
Jumlah	9164	10926	9916	11,044	12,205	13,326

**JADUAL 3.2.3 – JUMLAH KES RAWATAN CRRT DAN SLED 2016-2020
RAWATAN INI DILAKUKAN DI ICU & CCU**

TAHUN					
	2016	2017	2018	2019	2020
CRRT	61	40	28	23	54
SLED	107	101	61	70	107
Jumlah	168	141	89	93	161

JADUAL 3.2.4 – PROGRAM YANG DIJALANKAN MENGGUNAKAN BUDGET PEMBANGUNAN MODAL INSAN

KURSUS/BENGGKEL/ SEMINAR	TARIKH	PESERTA
Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2020 Peringkat Hospital.	10 Mac	100
Kursus AKI Workshop 2020 (ON LINE) Peringkat Negeri Kedah	10 Okt	60
RRT orientasi	SebulanSekali (Khamis)	123

Research & Study

Unit Hemodialisis Hospital Kulim berkerjasama dengan Clinical Research Malaysia untuk menjayakan dua kajian iaitu VALOR –CKD dan EMPA – KIDNEY.

PPP Amirrulrashid Bin Ibrahim telah dipilih untuk menjalankan kajian ini dan diberi latihan khusus .Kajian ini mengambil masa selama 3 tahun untuk dijalankan.Dengan adanya kajian yang melibatkan unit Hemodialisis ini sedikit sebanyak membantu dalam proses pembelajaran berterusan kepada staff dan dapat membantu meningkatkan mutu perkhidmatan .

AKTIVITI KUALITI

KajianKepuasanPelanggan Dan PiagamPelanggan

KajianKepuasan pelanggan dijalankan 2 kali setahun dan kajian piagam pelanggan dijalankan sekalisetahun di mana kedua-dua kajian yang dibuat telahmencapai standard yang ditetapkan.

KPI/NIA

JADUAL 3.2.5 –PENCAPAIAN KPI UNIT HEMODIALISIS BAGI TAHUN 2020

Indicator 1	Percentage of hemodialysis patients with delivered KT/V of ≥ 1.2			
Standard	$\geq 85\%$			
Reporting Frequency	3 monthly			
Performanc e	Jan - Mac	Apr - Jun	Jul - Sept	Okt - Dis
	94.2%	94.5%	100%	100%

e-NRR (electronic National Renal Registry)

e-NRR adalah satu aplikasi atas talian (online) yang digunakan oleh semua Unit Hemodialisis KKM untuk menyelenggara dan mengemaskini senarai menunggu pesakit pindahan buah pinggang. Senarai pesakit perlu dikemaskini untuk memastikan pesakit berada di dalam senarai menunggu.

Pada masa ini terdapat 12 orang pesakit yang layak diletakkan ke dalam senarai menunggu manakala yang selebihnya tidak layak diletakkan ke dalam senarai menunggu kerana termasuk dalam golongan 'contraindication' untuk pindahan buah pinggang seperti yang dinyatakan di dalam CPG

Koleksi Foto Aktiviti

GAMBAR 3.2.1: MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN MESIN DIALISIS OLEH PELITAWANIS TNB



GAMBAR 3.2.2- SAMBUTAN WKD 2020



3.3 JABATAN PSIKIATRI DAN KESIHATAN MENTAL

PENGENALAN

Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental Hospital Kulim (Halaman Minda) telah dianggotai seramai 16 kakitangan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat khususnya di Daerah Kulim dan Bandar Baharu.

Pada masa ini rawatan Pesakit Dalam Psikiatri hanya mempunyai dua katil yang diletakkan di Wad 5 dan 7. Kemasukan pesakit psikiatri adalah mengikut prosedur yang termaktub dalam Akta Kesihatan Mental 2001. Oleh itu hanya kemasukan secara sukarela (menggunakan Borang 1) dan mempunyai risiko rendah sahaja dibenarkan. Untuk pesakit yang memerlukan rawatan akut, mereka akan dimasukkan ke wad psikiatri di Hospital Sultan Abdul Halim. Jabatan ini sentiasa bekerjasama dengan Pertubuhan Badan Kebajikan Psikiatri Hospital Kulim (TEMAN) dalam menjalankan aktiviti- aktiviti mempromosikan kesihatan mental di kalangan masyarakat awam.

OBJEKTIF DAN SASARAN

Menyediakan perkhidmatan psikiatri dan kesihatan mental yang cekap, adil dan saksama kepada semua golongan masyarakat melalui perkhidmatan yang mudah diperolehi, rawatan moden dan komprehensif yang bersesuaian dengan sosial budaya pelanggan.

PENJAWATAN

JADUAL 3.3.1 : PENJAWATAN DI KLINIK PAKAR PSIKIATRI DAN KESIHATAN MENTAL

NAMA JAWATAN	JAWATAN	DI ISI	KEKOSONGAN	% DIISI
Pakar Psikiatri & Kesihatan Mental	UD 54	1	0	100%
Pakar Psikiatri & Kesihatan Mental	UD 52	1	0	100%
Pegawai Perubatan	UD44, 48, 52	4	0	100%

Pegawai (kontrak)	Perubatan	UD 41	3	0	100%
Penolong Perubatan	Pegawai	U 32	1	0	100%
Penolong Perubatan	Pegawai	KUP U 32	1	0	100%
Penolong Perubatan	Pegawai	U 29	1	0	100%
Penolong Perubatan	Pegawai	U29 KONTRAK	1	0	100%
Jururawat Terlatih		KUP 32/ U 29	2	0	100%
Pembantu Kesihatan	Perawatan	U 14/U 11	2	0	100%

PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

- Klinik Pesakit Luar- Dewasa, Kanak- kanak dan remaja, Warga Emas, Perinatal
- Lawatan *Home Visit / School visit*
- Perkhidmatan Komuniti Psikiatri
- Pengesahan Borang OKU (Mental)
- Kes-kes *Liason* di wad-wad H.Kulim.
- Perkhidmatan Psikologi Klinikal dan Kaunseling (lawatan dan kontrak)

AKTIVITI-AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2020

JADUAL 3.3.2 : AKTIVITI- AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2020

BIL.	JENIS-JENIS AKTIVITI/PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	Ceramah “Sayangi Diriku dan Stress Management”	13.02.2020	SMK Tingkatan 6 Kulim
2.	Psychological First Aid (PFA) di Kilang OSRAM & Training the Trainers (PKD Kulim)	18.02.2020	OSRAM Kulim
3.	Membuka Booth Pameran Kesihatan Mental di Tempat Kerja	19.02.2020	INOKOM, Kulim
4.	Continuous Medical Education (CME) Lunch Talk peringkat Hospital dan PKD Kulim	20.02.2020	Pusat Promosi, Hospital Kulim
5.	Aktiviti Psychological First Aid (PFA) bagi semua kakitangan Hospital Kulim secara berperingkat	Mac- Mei 2020	Hospital Kulim
6.	Sambutan Hari Autism Sedunia Peringkat Hospital Kulim	02.04.2020	Hospital Kulim
7.	Mandala Art Contest	13.05.2020-07.06.2020	Hospital Kulim
8.	Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan Mental Daerah Kulim dan Bandar Baharu	16.07.2020	Kolej Jururawat, Hospital Kulim
9.	Kursus Stress Management	27.08.2020	Kolej Jururawat, Hospital Kulim
10.	Sambutan Hari Cegah Bunuh Diri Sedunia Peringkat Hospital Kulim	09.09.2020	Foyer Hospital Kulim
10.	Vitual Run Mental Health Day	15.09.2020-10.10.2020	Di seluruh negara
11.	Pameran Sempena Sambutan Hari Kesedaran Kesihatan Mental Sedunia	10.10.2020	
12.	Psychological First Aid kepada Petugas Hadapan di PKRC Kulim	02.12.2020	Politeknik Kulim

JADUAL 3.3.3: JADUAL TERKINI KLINIK PSIKIATRI DAN KESIHATAN MENTAL, HOSPITAL KULIM

Hari	Ahad	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis
Pagi	Klinik Ulangan Dewasa	Klinik Temujanji Baru/ Ulangan Kanak-kanak & Remaja/ Klinik Psycho G (minggu ke 5)	Klinik Ulangan Dewasa	Klinik Temujanji Pesakit Baru	Klinik Perinatal Care/ Liaison grand round
Petang	Walk-in/ Klinik Ulangan	SOCISO/ KWSP/ Walk-in/ Klinik Ulangan	Walk-in/ Klinik Ulangan	Klinik Temujanji Pesakit Baru	CME Jabatan

JADUAL 3.3.4 : AKTIVITI LAWATAN KE RUMAH PESAKIT DAN *DEFAULT TRACING*

Bulan	Lawatan ke rumah untuk kes komuniti	"Default tracing" melalui lawatan rumah	Kes-kes akut & subakut	Kes-kes Asertif	Bulan	Lawatan ke rumah untuk kes komuniti	"Default tracing" melalui lawatan rumah	Kes-kes akut & subakut	Kes-kes Asertif
Jan	25	1	-	2	Jul	22	-	1	-
Feb	16	1	-	1	Ogos	17	-	-	1
Mac	10	-	2	4	Sept	15	1	5	1
Apr	10	-	-	1	Okt	20	2	2	1
Mei	9	-	2	6	Nov	14	1	3	1
Jun	13	1	-	-	Dis	23	1	-	-
JUMLAH						<u>195</u>	<u>8</u>	<u>15</u>	<u>18</u>

JUMLAH KEDATANGAN PESAKIT KE JABATAN PSIKIATRI DARI 2018-2020

JADUAL 3.3.5: PERBANDINGAN JUMLAH PESAKIT DARI TAHUN 2018- 2020

KES	TAHUN		
	2018	2019	2020
Baru (Dewasa & Warga emas)	591	686	629
Baru (Kanak- kanak & Remaja)	112	97	118
Ulangan (Dewasa & Warga emas)	7263	8024	7495
Ulangan (Kanak- kanak & Remaja)	472	523	488
Kes <i>Liaison</i> dan rujukan kecemasan	436	597	431

PENCAPAIAN AKTIVITI KUALITI –KPI/HPIA

JADUAL 3.3.6 : PENCAPAIAN KPI/HPIA BAGI TAHUN 2020

Bil	KPI	STANDARD %	PENCAPAIAN TAHUNAN		
			2018	2019	2020
1.	<i>Percentage of patients with waiting time of $\leq 90\%$ minutes to see the doctor at Psychiatry clinic</i>	$\geq 90\%$	95.8%	99.8%	99.8%
2.	<i>Defaulter rate among Psychiatry outpatients</i>	$\leq 10\%$	9.5%	6.6%	5.7%
3.	<i>Percentage of new patients seen/ discuss with specialist within 1 month from the first consultation</i>	$\geq 90\%$	N/A	96.8%	98.8%

PENCAPAIAN

Untuk julung kalinya Jabatan ini dengan kerjasama Pertubuhan Kebajikan Psikiatri Hospital Kulim (TEMAN) telah berjaya menganjurkan larian virtual sempena Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia 2020 walaupun dalam keadaan pandemik COVID19. Jabatan ini juga telah berjaya menubuhkan Mental Health and Psychosocial Support (MHPSS) bagi menjalani aktiviti- aktiviti Psychological First Aid (PFA) bagi petugas hadapan Hospital Kulim. Malahan 3 anggota Jabatan telah dihantar keluar bagi membantu kerajaan di Pusat- pusat rawatan COVID19.

GAMBAR AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2020

GAMBAR 3.3.1 : TAKLIMAT MHPSS KEPADA PETUGAS LRCC DI POLITEKNIK KULIM



GAMBAR 3.3.2 CONTINUOUS MEDICAL EDUCATION (CME) PERINGKAT HOSPITAL KULIM DAN PKD KULIM



GAMBAR 3.3.3 : SAMBUTAN HARI KESEDARAN CEGAH BUNUH DIRI SEDUNIA 2020



GAMBAR 3.3.4 : KURSUS MENANGANI STRESS



**GAMBAR 3.3.5 : MESYUARAT
JAWATANKUASA KESIHAN MENTAL
DAERAH KULIM DAN BANDAR
BAHARU**



**GAMBAR 3.3.6 : MANDALA ART
CONTEST**





DIREKTORAT PERKHIDMATAN KECEMASAN DAN PEMBEDAHAN

- 4.1 Jabatan Kecemasan dan Trauma**
- 4.2 Jabatan Pembedahan Am**
- 4.3 Jabatan Ortopedik**
- 4.4 Jabatan Otorinolaringologi / Unit Terapi & Bahasa /
Unit Audiologi**
- 4.5 Jabatan Oftalmologi / Unit Optometri**
- 4.6 Jabatan Anestesiologi**
- 4.7 Jabatan Bedah Mulut Dan Maksilofasial**
- 4.8 Jabatan Pergigian Kanak-Kanak**

4.1 JABATAN KECEMASAN DAN TRAUMA

PENGENALAN

Jabatan Kecemasan dan Trauma terletak di tingkat bawah bahagian timur bangunan hospital. Beroperasi 24 jam setiap hari termasuk hari minggu dan cuti umum. Mula beroperasi pada 1hb. September 1994. Jabatan ini menerima kes-kes kecemasan, kes-kes rujukan daripada Klinik-klinik Kesihatan, Klinik Ibu Dan Anak, Bahagian Kesihatan Awam (CDC), Pengamal Perubatan Swasta dan Klinik PLKN, Jalan Bukit Besar Kulim. Jabatan ini sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk penduduk daerah Kulim dan Bandar Baharu

OBJEKTIF

1. Menyediakan perkhidmatan kecemasan dan trauma yang efektif dan efisien
2. Memberi perawatan perubatan kecemasan kepada pesakit merangkumi semua peringkat umur secara komprehensif dari aspek pencegahan dan merawat secara diagnostic, terapeutik dan definitive.
3. Melengkapkan semua anggota Jabatan Kecemasan dan Trauma dengan pengetahuan dan kemahiran yang terkini.
4. Menggalakkan penyelidikan dan audit untuk memelihara dan meningkatkan mutu perkhidmatan.
5. Mewujudkan suasana kerja berpasukan antara anggota Jabatan Kecemasan dan Trauma dengan mengamalkan sikap penyayang dan professional.

PERJAWATAN

JADUAL 4.1.1 PERJAWATAN JABATAN KECEMASAN DAN TRAUMA

BIL	JAWATAN	JAWATAN	DIISI	KOSONG
1	Pakar Perubatan Kecemasan UD 52/UD 54	4	4	0
2	Pegawai Perubatan UD 44/UD48/UD52/UD54	24	24	0
3	Penolong Pegawai Perubatan U41/42	0	0	0
4	Penolong Pegawai Perubatan U36	1	1	0
5	Penolong Pegawai Perubatan U32	4	4	0
6	Penolong Pegawai Perubatan U29	21	21	0
7	Jururawat U41	0	0	0

8	Jururawat U32	1	1	0
9	Jururawat U29	23	15	8
10	Pembantu Perawatan Kesihatan U16	1	0	1
11	Pembantu Perawatan Kesihatan U14	2	1	1
12	Pembantu Perawatan Kesihatan U11/U12	23	15	8
13	Pembantu Tadbir	5	4	1

PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

- Rawatan kes kecemasan dan bukan kecemasan
- Perkhidmatan Penjagaan Pra Hospital (Pre Hospital Care)
- Perkhidmatan Liputan Perubatan
- Pengurusan kejadian bencana
- Pengendalian Insiden Kecemasan bahan kimia
- Saringan dan rawatan awal penyakit berjangkit
- Perkhidmatan Pusat Khidmat Bersepadu (OSCC)


Rawatan kes kecemasan dan bukan kecemasan

Memberikan rawatan awal untuk kes-kes kecemasan perubatan dan juga trauma yang kritikal dan juga separa kritikal dan merawat kes-kes bukan kecemasan. Keutamaan dalam pemberian rawatan kepada pesakit adalah berpandukan 'Malaysian Triage System 2011' dan dibahagikan mengikut zon-zon berpandukan Polisi EMTS 2012 yang dikeluarkan oleh KKM

JADUAL 4.1.2 Kedatangan Pesakit Tahun 2017-2020

Tahun	Merah	Kuning	Hijau	Jumlah	OSCC				Jumlah
					Rogol	Liwat	Penderaan	Lain-Lain	
2018	3496	24175	80695	108366	26	21	17	66	130
2019	3143	22271	80425	105839	24	5	19	7	55
2020	2752	14164	54968	71882	23	1	8	3	35

RAJAH 4.1.1 STATISTIK KEDATANGAN PESAKIT KE JABATAN KECEMASAN DAN TRAUMA



Perkhidmatan Penjagaan Pra Hospital (Pre Hospital Care)

Mengendalikan Perkhidmatan Pra Hospital (Pre-hospital Care) dengan memberikan perkhidmatan ambulan secara 24 jam. Perkhidmatan ini sentiasa bersedia dan bertindak berdasarkan permintaan atau infomasi dari MECC.


Perkhidmatan ini amat penting kerana perkhidmatan ini merupakan rawatan awal yang akan di berikan kepada mangsa/pesakit. Rawatan awal ini akan di mulakan di "site" atau "field" bagi mengelakkan sebarang komplikasi lain di samping mengurangkan komplikasi akibat sebarang trauma atau keadaan yang menimpa mangsa. Dengan adanya rawatan awal dan sempurna ia nya akan dapat mengurangkan kecacatan kekal seterusnya dapat menyelamatkan nyawa mangsa

AKTIVITI YANG DIJALANKAN

JADUAL 4.1.3 Perkhidmatan Ambulan Tahun 2017-2019

Tahun	Jumlah Panggilan Kecemasan	Jumlah Rujukan (IFC)	Jumlah Ambulan
2018	3314	819	7
2019	3651	981	7
2020	3345	1026	7

RAJAH 4.1.2 JUMLAH PENGGUNAAN AMBULAN TAHUN 2018 - 2020



Liputan Perubatan

Pasukan perkhidmatan liputan perubatan juga disediakan untuk acara-acara yang mempunyai risiko tinggi seperti sukan motorcross dan juga acara yang dihadiri oleh orang kenamaan. Pasukan Liputan Perubatan ini akan digerakkan apabila mendapat arahan daripada Jabatan Kesihatan Negeri Kedah. Pasukan ini biasanya terdiri daripada Pakat Perubatan Kecemasan, Pegawai Perubatan, Penolong Pegawai Perubatan, Jururawat, Pembantu Perawatan Kesihatan dan pemandu beserta sebuah ambulan.

Pada tahun 2020, tiada pasukan perubatan yang digerakkan kerana tiada acara yang dihadiri oleh orang kenamaan dijalankan kerana Wabak Covid-19. Pada tahun 2018, pasukan perubatan telah digerakkan sebanyak 9 kali dan pada tahun 2019, pasukan perubatan telah digerakkan sebanyak 4 kali.

Pengurusan Kejadian Bencana

Jabatan Kecemasan dan Trauma juga bertanggungjawab mengendalikan situasi bencana yang berlaku di Daerah Kulim sebagai 'Primary Responding Hospital' dan bertindak sebagai Secondary Responding Hospital sekiranya bencana berlaku di daerah bersebelahan seperti Baling, Sungai Petani, dan juga negeri yang bersebelahan seperti Pulau Pinang dan Perak.

Pengendalian Insiden Kecemasan Bahan Kimia

MDERS (Mobile Decontamination and Emergency Response System) ialah sistem dikontaminasi dan tindak balas kecemasan bergerak yang akan bertindak jika terdapat kejadian bencana yang melibatkan bahan kimia.

Semasa bencana yang melibatkan bahan kimia toksik, Pasukan MDERS dari Hospital Kulim akan diaktifkan. Penyebaran kakitangan terlatih yang biasa mengendalikan peralatan MDERS akan dilakukan secepat mungkin setelah mendapat arahan dari Pengarah Hospital dengan nasihat Ketua Jabatan Kecemasan dan Trauma. Pasukan

MDERS akan bekerjasama rapat dengan Pasukan HAZMART dari Pasukan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Pada tahun 2020 terdapat satu kejadian di mana berlaku kebocoran amonia di kilang Osram yang beroperasi di kawasan perindustrian Hi-Tech Kulim. Pasukan perubatan telah digerakkan ke tempat kejadian untuk memberikan rawatan kepada mangsa. Dalam kejadian tersebut seramai 208 orang mangsa telah didikontaminasi oleh pasukan Bomba dan seramai 28 orang mangsa telah dihantar ke hospital untuk rawatan lanjut dan dimasukkan ke wad.

Saringan Dan Rawatan Awal Penyakit Berjangkit


Ekoran daripada peningkatan kes covid-19 pada bulan Mac 2020, Jabatan Kecemasan dan Trauma telah mula membuat saringan Covid-19 di 'MITU' bagi kes-kes yang bergejala dan mempunyai kaitan dengan pesakit Covid-19 ataupun yang datang dari kawasan yang diishtiharkan sebagai kawasan Covid-19.

Disebabkan kes Covid-19 yang terus meningkat, Jabatan Kecemasan dan Trauma telah membuka kawasan isolasi iaitu 'SARI' dan 'ILI Containment Area' bagi mengendalikan saringan dan rawatan awal bagi kes-kes yang disyaki Covid-19 di kawasan isolasi tersebut.

JADUAL 4.1.4 JUMLAH SARINGAN DAN RAWATAN AWAL PENYAKIT BERJANGKIT

Bulan	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis
Jumlah Saringan	95	54	14	4	3	114	87	139	243	165

RAJAH 4.1.3 JUMLAH SARINGAN KES COVID-19 MAC - DISEMBER 2020



Kursus Dan Latihan Yang Dijalankan

JADUAL 4.1.5 JADUAL KURSUS DAN LATIHAN YANG DIJALANKAN

KURSUS	TARIKH	JUM. PESERTA
Kursus ALS siri 1	4&5.10.2020	18
Kursus ALS siri 2	27&28.10.2020	16
Latihan bencana (table top)	17.11.2020	52
Kursus LEAN	15.11.2020	18
BLS (PPW)	7.10.2020	11

AKTIVITI JABATAN KECEMASAN DAN TRAUMA TAHUN 2020

- ❖ CME Pegawai Perubatan Siswazah setiap hari rabu
- ❖ CME Pegawai Perubatan setiap hari selasa
- ❖ CME PPW Pen. Pegawai Perubatan setiap hari khamis
- ❖ Mortality review setiap 3 bulan sekali.
- ❖ Mesyuarat Pengurusan Jabatan setiap 4 bulan.
- ❖ Menyediakan Pasukan Liputan Perubatan jika diperlukan
- ❖ Mesyuarat pagi setiap hari Isnin
- ❖ Menjalankan kursus dan latihan kepada anggota

PENCAPAIAN AKTIVITI KUALITI

JADUAL 4.1.6 PENCAPAIAN AKTIVITI KUALITI

BIL	KPI/HPIA TAHUN 2019	STANDARD	PENCAPAIAN
1	Percentage of inappropriate triaging(under triaging) : Category Green patients who should have been triaged as Category Red	≤ 0.5%	0.07%
2	Percentage of MTC Yellow patients where treatment is instituted by ED staf within (≤) 20 minutes	≥ 85%	99.96%
3	Procedural sedation and analgesia (PSA) complication rate in Emergency and Trauma Department	< 7.5%	0%
4	Percentage of ambulance preparedness and dispatch for primary response within (≤) 5 minutes	>90%	97.3%
5	Percentage of suspected Acute Coronary Syndrome patient administered oral Aspirin by pre-hospital responder	≥ 65%	100%
6	Number of Uncontrolled Hypertension patients admitted to MOH Hospital in the corresponding year	-	181

7	Number of Uncontrolled Diabetes Mellitus (DM) patients admitted to MOH Hospital in the corresponding year	-	436
8	Waiting Time Relative To Triage Category: MTC Red Seen Immediately	100%	100%
9	Waiting Time Relative to Triage Category: Malaysian Triage Category (MTC) Green seen within 90 minutes (>70%)	>70%	99.04%
10	Unplanned Return Of Patient Seen At Emergency Department Within 24 Hours For Similar Complaint	-	0.13%

PENGENALAN

Jabatan Pembedahan Am Hospital Kulim telah ditubuhkan pada tahun 1996. Jabatan ini diketuai oleh Pakar Perunding Bedah Am dan dibantu oleh tiga Pakar Bedah serta 16 pegawai perubatan. Klinik Pesakit Luar Pembedahan (SOPD) bertapak di Klinik Pakar 2. Wad Pembedahan dibahagikan kepada wad 7 (lelaki), Wad 6 (perempuan) dan Wad 1(kanak-kanak).

OBJEKTIF DAN SASARAN

1. Mewujudkan satu Jabatan Pembedahan Am yang memberi perawatan pembedahan yang cemerlang.
2. Menyediakan rawatan diagnostik dan kuratif yang cepat dan tepat dengan semangat kerja berpasukan.
3. Melatih semua kategori kakitangan untuk meningkatkan ilmu dan kecekapan supaya memberi rawatan yang berkualiti
4. Mempromosikan pencegahan penyakit dan rawatan awal kepada masyarakat umum.

PERJAWATAN

JADUAL 4.2.1 PERJAWATAN KLINIK PAKAR 2

BIL	JAWATAN	GRES	BIL	ISI	KOSONG	PERATUS
1	Pakar Pembedahan	UD52/56	4	4	0	100%
2	Pegawai Perubatan	UD44/48/52/54	20	16	6	70%
3	Penolong Pegawai Perubatan	UD32	1	1	0	100%
4	Penolong Pegawai Perubatan	UD29	6	3	3	50%
5	Jururawat Terlatih	UD29	8	5	3	63%
6	Pembantu Perawatan Kesihatan	UD11	4	2	2	50%
7	Pembantu Tadbir	N19	1	0	1	0%

JADUAL 4.2.4 PERJAWATAN WAD 7, WAD 6 DAN WAD 1

BIL	JAWATAN	GRED	BIL	ISI	KOSONG	PERATUS
1	Ketua Jururawat	U32	5	5	0	0%
2	Jururawat Terlatih	U32/29	57	56	1	97%
3	Jururawat Masyarakat	UD19	1	1	0	0%
4	Pembantu Perawatan Kesihatan	UD11/12	12	12	0	0%

PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

1. Klinik Pembedahan Am
2. Klinik Payudara
3. Klinik Prostat
4. Klinik Penjagaan Luka dan Stoma
5. Klinik AVF
6. Klinik Endoskopi
7. Klinik FNAC

Pasukan Perawatan Luka (*Wound Care Team*)

Pasukan Perawatan Luka Hospital Kulim telah beroperasi mulai bulan April 2016.

Pasukan ini bertanggungjawab terhadap pesakit rujukan yang mempunyai masalah luka yang sukar sembuh. Lawatan "Grand Round" akan dilakukan oleh pasukan ini pada hari Khamis jam 9.00 pagi setiap minggu bersama Unit Kawalan Infeksi dan Dietetik.

AKTIVITI YANG DIJALANKAN

**JADUAL 4.2.3 JUMLAH KEDATANGAN PESAKIT DI KLINIK PAKAR 2
(2016-2020)**

BIL	KLINIK	2016	2017	2018	2019	2020
1	Pembedahan Am	8086	8541	7791	8841	9029
2	Payudara	557	721	641	727	581
3	Prostat	580	900	847	1030	967
4	Penjagaan Luka/Stoma	722	693	668	772	754
5	AVF	418	617	712	816	894
6	Endoskopi	940	1003	1038	1034	865
Jumlah		11303	12475	11697	12525	13090

**JADUAL 4.2.4 DATA PROSEDUR YANG DIJALANKAN DI KLINIK
ENDOSKOPI (2016-2020)**

BIL	JENIS PROSIDUR	2016	2017	2018	2019	2020
1	OGDS Elektif	431	283	302	295	224
2	OGDS Kecemasan	200	369	417	372	272
3	<i>Protoscopy</i>	29	22	0	0	0
4	<i>Colonoscopy</i>	240	272	239	337	341
5	<i>Sigmoidoscopy</i>	11	40	60	30	25
6	<i>Rubber Banding</i>	29	17	20	0	3
Jumlah		836	1003	1038	1034	865

**JADUAL 4.2.5 DATA PEMBEDAHAN YANG DIJALANKAN DI HOSPITAL KULIM
(2015-2020)**

BIL	PEMBEDAHAN	2015	2016	2017	2018	2019	2020
1	ELEKTIF					600	518
2	KECEMASAN					697	758
Jumlah		1494	1598	1597	1225	1297	1276

**JADUAL 4.2.6 KURSUS YANG DIJALANKAN SEPANJANG TAHUN
2020**

BIL	TAJUK KURSUS	TARIKH	TEMPAT	JUMLAH PESERTA
1	<i>Basic Surgical Skill Course</i>	03/08/2020	Dewan Asrama Jururawat	30

PENCAPAIAN AKTIVITI KUALITI

JADUAL 4.2.6 PENCAPAIAN KPI 2019

BIL	TAJUK KPI	Standard	PENCAPAIAN KPI			
			2017	2018	2019	2020
1	<i>Percentage of Cancellation of Emergency Surgery</i>	≤ 5%	-	-	0.05%	16.9%
2	<i>Peri-Operative Mortality Review (POMR)</i>	>90 %	-	-	100%	100%
3	<i>Percentage of Colonic Perforation during Colonoscop</i>	<2%	0.36%	0%	0.30%	0%
4	<i>Percentage of Surgery done as daycare surgery (Breast lump & Hernia)</i>	> 60 %	-	-	19%	

GAMBAR 4.2.1 SEBAHAGIAN DARIPADA PAKAR BEDAH, PEGAWAI PERUBATAN DAN PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH DI JABATAN PEMBEDAHAN HOSPITAL KULIM



GAMBAR 4.2.2 MR NEERAJ DAN DR HANIF MELAKUKAN PEMBEDAHAN *EMERGENCY* DENGAN MEMAKAI PPE PENUH



GAMBAR 4.2.3 MR NEERAJ MELAKUKAN *ENDOSCOPY* MENGGUNAKAN *INTUBATION BOX* DAN PPE PENUH



GAMBAR 4.2.4 SEBAHAGIAN PAKAR BEDAH DAN PEGAWAI PERUBATAN DARI JABATAN PEMBEDAHAN HOSPITAL KULIM MEMBANTU DALAM KERJA-KERJA MENJAHIT PPE



GAMBAR 4.2.5 KURSUS *BASIC SURGICAL SKILL*



GAMBAR 4.2.6 JABATAN PEMBEDIHAN MEMPEROLEHI *DIATHERMY MACHINE* DAN *ENDOSCOPY MACHINE* BARU



21/

GAMBAR 4.2.7 LAWATAN MR NAJMI KE HOSPITAL KULIM BERSAMA-SAMA PAKAR BEDAH DAN PEGAWAI PERUBATAN MENJALANKAN PEMBEDAHAN



4.3 JABATAN ORTOPEDIK

PENGENALAN

Klinik ortopedik yang terletak di klinik Pakar 5. Klinik ini beroperasi setiap hari Isnin dan Khamis. Manakala untuk Klinik *Wounds Inspection* adalah pada hari Selasa. Wad ortopedik bagi pesakit lelaki ditempatkan di Wad 5. Wad 5 adalah wad multi-displin yang menempatkan pesakit lelaki yang dari disiplin mata, psikiatri, telinga hidung dan tekak. Wad ortopedik perempuan adalah Wad 6 berkongsi dengan disiplin Surgikal. Bagi kes ortopedik kanak-kanak adalah di Wad 1 yang mempunyai 4 katil untuk kes ortopedik dan berkongsi wad dengan unit surgical serta kes-kes lain.

OBJEKTIF :

Memastikan semua pesakit menerima rawatan yang tepat, cepat dan berkualiti.

Memastikan rawatan kecemasan diberikan kepada pesakit dalam masa yang singkat.

Memberi rawatan kepakaran kepada semua pesakit dalam dan pesakit luar.

Memberi rawatan susulan kepada pesakit yang memerlukan dengan temujanji.

PERJAWATAN

JADUAL 4.3.1 PERJAWATAN JABATAN ORTOPEDIK

NAMA JAWATAN	JAWATAN	DIISI	KOSONG	% DIISI	KEPERLUAN
Pakar Bedah Ortopedik	UD56	1	0	100 %	
Pakar Bedah Ortopedik (Kontrak)	UD 52/54	3	0	100 %	
Pegawai Perubatan	UD 44/48	16	0	100%	
Penolong Pegawai Perubatan	U 32	1	0	100 %	-
Penolong Pegawai Perubatan	U 29	3	1	75%	

Ketua Jururawat	U 32	6	0	100 %	-
Jururawat	U 32/U29				35 per wad 6 per klinik
Jururawat Masyarakat	U 19	0	-	0 %	
Pembantu Perawatan Kesihatan	U 11	15	5	75%	8 per wad 4 per klinik


PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN :

- Rawatan Pesakit Dalam
- Rawatan Pesakit Luar di Klinik Pakar 5
- Pembedahan Ortopedik (Trauma)
- Pembedahan Artroplasti
- Pembedahan Foot & Ankle
- Rawatan Kecemasan
- Merujuk pesakit ke hospital lain / institusi lain bila perlu
- Perkhidmatan Kaunseling dan nasihat pakar

JADUAL 4.3.2 JUMLAH KEDATANGAN PESAKIT KE KLINIK ORTOPEDIK .

PERKARA	2016	2017	2018	2019	2020
Jumlah PESAKIT BARU ke Klinik Ortopedik	4421	4978	4515	5505	4114
Jumlah PESAKIT ULANGAN ke klinik Ortopedik	9281	12819	12069	13937	10248
JUMLAH	13,702	17,797	16584	19442	14362


RAJAH 4.3.1 STATISTIK KEDATANGAN PESAKIT BARU DAN ULANGAN KE WAD ORTOPEDIK



JADUAL 4.3.3 JUMLAH KEMASUKAN KE WAD ORTOPEDIK

PERKARA	2016	2017	2018	2019	2020
Jumlah KEMASUKAN KE WAD Ortopedik	2478	2671	2624	2893	1894


RAJAH 4.3.2 JUMLAH KEMASUKAN KE WAD ORTOPEDIK



JADUAL 4.3.4 JUMLAH PEMBEDAHAN PESAKIT ORTOPEDIK

PERKARA	2016	2017	2018	2019	2020
Jumlah PEMBEDAHAN ELEKTIF	727	760	974	1063	951
Jumlah PEMBEDAHAN KECEMASAN	1267	1062	1433	1433	2202
JUMLAH	1994	1822	2407	2496	3153

RAJAH 4.3.3 JUMLAH PEMBEDAHAN ELEKTIF DAN KECEMASAN



JADUAL 4.3.5 JUMLAH PROSEDUR BILIK POP DAN BILIK PROSEDUR

PROSEDUR	2017	2018	2019	2020
All type POP /Slab	4258	5235	5624	5125
All type of CMR	743	974	783	692
Off POP / Slab / Open window	4155	4155	4823	3966
Bandaging / Strapping / Splinting	436	436	621	603
Off External Fixation / K-wire	36	352	253	244
Dressing / STO	1962	1904	2106	1926
All type of traction	252	841	504	499
JUMLAH	11842	13897	14714	13055

AKTIVITI LAIN / AKTIVITI SOSIAL

CME Jabatan Ortopedik

CME Jabatan Ortopedik ada dalam kalender CME untuk peringkat hospital. Ia dilakukan sebanyak 3 kali setahun di mana akan dibentangkan oleh Pakar atau Pegawai Perubatan dan dipantau oleh Ketua Jabatan Ortopedik. CME Jabatan Ortopedik di peringkat jabatan diadakan setiap minggu hari iaitu pada hari AHAD Jam 08.15 pagi hingga 09.15 pagi. Klinikal Teaching pada setiap hari Rabu bagi kes pembedahan.

Mortality Review

Mortality review di peringkat hospital diadakan 3 kali setahun iaitu pada hari Rabu minggu ke tiga setiap bulan mengikut jadual yang disediakan. Sebanyak 2 kes yang akan dibincangkan secara terperinci pada setiap sesi. Pembentangan dilakukan oleh pegawai perubatan yang bertanggungjawab ke atas kes tersebut.

AKTIVITI KUALITI

Dipantau secara berterusan oleh ketua jabatan diberi kepada unit kualiti. Bagi tahun 2020, KPI dan HPIA telah ditukar kepada indikator yang baru bagi menggantikan indikator yang lama.

JADUAL 4.3.6 PENCAPAIAN AKTIVITI KUALITI

KPI	PENCAPAIAN	
	STANDARD	2020
Percentage of patient with waiting time of less than (\leq) 90 minutes to see doctor in orthopaedics clinic after completion of pre-planned procedure.	$\geq 90\%$	96.12%
Percentage surgical site infection in clean orthopaedic surgery	$\leq 2\%$	0%
Percentage unacceptable internal fixation of fracture requiring revision	$\leq 2\%$	0.17%
HPIA		
Post- Operative sepsis rate in Orthopaedic.	$\leq 3\%$	0%
Rate of patient who received their surgery within 48 hours following an admission for hip in the corresponding year.	$\geq 70\%$	100%

PENGENALAN

Jabatan Otorinolaringologi (ORL) adalah merupakan salah satu komponen utama dalam Direktorat Perkhidmatan Pembedahan dan Kecemasan di hospital Kulim, Kedah Darul Aman. Jabatan ORL adalah bertanggungjawab untuk memberi rawatan kepada pesakit dengan penyakit dan kondisi yang melibatkan bahagian telinga, hidung dan tekak dan menguruskan kes-kes kecemasan yang berkaitan otorinolaringologi. Selain itu juga, Jabatan ORL mempunyai dua Sub Unit utama iaitu Perkhidmatan Audiologi dan Perkhidmatan Terapi Pertuturan dan Bahasa yang terlibat secara langsung dalam memberi rawatan kepada pesakit-pesakit yang datang ke Klinik Pakar ORL.

OBJEKTIF DAN SASARAN JABATAN

VISI

Berusaha untuk meningkatkan taraf kesihatan pesakit yang mengalami masalah telinga, hidung dan tekak, mempercepatkan pengesanan dan rawatan pada peringkat awal dengan menggunakan kemudahan-kemudahan yang ada serta pemulihan awal bagi mereka yang mengalami masalah pendengaran dan masalah pertuturan.

MISI

Kami sedaya upaya memastikan Jabatan ORL di Hospital Kulim memberikan perkhidmatan yang bermutu dan berkualiti dengan menyediakan perkhidmatan kepakaran ORL dengan menitik beratkan aspek- aspek **Preventif**, **Kuratif** dan **Rehabilitasi** serta mengamalkan prinsip-prinsip masyarakat penyayang.

PERJAWATAN

JADUAL 4.4.1 PERJAWATAN ANGGOTA JABATAN ORL TAHUN 2020

Bil	Jawatan	Gred	Bil Jawatan	Isi	Kosong	Peratus Pengisian
1	Pakar Otorinolaringologi	UD54	2	1	1	50 %
2	Pegawai Perubatan	UD48 UD44	5	5	0	100 %
3	Pegawai Pemulihan Perubatan Pertuturan	U44	1	1	0	100 %
4	Pegawai Pemulihan Perubatan Pertuturan	U41	1	1	0	100 %
5	Pegawai Pemulihan Perubatan Pendengaran	U41	1	1	0	100 %

6	Penolong Pegawai Perubatan	U32	0	0	0	0 %
7	Penolong Pegawai Perubatan	U32 (KUP) U29	4	4	0	100 %
8	Jururawat	U32 (KUP) U29	4	2	0	50 %
9	Pembantu Tadbir	N22 / N17	1	1	0	100 %
10	Pembantu Perawatan Kesihatan	U11	1	1	0	100 %

JADUAL 4.4.2 : AKTIVITI HARIAN JABATAN OTORINOLARINGOLOGI HOSPITAL KULIM

HARI	AKTIVITI
AHAD	<ol style="list-style-type: none"> 1. Klinik Pakar ORL 2. Klinik Audiologi dan <i>Hearing Aid Trial Consultation</i> 3. Ujian Saringan Pendengaran Bayi 4. Klinik Terapi Pertuturan dan Bahasa
ISNIN	<ol style="list-style-type: none"> 1. Klinik Pakar ORL (<i>Pre-operation Clinic</i>) 2. Klinik Audiologi (dikhhususkan untuk Ujian Brainstem Evoked Response – BSER) dan <i>Hearing Aid Trial Consultation</i> 3. Ujian Saringan Pendengaran Bayi 4. Klinik Terapi Pertuturan dan Bahasa
SELASA	<ol style="list-style-type: none"> 1. Hari Pembedahan ORL Elektif 2. Klinik Audiologi dan <i>Hearing Aid Trial Consultation</i> 3. Klinik Terapi Pertuturan dan Bahasa
RABU	<ol style="list-style-type: none"> 1. Klinik Pakar ORL (<i>Paeds ORL Consultation Clinic</i>) 2. Klinik Audiologi dan <i>Hearing Aid Trial Consultation</i> 3. Ujian Saringan Pendengaran Bayi 4. Klinik Terapi Pertuturan dan Bahasa 5. Slot Prosedur <i>Flexible Endoscopic Evaluation of Swallowing (FEES)</i>
KHAMIS	<ol style="list-style-type: none"> 1. Klinik Pakar ORL (ORL AGP Procedure, <i>Wound Inspection Clinic & Emergency ORL Referral</i>) 2. Klinik Audiologi (dikhhususkan untuk Ujian Brainstem Evoked Response – BSER) dan <i>Hearing Aid Trial Consultation</i> Ujian Saringan Pendengaran Bayi 3. Klinik Terapi Pertuturan dan Bahasa 4. CME Jabatan (12.00pm – 1.00pm atau 2.30pm – 3.30pm)

PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

1. Rawatan Klinik Pesakit Luar bagi Penyakit Telinga, Hidung dan Tekak
2. Rawatan Pembedahan bagi Penyakit Telinga, Hidung dan Tekak
3. Pemeriksaan Endoskopi serta Mikroskopi Telinga, Hidung dan Tekak
4. Ujian Pendengaran
5. Penyaringan Pendengaran Bayi dan Kanak-kanak
6. Pemakaian Alat Bantu Dengar


7. Rehabilitasi Pendengaran
8. Penilaian Perkembangan Pertuturan Bahasa
9. Rehabilitasi Pertuturan dan Bahasa
10. Rehabilitasi Penilaian Penelanan

AKTIVITI YANG DIJALANKAN

JADUAL 4.4.3 : JUMLAH PESAKIT MENERIMA RAWATAN DI JABATAN ORL TAHUN 2018-2020

TAHUN	JABATAN OTORINOLARINGOLOGI						JUMLAH
	KLINIK PAKAR ORL	KLINIK AUDIOLOGI	KLINIK HEARING AID TRIAL AND CONSULTATION	KLINIK PROGRAM SARINGAN PENDENGARAN BAYI	KLINIK UJIAN BRAINSTEM EVOKED RESPONSE (BSER)	KLINIK TERAPI PERTUTURAN DAN BAHASA	
2018	5635	1079	368	2982	125	812	11001
2019	7020	996	210	1465	206	1544	11441
2020	6713	1285	143	975	448	1439 + 19 (FEES)	11022


RAJAH 4.4.1 : KEDATANGAN PESAKIT MENGIKUT SUB-UNIT JABATAN ORL TAHUN 2020




JADUAL 4.4.4 : BILANGAN KES PEMBEDAHAN ORL YANG DIJALANKAN TAHUN 2018-2020

TAHUN	PEMBEDAHAN ELEKTIF	PEMBEDAHAN KECEMASAN	PEMBEDAHAN RAWATAN HARIAN	JUMLAH PEMBEDAHAN
2018	124	29	15	168
2019	163	59	112	334
2020	112	48	34	*194

RAJAH 4.4.2 : JUMLAH BILANGAN KES PEMBEDAHAN ORL YANG DIJALANKAN TAHUN 2020



RAJAH 4.4.3 : PERATURAN PEMBEDAHAN BERDASARKAN SUB-KEPAKARAN ORL TAHUN 2020



AKTIVITI DAN KURSUS ANJURAN JABATAN ORL BAGI TAHUN 2020



WORLD HEARING DAY 2020

Hospital Kulim, Kedah

Tarikh : 05 Mac 2020
 Masa : 8.00 am hingga 1.00 pm
 Tempat : Ruang Lobi Hospital Kulim
 Tema : Hearing For Life
 Penyertaan : Masyarakat Awam
 Pesakit dan Waris



HARI KELUARGA JABATAN ORL

Hospital Kulim, Kedah

Tarikh : 06 Mac 2020
 hingga 07 Mac 2020
 Tempat : Farm Stay Relau,
 Bandar Baharu
 Tema : ORL One Team One Dream
 Penyertaan : Ahli Keluarga
 Kakitangan Jabatan ORL
 Hospital Kulim

PENCAPAIAN AKTIVITI KUALITI

Jadual 4.4.5 : KEY PERFORMANCE INDICATOR JABATAN ORL TAHUN 2020

3 MONTHLY KPI				
INDICATOR 1	JAN - MAC	APR - JUN	JUL - SEP	OCT - DEC
Percentage of patient with waiting time of ≤ 90 minutes to see the doctor at Otorhinolaryngology (ORL) Clinic.	NUMERATOR	NUMERATOR	NUMERATOR	NUMERATOR
	1810	1260	1863	1780
	DENOMINATOR	DENOMINATOR	DENOMINATOR	DENOMINATOR
	1810	1260	1863	1780
STANDARD : $\geq 90\%$	PERFORMANCE	PERFORMANCE	PERFORMANCE	PERFORMANCE
	100 %	100 %	100 %	100 %
INDICATOR 3	JAN - MAC	APR - JUN	JUL - SEP	OCT - DEC
Incidence of primary post-tonsillectomy haemorrhage	NUMERATOR	NUMERATOR	NUMERATOR	NUMERATOR
	0	0 (NO DATA)	0	0
	DENOMINATOR	DENOMINATOR	DENOMINATOR	DENOMINATOR
	9	0 (NO DATA)	1	15
STANDARD : $\leq 3\%$	PERFORMANCE	PERFORMANCE	PERFORMANCE	PERFORMANCE
	0 %	0 %	0 %	0 %
6 MONTHLY KPI				
INDICATOR 2	JAN – JUN		JUL - DEC	
Improvement of hearing Following myringoplasty	NUMERATOR		NUMERATOR	
	2		2	
	DENOMINATOR		DENOMINATOR	
	2		2	
STANDARD : $\geq 70\%$	PERFORMANCE		PERFORMANCE	
	100 %		100 %	

PENGENALAN

Jabatan ini diketuai oleh seorang pakar oftalmologi UD 56 dan dibantu oleh dua orang Pakar Oftalmologi UD 54, 2 Registrar UD 48, 7 Pegawai Perubatan, 8 Paramedik dan 2 Pembantu Perawatan Kesihatan. Bagi Unit Optometri di bawah jabatan ini diketuai oleh seorang Pegawai Optometri U 44 dan dibantu oleh 2 Pegawai Optometri lain U 41.

OBJEKTIF DAN SASARAN

VISI

Memberi perkhidmatan yang cemerlang selaras dengan matlamat yang ingin dicapai oleh Hospital Kulim.

MISI

Memberi perkhidmatan primer yang cekap dan berkesan kepada pesakit dalam bidang kesihatan dan penjagaan mata bagi menyumbang kearah tercapainya masyarakat yang sihat penglihatan khususnya.

OBJEKTIF

- ❖ Melaksanakan perkhidmatan yang berkenaan dengan kesihatan mata dengan berkesan dan cekap.
- ❖ Mengurangkan kadar kes-kes yang melibatkan kecacatan penglihatan yang boleh dielakkan.
- ❖ Memperbaiki keadaan pesakit yang kurang daya penglihatan dan mereka yang mengalami masalah yang lain

OBJEKTIF (UNIT OPTOMETRI)

- i. Melaksanakan perkhidmatan optometri dengan efisien dan berkesan
- ii. Pesakit mendapat pemeriksaan yang tepat dan pelan rawatan yang bersesuaian
- iii. Pesakit yang tiada ko-morbiditi mendapat tahap penglihatan terbaik sekurang-kurangnya 6/9 selepas pemeriksaan refraksi
- iv. Pesakit mendapat preskripsi alat optikal yang bersesuaian dengan keadaan mata
- v. Pesakit mendapat rujukan untuk rawatan susulan mengikut keperluan

PERJAWATAN

JADUAL 4.5.1 PECAHAN PERJAWATAN

JAWATAN	DIISI
Pakar Oftalmologi	3
Pegawai Perubatan	7
Pegawai Optometri	3
Pen. Pegawai Perubatan	3
Jururawat Terlatih	5
Pembantu Perawatan Kesihatan	2

4.5.4 PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

- Rawatan Pesakit Luar
- Rawatan Pesakit Dalam
- Kes-kes kecemasan seperti *glaucoma*, radang mata atau trauma yang melibatkan mata dan lain-lain
- Saringan mata untuk penyakit diabetik di klinik / Program *outreach* / bas bergerak KK-KKM
- Perkhidmatan laser
- Saringan mata *ROP* untuk bayi pramatang

Unit optometri turut menyumbang dengan perkhidmatan Klinikal Optometri Umum, Kanta Lepak (*After care follow up* dan *bandage contact lens* sahaja), Penglihatan Terhad, Penglihatan Binokular & Ortoptik, Optometri Pediatrik, Terapi Visual, Saringan Diabetik Retinopati (Integrated Diabetic Clinic bersama MOPD), *A scan*, *Automated Humphrey Visual Fields* dan Penglihatan Warna.

AKTIVITI YANG DIJALANKAN

- Program Kem Katarak sempena sambutan World Sight Day 2020
- Bas KK-KKM *Eye Screening* (perkhidmatan bas katarak bergerak)
- Program *Contact Lens Awareness* - Optometri
- *School Screening AVIS Programme (Amblyopia & visual impairment)* – optometri
- Hospital Kluster Kedah Selatan (HOKSEL) – Hospital Baling


JADUAL 4.5.2 STATISTIK KEDATANGAN PESAKIT 2016-2020

	2016	2017	2018	2019	2020
OUTPATIENT (NEW CASE)	2671	3055	2925	3702	3314
OUTPATIENT (OLD CASE)	7096	9434	11091	13070	11831
TOTAL OUTPATIENT CASES	9767	12489	14016	16772	15145
INPATIENT (OPHTHALMOLOGY WARD)	600	718	585	579	396

JADUAL 4.5.3 STATISTIK PEMBEDAHAN 2016-2020

	2016	2017	2018	2019	2020
CATARACT OPERATION (ADMIT)	569	609	615	528	329
CATARACT OPERATION (DAYCARE)				317	399
OTHER THAN CATARACT OPERATION	39	76	42	64	76
TOTAL OPERATION	608	685	657	909	804

RAJAH 4.5.1 JUMLAH KEHADIRAN PESAKIT KE KLINIK OPTOMETRI (2016-2020)



PENCAPAIAN AKTIVITI KUALITI

JADUAL 4.5.4 JADUAL PENCAPAIAN KPI OFTALMOLOGI 2020

KPI	STANDARDS %	CAPAIAN 2020
Percentage of patients with waiting time of \leq 90 min to see doctor at ophthalmology clinic	\geq 90%)	99.67 %
Percentage of patients without ocular co-morbidity obtained visual acuity of 6/12 or better within (\leq) 3 months following cataract surgery	\geq 90%	96.35 %
Percentage of patients developed infectious endophthalmitis following cataract surgery (2 cases per 1000 operations)	$<$ 0.2%	0 %

PENGENALAN

Jabatan Anestesiologi Hospital Kulim terdiri daripada 3 unit iaitu Dewan Bedah, Unit Rawatan Rapi serta Unit Respiratori & Hemodinamik.

OBJEKTIF DAN SASARAN

1. Menentukan pentadbiran dan pengurusan perkhidmatan dapat dikendalikan dengan licin dan teratur:-
 - Memberi bius yang sesuai, selamat dan berkesan
 - Memberi perkhidmatan pembedahan yang optima dan berkualiti
 - Memberi keselesaan selepas pembedahan
 - Memberi nasihat perkhidmatan penjagaan rapi kepada pesakit
 - Memastikan peralatan bantuan pernafasan dan hemodinamik berfungsi dengan baik dan siap sedia untuk digunakan
2. Kemudahan dan peralatan yang disediakan dengan baik dan maksima di dalam suasana yang tenteram, selamat dan produktif
3. Memastikan pentadbiran dan pengurusan anggota di Jabatan Anestesiologi berjalan dengan cekap, pantas dan berkesan serta mengeluarkan hasil kerja yang berkualiti

PERJAWATAN

JADUAL 4.6.1 PERJAWATAN DI DEWAN BEDAH BAGI TAHUN 2020

BIL	JAWATAN	GRED	BIL PERJAWATAN	DIISI	KOSONG	PERATUS PENGISIAN
1	Pakar Anestesiologi	Jusa C	1	1	0	100%
2	Pakar Perubatan Anestesiologi, Pegawai Perubatan	UD47-UD56	2	4	0	100%
3	Pentadbir/ Klinikal, Pegawai Perubatan	UD43-UD54	5	12	-3	100%
4	Jururawat	U36	1	1	0	100%

5	Penolong Pegawai Perubatan	U32	1	0	0	0%
6	Penolong Pegawai Perubatan	U29/32	4	0	0	0%
7	Jururawat	U32	4	2	2	50%
8	Jururawat	U29/32	69	44	25	63.77%
9	Pembantu Perawatan Kesihatan	U3/12	18	10	8	55.60%

JADUAL 4.6.2 PERJAWATAN DI UNIT RAWATAN RAPI/ RHE BAGI TAHUN 2020

BIL	JAWATAN	GRED	BIL PERJAWATAN	DIISI	KOSONG	PERATUS PENGISIAN
1	Jururawat	U41/42	1	0	0	0%
2	Penolong Pegawai Perubatan	U32	1	1	0	100%
3	Penolong Pegawai Perubatan	U29/32	3	1	2	33.33%
4	Jururawat	U32	2	1	1	50%
5	Jururawat	U29/32	40	30	10	75%
6	Pembantu Perawatan Kesihatan	U3/12	-	4	-	-

PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

Dewan Bedah

1. Perkhidmatan Bius yang sesuai dan berkesan
2. Perkhidmatan Rawatan Pembedahan
3. Perkhidmatan pesakit selepas pembedahan
4. Perkhidmatan *Acute Pain Service*
5. Perkhidmatan *Diagnostic Endoscopy*
6. Perkhidmatan *Day Care Anaesthesia*
7. Perkhidmatan Klinik Bius

Unit Rawatan Rapi

1. Menerima kemasukan pesakit mengikut kriteria
2. Menyediakan penjagaan dan rawatan rapi untuk pesakit kritikal
3. Penjagaan pesakit secara *continuous monitoring* sama ada *invasive* atau *non invasive*.
4. Melakukan ujian *ABG* untuk pesakit serta menaksirkan bacaan.
5. Melakukan pengiraan dan pemberian suntikan inotrop pada pesakit yang memerlukan.
6. Melakukan prosedur *CPR*, *ACLS* dan *PALS* apabila ada kecemasan.

Unit Respiratori & Hemodinamik

1. Menyediakan, menguruskan dan melakukan tugas penyelenggaraan semua peralatan bantuan pernafasan, monitor pesakit, alatan pakai buang, peralatan perubatan kritikal yang digunakan di Unit Rawatan Rapi, Dewan Bedah dan lain-lain unit di dalam hospital yang memerlukannya
2. Melakukan proses-proses penyucian hama dari membasuh, mencuci, merendam (disinfek) dan melakukan kalibrasi ke atas semua peralatan perubatan kritikal sebelum digunakan ke atas pesakit
3. Membantu Pakar Anestesiologi di dalam prosedur seperti *Bronchoscopy* dan *Fiberoptic Intubation*
4. Menjalankan Kursus *Cardiopulmonary Resuscitation/Basic Life Support* dan *Advanced Cardiac Life Support*

5. Membantu Pakar Anestesiologi di dalam menjalankan *Testing & Commissioning* peralatan baru yang diterima dan menyimpan segala rekod berkenaan dengan aset serta memastikan penyelenggaraan berkala
6. Membuat pesanan barang-barang pakai buang dan juga peralatan-peralatan seperti yang diarahkan oleh Pakar Anestesiologi
7. Mengenal pasti kerosakan pada peralatan perubatan kritikal dan menghubungi Syarikat Koneksi (*Edgenta*): *BEMS* untuk dibaiki
8. Memastikan *PPM* dijalankan oleh pihak *Edgenta* ke atas semua peralatan di unit *RHE*

AKTIVITI YANG DIJALANKAN

JADUAL 4.6.3 STATISTIK MENGIKUT JENIS PEMBEDAHAN

BIL	JENIS PEMBEDAHAN	TAHUN			
		2017	2018	2019	2020
1	Pembedahan Am	1,597	1,225	1297	
2	Ortopedik	1,822	2,486	3268	
3	Ginekologi	1,096	836	1073	
4	Obstetrik	1,619	1,319	1525	
5	Oftalmologi	708	558	903	
6	ORL	271	220	348	
7	Pembedahan Oral (Adult)	127	127	120	
8	Pembedahan Oral (Pead)	-	-	60	
9	Nephrologi			25	
JUMLAH		7,240	6,805	8619	

JADUAL 4.6.4 STATISTIK MENGIKUT JENIS PEMBIUSAN

BIL	JENIS PEMBIUSAN	TAHUN			
		2017	2018	2019	2020
1	<i>General- Spontaneous</i>	816	638	653	461
2	<i>IPPV</i>	1,714	1,358	1465	1415
3	<i>Regional- Spinal</i>	2,070	2,059	2477	2378
	<i>- Epidural</i>	2	14	18	7
5	<i>Combined Spinal/Epidural</i>	110	119	187	133
6	<i>Sedation/Ketamine</i>	23	13	9	10

7	Combined GA/RA	70	51	79	467
8	Local/ block	3	161	438	127
JUMLAH		4,808	4,413	5326	4998
9	Local by surgeon	784	1,018	652	495
JUMLAH KESELURUHAN		5,592	5,431	5978	5493

JADUAL 4.6.5 KEMASUKAN PESAKIT KE ICU

TAHUN	2016	2017	2018	2019	2020
JUMLAH PESAKIT	2,834	2,655	2,870	2792	2916
BED OCCUPANCY RATE	96.80%	90.92%	98.55%	95%	99.5%

JADUAL 4.6.6 TOTAL NO OF PATIENT ON VENTILATOR

TAHUN	2016	2017	2018	2019	2020
TOTAL NO. OF PATIENT ON VENTILATOR	487	518	484	432	465

JADUAL 4.6.7 PENCAPAIAN HASIL KERJA (UNIT RESPIRATORI & HEMODINAMIK)

- ❖ Menyediakan reten-reten harian, mingguan, bulanan dan tahunan mengikut Sistem Pengurusan Maklumat Hospital bagi kegunaan pihak pentadbiran hospital, pengarah dan kementerian. Data diperolehi dari bahagian berikut:-
 - Rawatan Pesakit Luar
 - Rawatan Pesakit Dalam
 - Rawatan Harian

- Rawatan Sokongan- Pengimejan Diagnostik (X-Ray)
- Fisioterapi
- Makmal
- Perkhidmatan Pemindahan Darah
- Dewan Bersalin (PAC)
- Dewan Bedah
- ❖ Menyelaraskan kes-kes Lembaga Perubatan PERKESO (SOCESO) dan KWSP
- ❖ Menyelaraskan prosedur-prosedur Lembaga Perubatan
- ❖ Mengurus kes-kes notifikasi penyakit berjangkit (CDCIS) melalui Sistem Maklumat Kawalan Penyakit Berjangkit bagi penyakit berjangkit yang disenaraikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

AKTIVITI YANG DIJALANKAN

JADUAL 5.6.2 SENARAI AKTIVITI DI JABATAN REKOD PERUBATAN BAGI SEPANJANG TAHUN 2020

AKTIVITI TAHUN 2020	Tarikh
Majlis Bacaan Yassin Di Jabatan Rekod Perubatan	09 Januari 2020
Kursus Sisitem Maklumat Rawatan Pelanggan Peringkat Hospital Kulim	05 Mac 2020
Aktiviti gotong-royong Jamuan Raya Peringkat Jabatan Rekod Perubatan	02 Jun 2020
Audit Ketepatan Dokumentasi Rekod Perubatan Pesakit	06 – 07 Julai 2020
Lawatan Teknikal dari JKN Kedah dan Hospital Baling	23 Julai 2020
Taklimat Orientasi Rekod Perubatan Pegawai Perubatan Siswazah (HO).	26 Ogos 2020
Taklimat Orientasi Rekod Perubatan Pegawai Perubatan Siswazah (HO).	04 Oktober 2020
Audit Ketepatan Diagnosis Utama dan Diagnosis Lain Dan Ketepatan Koding ICD10 di Hospital Baling	12 Ogos 2020
Aktiviti gotong-royong pengasingan dan pelupusan Rekod Perubatan Pesakit dari tahun 2010 - 2013	01 – 30 September 2020
Taklimat Orientasi Rekod Perubatan Pegawai Perubatan Siswazah (HO).	11 November 2020
Attacment Casemix Di Hospital Sultan Abdul Halim	19 & 22 November 2020
Mesyuarat Jabatan Rekod Perubatan	09 Disember 2020
Mesyuarat JawatanKuasa Rekod Perubatan Bil 1/2020	13 Disember 2020

**GAMBAR 5.6.1 - AKTIVITI JAMUAN RAYA JABATAN REKOD PERUBATAN
TAHUN 2020**



**GAMBAR 5.6.2 – AKTIVITI GOTONG-ROYONG PENGASINGAN DAN PELUPUSAN
RPP TAHUN 2010 - 2013**



GAMBAR 5.6.3 – GAMBAR AUDIT RPP DAN AUDIT KETEPATAN DIAGNOSIS UTAMA DAN KODING ICD 10



GAMBAR 5.6.5.5 GAMBAR MAJLIS BACAAN YASSIN JABATAN REKOD PERUBATAN



PENCAPAIAN HASIL KERJA

Jadual 5.6.3 Pencapaian Hasil kerja di Jabatan Rekod Perubatan bagi tahun 2020

	TAHUN				
	2016	2017	2018	2019	2020
Jumlah Kemasukan	31,015	31,820	31,323	31,970	26,993
Discaj	30,991	31,844	31,284	31,991	27,051
Balik Ke Rumah	29,070	29,877	29,196	29,983	25,085
Ditukar ke Hospital lain	474	512	616	611	646
Mati	583	655	688	720	721
Tanpa Kebenaran	24	15	14	15	20
Risiko Sendiri AOR	840	785	770	656	579
Permohonan Laporan Perubatan	3,923	4,271	4,140	4,355	4,577
Notifikasi Kes Penyakit Berjangkit (CDCIS)	1,056	1,397	2,049	2,058	946
Lembaga Perubatan dan Jemaah PERKESO	1,085	1,392	1,145	1,410	1,775
Jumlah Kedatangan Klinik Pakar	83,135	92,920	101,727	112,452	103,614
Jumlah Kedatangan Jabatan Kecemasan dan Trauma	104,113	104,473	108,366	105,839	62,651
Jumlah Pemeriksaan Makmal	885,386	1,190,641	1,467,174	1,643,196	1,340,002
BOR - %	73.10%	76.17%	75.51%	87.21%	78.99 %
ALOS – HARI	3.20	3.06	3.08	3.18%	3.42

JADUAL 5.6.4 AKTIVITI KUALITI DI JABATAN REKOD PERUBATAN BAGI TAHUN 2020

NIA/KPI	STANDARD	CAPAIAN			
	%	2017	2018	2019	2020
Percentage of medical reports prepared within the stipulated period: State & Specialist Hospital: < 4 weeks	≥ 90%	90.69%	88.12%	92.33%	95.01%

Percentage of medical records that were dispatch within 72 working hours of discharge	≥95%	100%	100%	100%	100%
Percentage of completed requests for medical reports that were sent to the doctors within the stipulated period State & Specialist Hospital: < 10 days	≥ 80%	91.28%	88.95%	93.08%	95.01%
Percentage of medical records for specialist clinic appointment that were traced within 3 working days	≥95%	100%	100%	100%	100%

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

JADUAL 5.6.5 PENCAPAIAN TEMPOH BERKURSUS KAKITANGAN DI JABATAN REKOD PERUBATAN BAGI TAHUN 2020

KURSUS/BENGGEL/SEMINAR	≥7 HARI	< 7 HARI	JUMLAH
Sokongan 1 (Gred 17 hingga 40)	1	10	11
Sokongan 2 (gred 1 hingga 16)	0	1	1

PENGENALAN

Jabatan Dietetik dan Sajian berfungsi sebagai salah satu unit sokongan hospital. Jabatan ini memainkan peranan besar dalam usaha membantu penyembuhan pesakit melalui rawatan diet yang berkesan.

Jabatan ini menyediakan dua bentuk perkhidmatan iaitu **perkhidmatan dietetik** dan **perkhidmatan sajian** makanan.

Perkhidmatan dietetik diberikan dalam usaha untuk membantu rawatan perubatan melalui perkhidmatan dietetik klinikal dan promosi kesihatan berdasarkan amalan *evidence based* di samping menyumbang kepakaran dalam bidang berkenaan. Selain itu, perkhidmatan yang diberikan adalah merangkumi pelaksanaan penilaian pemakanan, diagnosis pemakanan, intervensi pemakanan serta pemantauan dan penilaian semula ke atas pesakit bagi memastikan pesakit menerima rawatan secara holistik.

Perkhidmatan sajian berfungsi dalam merancang dan menyediakan makanan untuk pesakit dengan mematuhi keperluan nutrien, tatacara proses katering, prinsip kebersihan dan keselamatan makanan bersesuaian dengan teknologi semasa, berkualiti serta melaksanakan prinsip pengurusan dengan sempurna berdasarkan polisi, pekeliling dan arahan yang ditetapkan. Justeru itu tugas dan tanggungjawab jabatan ini juga tidak kurang pentingnya dalam usaha membantu menyembuhkan pesakit yang menerima rawatan di hospital ini.

OBJEKTIF DAN SASARAN

1. Memberikan perkhidmatan dietetik klinikal dan promosi kesihatan kepada pesakit dan orang awam untuk mencapai pemulihan awal dan maksima berdasarkan amalan *evidence based* di samping menyumbang kepakaran dalam bidang berkenaan.
2. Memberikan perkhidmatan pemakanan sokongan (*enteral*) secara *oral* atau tiub kepada pesakit yang memerlukan.
3. Memberikan perkhidmatan sokongan kepada pesakit dalam dengan sajian makanan yang seimbang, selamat dan berkualiti sesuai dengan tahap kesihatan pesakit dengan merancang agar mematuhi keperluan nutrien dan tatacara penyediaan makanan, proses penyediaan, prinsip kebersihan dan keselamatan makanan, bersesuaian dengan teknologi semasa serta berkualiti.

PERJAWATAN

**JADUAL 5.7.1 PERJAWATAN ANGGOTA JABATAN DIETETIK DAN SAJIAN BAGI
TAHUN 2020**

BIL	NAMA JAWATAN	GRED	BIL. JAWATAN	ISI	KOSONG	PERATUS PENGISIAN
1	Pegawai Dietetik	U48	1	1	0	100%
2	Pegawai Dietetik (Hakiki)	U44	1	1	0	100%
3	Pegawai Dietetik	U41/44	2	2	0	100%
4	Pen. Pegawai Penyediaan Makanan	C32	1	1	0	100%
8	Pen. Pegawai Penyediaan Makanan	C29	2	2	0	100%
9	Pen. Pegawai Penyediaan Makanan	C29 (KUP)	6	6	0	100%
10	Pembantu Penyediaan Makanan	N19	12	12	0	100%
JUMLAH KESELURUHAN			25	25	0	96%

PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

Skop Perkhidmatan Dietetik Klinikal

- Memberikan khidmat dietetik klinikal dengan melaksanakan penilaian pemakanan, diagnosis pemakanan, intervensi pemakanan serta pemantauan dan penilaian semula kepada pesakit dalam dan luar yang dirujuk oleh pakar/ pegawai perubatan.
- Bekerja sebagai sebahagian daripada pasukan multidisiplin dengan menyumbang kepakaran dalam bidang pemakanan klinikal berdasarkan amalan *evidence based*

bagi membantu perawatan pesakit dengan mengikuti *grand round* bersama pakar perubatan di disiplin-disiplin tertentu.


- Memberikan perkhidmatan runding cara pemakanan untuk pesakit luar secara individu atau kelas pendidikan melalui klinik berjadual di Klinik Diet, Klinik Diabetik Integrasi, Klinik *GDM* dan Klinik Hemodialisis.
- Memperluaskan capaian skop perkhidmatan dietetik di Hospital berdekatan dan komuniti dengan membuat lawatan ke Hospital Baling, Klinik Kesihatan Kulim dan Klinik Kesihatan Serdang untuk memberikan khidmat dietetik klinikal kepada pesakit yang dirujuk oleh pakar/ pegawai perubatan.

Skop Perkhidmatan Sajian

- Melaksanakan proses perolehan, penerimaan dan penyimpanan bahan makanan mentah basah dan kering mengikut tatacara yang ditetapkan.
- Menyediakan makanan untuk pesakit dalam/ rawatan harian /hemodialisis di dalam 2 bentuk:
 - i. *Full / Normal Diet*
 - ii. *Therapeutic Diet*
- Menyediakan makanan untuk pegawai yang bertugas atas panggilan, pegawai perubatan dan paramedik yang bertugas di dewan bedah serta ibu yang mengiringi anak (*MAC*)
- Membekalkan bahan makanan kering (*dry ration*) seperti gula, susu tepung dan sebagainya kepada wad mengikut keperluan dan kelayakan.

AKTIVITI YANG DIJALANKAN

RAJAH 5.7.1 JUMLAH PESAKIT DALAM DAN LUAR YANG DILIHAT OLEH PEGAWAI DIETETIK DI HOSPITAL KULIM BAGI TAHUN 2018-2020



JADUAL 5.7.2 JUMLAH DIET DAN HIDANGAN YANG DISEDIAKAN KEPADA PESAKIT DAN ANGGOTA PERUBATAN DAN PARAMEDIK YANG BERKELAYAKAN BAGI TAHUN 2020

BIL	JENIS DIET	BILANGAN DIET (Bil pesakit/ anggota perubatan & paramedik)	BILANGAN HIDANGAN (Sarapan/ Tengahari/ Petang/ Malam)
1	Diet Normal Kelas 1 dan 3	36,058	144,232
2	Diet Terapeutik Kelas 1 dan 3	37,804	151,216
3	Diet Kanak-Kanak	7,150	28,600
4	Diet Ibu yang Menjaga Anak (MAC)	13,420	53,680
5	Diet Doktor Atas Panggilan	12,848	51,392
6	Diet Doktor dan Paramedik di Dewan Bedah	11,151	11,151
7.	Diet Pesakit Hemodialisis	8,469	8,469
8.	Diet Pesakit Rawatan Harian (2x hidangan)	138	276
9.	Kakitangan di Kuarantin (5x hidangan)	56	280
10.	Petugas dan Pesakit PKRC	1,312	5,248
JUMLAH KESELURUHAN DIET/HIDANGAN		128,406	454,544



GAMBAR 5.7.1 JDS SEBAGAI INSTITUSI LATIHAN UNTUK



GAMBAR 5.7.2 PENYERTAAN PEGAWAI DIETETIK DI DALAM PROGRAM DI SMK PERMAI INDAH PADA 20.2.2020

PENEMPATAN PELAJAR IJAZAH SARJANA MUDA DIETETIK UITM UNTUK LATIHAN PERKHIDMATAN MAKANAN



GAMBAR 5.7.3 IN HOUSE TRAINING PEMAKANAN UNTUK DIABETES



GAMBAR 5.7.4 SAMBUTAN WORLD KIDNEY DAY PERINGKAT HOSPITAL 5 MAC 2020



GAMBAR 5.7.5 PROGRAM DISKUSI ILMU UNTUK PEMANTAPAN SYAHSIAH (SEBELUM PANDEMIK)



GAMBAR 5.7.6 PENGANJURAN KURSUS PENINGKATAN KENDIRI ANGGOTA JDS



GAMBAR 5.7.9 LAWATAN KEPAKARAN KHIDMAT DIETETIK KLINIKAL KE HOSPITAL BALING



GAMBAR 5.7.10 AUDIT DALAMAN SISTEM GMP/HACCP PADA 18 NOVEMBER 2020



GAMBAR 5.7.17 JDS MENJEMPUT PEGAWAI DARI UNIT ENTOMOLOGI JKN KEDAH UNTUK PEMERIKSAAN KAWALAN MAKHLUK PEROSAK DI JDS PADA 30 NOVEMBER 2020



GAMBAR 5.7.18 PENYEDIAAN DIET PKRC OLEH JDS SEPANJANG DISEMBER 2020

PENCAPAIAN AKTIVITI KUALITI

JADUAL 5.7.3 PENCAPAIAN *KEY PERFORMANCE INDICATOR (KPI)* TAHUN 2020

Indikator	Standard	Pencapaian
<i>Percentage of Inpatients received at least 75% of total energy recommendation within 5 days of enteral initiation (KPI BSKB)</i>	≥ 90%	90.3%
<i>Percentage of Inpatient seen by Dietitian ≤ 24 hours (One working day) for Medical Nutrition Therapy (MNT)</i>	≥ 90%	99.4%
Peratus pesakit yang tinggal di wad berpuas hati dengan perkhidmatan makanan di hospital <i>in-house</i> Kementerian Kesihatan Malaysia (<i>KPI</i>)	≥ 85%	99.05%
Peratus diet terapeutik yang disaji mengikut pesanan klinikal di wad perubatan	≥ 85%	100%

PENGENALAN

Promosi kesihatan dan pendidikan pesakit merupakan aspek penting dalam pencegahan dan pengawalan penyakit. Program Pendidikan Kesihatan secara umum bertujuan untuk meningkatkan kesedaran individu dan masyarakat mengenai bahaya tentang penyakit yang dihadapi.

Fokus yang kedua ialah promosi kepada pesakit dan ahli keluarga dengan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran bagi menguruskan penyakit dan kesan sampingan rawatan. Tindakan ini dapat meningkatkan motivasi pesakit supaya mereka dapat menjalani kehidupan yang lebih positif dan bermakna. Ini adalah sejajar dengan Visi KKM yang memberi penekanan terhadap promosi kesihatan yang menggalakkan tanggungjawab individu dan penyertaan masyarakat kearah peningkatan kualiti hidup.

Oleh yang demikian, promosi kesihatan dan pendidikan kesihatan memainkan peranan utama sebagai strategi yang berkekalan dalam mengubah tingkahlaku individu. Kepentingan pendidikan dan promosi kesihatan adalah suatu strategi penting yang perlu dikembangkan serta diberi keutamaan demi pencegahan penyakit. Justeru itu, menjadi tanggungjawab Unit Pendidikan Kesihatan merangka strategi bagi memastikan kesedaran kesihatan di kalangan masyarakat dapat dipertingkatkan dari masa ke semasa.

OBJEKTIF

1. Memberi pengetahuan dan kesedaran kepada individu dan masyarakat tentang penjagaan kesihatan khususnya tentang penyakit yang dihadapinya.
2. Memudahkan individu dan masyarakat mendapatkan maklumat tentang kesihatan.
3. Membolehkan individu dan masyarakat mengambil bahagian dan menyumbangkan ke arah penjagaan kesihatan.
4. Membolehkan individu mengetahui perkhidmatan kesihatan yang boleh diperolehi di Hospital Kulim.
5. Memudahkan urusan perancangan,perlaksanaan dan penilaian aktiviti-aktiviti pendidikan pesakit di Hospital Kulim.

PERJAWATAN

JAWATAN	KEKOSONGAN	DIISI	CATATAN
Pegawai Pendidikan Kesihatan S41	-	1	Diisi pada 25 Ogos 2013

Jadual 5.8.1 Perjawatan

PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

1. Melaksanakan aktiviti dan program pendidikan dan promosi kesihatan di hospital.
2. Melaksanakan latihan kepada kakitangan mengenai kempen cara hidup sihat, pendidikan kesihatan dan komunikasi.
3. Menyelaras program pendidikan kesihatan di media massa.
4. Menghasilkan bahan-bahan pendidikan kesihatan.
5. Membantu jabatan lain dalam mengendalikan program seperti menyediakan buku program, risalah, poster, sambutan hari khas kesihatan dan lain-lain.
6. Mengendalikan Klinik Berhenti Merokok dan kelas pendidikan untuk penyakit darah tinggi, jantung, diabetes, buah pinggang dan asma di hospital.
7. Menggalakan penglibatan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta masyarakat dalam aktiviti promosi kesihatan terutama sekali di hospital.
8. Menyediakan perkhidmatan kauceling dan pendaftaran pendermaan organ.
9. Menyediakan bahan-bahan pameran pendidikan kesihatan dan mengadakan pameran pelbagai tajuk secara berjadual

AKTIVITI YANG DIJALANKAN

Berikut adalah antara aktiviti yang telah berjaya dilaksanakan oleh Unit Pendidikan Kesihatan dengan kerjasama jabatan dan unit yang lain.

Kelas Pendidikan Pesakit

BIL	AKTIVITI	BILANGAN KEHADIRAN
1.	Kelas Pendidikan Pesakit - Diabetes	120 orang
2.	Kelas Pendidikan Pesakit - Renal	361 orang

Jadual 5.8.2 Kelas Pendidikan Pesakit

Klinik Berhenti Merokok

BIL	AKTIVITI	BILANGAN KEHADIRAN
1.	Bilangan Pesakit Berdaftar	102 orang

Jadual 5.8.3 Klinik Berhenti Merokok

Latihan

BIL	TAJUK	BILANGAN KEHADIRAN
1.	<i>Quit Smoking Clinic Update</i>	40 orang
2.	<i>Introduction to Quit Smoking Clinic</i>	34 orang
3.	Bahaya Merokok	35 orang
4.	Bengkel Akreditasi – Standard 17G	10 orang


Jadual 5.8.4 Latihan

Sambutan Hari Kesihatan

BIL	AKTIVITI	BILANGAN KEHADIRAN
1.	Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia	100
2.	Sambutan Minggu Kesedaran Garam Sedunia	300
3.	Sambutan Nafas Baru Bermula Ramadhan	300
4.	Hari Penderma Darah Sedunia	100
5.	Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu	100
6.	Sambutan Hari Pencegahan Bunuh Diri	100
7.	Sambutan <i>World Patient Safety Day</i>	100
8.	Sambutan Hari Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan	100

Jadual 5.8.5 Sambutan Hari Kesihatan

Gambar Aktiviti



GAMBAR 5.8.1: PENYERAHAN CENDERAMATA KEPADA PENCERMAH BENGKEL AKREDITASI – STANDARD 17G




GAMBAR 5.8.2: DEMONSTRASI PENGGUNAAN CO ANALYZER SEMASA CERAMAH BAHAYA MEROKOK

PENCAPAIAN HPIA/KPI

Indicator 2: Percentage of persons who quit smoking post intervention

Year	Total number of persons who quit smoking within 6 months of enrolling in the Quit Smoking Clinic	Total number of persons who smoke who attended the Quit Smoking Clinic	Percentage
2018	16	33	48%
2019	12	17	71%
2020	11	13	85%



Rajah 5.8.1: Percentage of persons who quit smoking post intervention

Indicator 3: Percentage of outpatient referrals seen within two (2) weeks (target 80%)

Year	Total number of outpatients referred and seen by the Health Education Officer	Number of outpatients seen by the Health Education Officer within 2 weeks of referral	Percentage
2018	75	75	100%
2019	101	101	100%
2020	102	102	100%

5.9 UNIT KERJA SOSIAL PERUBATAN

PENGENALAN

Jabatan ini mula beroperasi pada tahun 1994, dengan tenaga kerja seorang Pegawai Kerja Sosial Perubatan serta seorang Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi) N19.

Unit ini bertanggungjawab dalam memberi khidmat kepada pesakit yang menghadapi masalah psikososial dan menumpukan kepada kebajikan kepada pesakit yang memerlukan.

OBJEKTIF DAN SASARAN

- Memberi rawatan yang komprehensif secara berkerjasama dengan Pegawai Perubatan dan kakitangan Paramedik di dalam rawatan pemulihan pesakit seiring dengan konsep "Total Patient Care".
- Membantu pemulihan pesakit dengan kaedah penilaian, penganalisan dan penyelesaian masalah dari aspek psikososial dan sosio ekonomi pesakit agar berupaya kembali menjadi anggota masyarakat yang produktif dan berdikari sesuai dengan batas keupayaan yang diakibatkan oleh penyakitnya.
- Meningkatkan kefungsiian sosial pesakit untuk mengatasi pelbagai masalah sosial yang dihadapi.
- Membantu pemulihan pesakit dengan kaedah penilaian, penganalisan dan penyelesaian masalah dari aspek psikososial dan sosio ekonomi pesakit agar berupaya kembali menjadi anggota masyarakat yang produktif dan berdikari, sesuai dengan batas keupayaan yang diakibatkan oleh penyakitnya.
- Bertindak sebagai "Liason Officer" bagi menghubungkan pesakit dengan sumber-sumber bantuan yang ada samaada dibawah agensi kerajaan, swasta atau NGO.

PERJAWATAN

JADUAL 5.9.1 PERJAWATAN UNIT KERJA SOSIAL

PERJAWATAN	JUMLAH	DI ISI	KOSONG	% DI ISI
Peg.Kerja Sosial Perubatan	1	1	0	100
Pembantu Tadbir (P&O)	1	1	0	100
JUMLAH	2	2	0	100

PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

a) Terapi sokongan/kaunseling:

- Penjagaan pesakit kronik
- Cubaan bunuh diri
- Perbalahan/keganasan rumahtangga
- Ibu tanpa nikah
- Mangsa perkosaan
- Penganiayaan kanak-kanak
- Masalah tingkah laku
- Kes kurang upaya/cacat
- Ketagihan
- Perlindungan wanita/gadis

b) Bantuan Praktik:

- Penilaian sosioekonomi
- Rujukan ke agensi/hospital luar
- Pendaftaran kes kurang upaya (OKU)
- Perancangan keluar wad/mengesan keluarga
- Lawatan ke rumah/"home visit"
- Penempatan institusi
- Penjagaan anak pelihara/anak angkat
- Tambang/ Alat tiruan/peralatan

AKTIVITI YANG DIJALANKAN

❖ **Kaunseling**

Mengadakan sesi kaunseling apabila perlu samada secara individu, kumpulan atau keluarga tertakluk kepada keadaan dan situasi pesakit. Sesi kaunseling membantu pesakit mengenali masalah dan sama-sama menemui jalan penyelesaian seiring dengan rawatan perubatan yang diberikan.

Kaunseling berbentuk sokongan moral dan motivasi diri diberikan kepada pesakit yang mengalami trauma seperti rogol, keganasan rumahtangga dan cubaan bunuh diri.

❖ **Bantuan Kewangan**

Diuruskan kepada pesakit yang tahap sosio ekonominya rendah. Pesakit dan ahli keluarganya ditemubual untuk mendapatkan latar belakang sosio ekonomi pesakit dan menentukan samada pesakit terdiri dari kumpulan Orang Kurang Mampu dalam tafsiran Kebajikan dan layak untuk dipertimbangkan pemberian bantuan berbentuk Wang seterusnya dirujuk ke agensi yang berkaitan untuk tindakan lanjut. Lawatan ke rumah dibuat untuk menentukan kesahihan maklumat yang diberi.

❖ **Menyediakan Laporan Sosio-Ekonomi Pesakit**

Laporan ini disediakan melalui temubual, lawatan ke rumah, ke tempat kerja dan lain-lain sumber untuk mendapatkan latar belakang yang lebih terperinci untuk:

- i) Penilaian bantuan yang diperlukan
- ii) Rujukan oleh doktor dalam membantu memberi rawatan pemulihan kepada pesakit.
- iii) Memudahkan diagnosa dan penyelesaian masalah pesakit
- iv) Merujuk pesakit ke PEKAB40, IJNSB, Tabung Bantuan Perubatan, MAKNA dan
- v) lain lain
- vi) Rujukan ke Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk kes bantuan am, penderaan kanak-kanak, rogol, sumbang mahram dan keganasan rumahtangga untuk perlindungan dan pemulihan.

❖ **Lawatan Ke Rumah**

Lawatan ke rumah dibuat untuk setiap kes yang memohon bantuan dari Tabung Bantuan Perubatan dan juga kes penderaan kanak-kanak dan penderaan seksual yang memerlukan lawatan. Lawatan dibuat dengan menggunakan kenderaan jabatan untuk keselamatan.

❖ **Bantuan Alat Tiruan dan peralatan perubatan yang berkost tinggi.**

Bantuan alat tiruan tertumpu kepada pembelian alat implan dan prostesis. Pegawai Kerja Sosial Perubatan telah dilantik sebagai urusetia jawatankuasa bantuan alat implan dan prosthesis. Pesakit yang layak terdiri dari pesakit tidak mampu, bukan kakitangan kerajaan dan hanya layak tinggal di wad kelas tiga. Semua permohonan dibuat kepada Tabung Bantuan Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia (TBP). Lawatan ke rumah serta temubual dibuat untuk penyediaan Laporan Sosio Ekonomi.

❖ **Urusan Kemasukan Ke Institusi Kebajikan.**

Untuk pesakit yang terdampar dan tidak ada waris atau yang mahu masuk ke institusi kebajikan, dirujuk kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk permohonan kemasukan ke Institusi kebajikan.

❖ Kursus dan latihan

Pegawai dan Pembantu Tadbir telah menjalani kursus dan latihan berterusan samada diperingkat hospital dan peringkat kebangsaan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan kepada pesakit

AKTIVITI SEPANJANG TAHUN

- CME mengenai perkhidmatan kerja sosial diberikan mengikut keperluan dan permintaan.
- Menyertai kursus dan aktiviti yang melibatkan pesakit miskin dan berkeperluan khas
- Mengadakan mesyuarat unit dan menyertai mesyuarat peringkat negeri dan zon utara.
- Mengadakan kerjasama lebih akrab dengan badan-badan NGO / GO untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kebajikan pesakit.
- Mengadakan Majlis sambutan pesakit secara besar-besaran dan memberi sumbangan berbentuk Wang sara diri.

PENCAPAIAN HASIL KERJA

JADUAL 5.9.2 PESAKIT YANG MENERIMA PERKHIDMATAN

KES	2018	2019	2020	Jumlah
Baru	772	842	972	2586
Ulangan	188	239	332	759
JUMLAH	960	1081	1304	3345

Klasifikasi Kes

JADUAL 5.9.3 KLASIFIKASI KES

KES	2018	2019	2020	Jumlah
Terapi sokongan / kaunseling	966	1100	1463	3529
Bantuan Praktik / Am	1748	2056	2604	6408
JUMLAH	2714	3156	4067	9937

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

JADUAL 5.9.4 PEMBANGUNAN MODAL INSAN

KURSUS / SEMINAR / BENGKEL	TARIKH	BIL PESERTA
Program bersama Tabung Kebajikan Perubatan Pesakit	Sepanjang Tahun	302
Program Jelajah Sinar Aidilfitri 1.0	07.06.2020	30
Program Empowering of Social Change : Covid-19	18.07.2020	70

PENCAPAIAN AKTIVITI KUALITI

JADUAL 5.9.5 PENCAPAIAN AKTIVITI KUALITI

KEY PERFORMANCE INDICATOR (KPI)	STANDARD %	CAPAIAN	
		2019	2020
Kes yang dirujuk menerima intervensi awal dalam tempoh 2 hari bekerja.	90	93.7	100.00
Permohonan bantuan dihantar ke agensi bantuan dalam tempoh 14 bekerja setelah menerima dokumen lengkap.	80	94.8	97.96

PENGENALAN

Unit Perkhidmatan Steril Hospital Kulim merupakan sebuah unit yang bertanggungjawab menyediakan alatan steril untuk kegunaan unit lain di Hospital Kulim dan Klinik Kesihatan sekitar Bandar Kulim.

OBJEKTIF

- Memastikan semua peralatan yang digunakan oleh pesakit selamat dan peralatan disterilisasi 100 %
- Memastikan tiada *Hospital Acquired Infection* atau jangkitan silang berlaku kepada pesakit semasa tempoh menerima rawatan disebabkan oleh penggunaan alat atau bahan dari Unit Bekalan Steril
- Membekal set-set yang lengkap untuk sesuatu prosedur, pembedahan dan keperluan-keperluan lain pesakit

PENJAWATAN**JADUAL 5.10.1 PERJAWATAN UNIT BEKALAN STERIL**

Jawatan	Jumlah sekarang	Keperluan (penambahan staff)	Bakal Pencen 2020	Penggantian pencen	Keperluan utk waktu kerja shift"	JUMLAH
Penyelia Jururawat	1	-	-	-	-	1
Ketua Jururawat	1	-	-	-	-	1
Jururawat KUP	4	1	-	-	-	5
Jururawat u29	1	-	-	-	-	1
Penolong Jururawat	1	-	-	-	-	1
Jururawat Masyarakat	-	-	-	-	-	-
Pembantu perawatan kesihatan	3	1	1	-	-	3
Operator Otoclave	3	-	-	-	-	3

SKOP PERKHIDMATAN

- I. Menerima, membasuh, mencuci dan mengering set-set dan peralatan yang telah digunakan dari semua wad dan unit dalam Hospital Kulim.
- II. Menyedia, membungkus, mensteril set-set peralatan dan membekalkan bahan steril kepada pengguna dalam hospital dan Klinik Kesihatan sekitar Bandar Kulim.
- III. Unit ini juga memberi perkhidmatan kepada hospital lain apabila mereka menghadapi masalah kerosakan mesin dan sebagainya.
- IV. Waktu perkhidmatan unit bekalan steril adalah dari jam 8.00pagi hingga 5.00 petang.
- V. Seorang jururawat bersama seorang pembantu perawatan kesihatan dan seorang operator otokleb ditugaskan atas panggilan dari jam 5.00pm hingga 8.00am keesokan hari.

AKTIVITI

- Menerima, membasuh, mencuci dan mengeringkan set-set dan peralatan yang terpakai dari semua wad dan unit dalam Hospital Kulim.
- Menyedia, membungkus dan mensteril set-set dan peralatan juga membekalkan bahan steril kepada pengguna dalam Hospital.
- Menerima, membasuh, membungkus dan mensteril set-set terpakai dari Klinik-klinik Kesihatan yang berhampiran, Sekolah Latihan Jururawat Masyarakat (SLJM) dan Klinik Kesihatan Bandar Kulim (KKBK).
- Unit ini juga memberi perkhidmatan kepada hospital lain apabila mereka menghadapi masalah kerosakan mesin otokleb dan sebagainya.


PENCAPAIAN UNIT BEKALAN STERIL

1. 5 CNE dalaman telah dilaksanakan sepanjang tahun 2020 untuk kesemua jururawat seramai 8 orang. Ianya berkurangan dari tahun 2019 disebabkan pandemic COVID-19.
2. Semua kursus untuk kakitangan tidak tercapai sasaran 7 hari dalam setahun kerana masalah pandemic COVID-19.
3. Unit memerlukan peruntukan untuk penambahan stor untuk simpanan alatan dan *sofddressing* memandangkan penambahan permintaan oleh unit pengguna.

JADUAL 5.10.2 PERBANDINGAN JUMLAH SET YANG DISTERILKAN TAHUN 2018,2019 DAN 2020

Tahun	Wad	Dewan Bedah	Klinik Kesihatan	Linen/gown
2018	36270	11339	2899	38852
2019	31792	15057	3513	36615
2020	28217	12591	2613	33607
Jumlah	96279	38987	9025	109074

Graf 1.4:Perbandingan jumlah set yang disterilkan tahun 2018,2019 dan 2020



PENGENALAN

Unit Perubatan Forensik Hospital Kulim beroperasi semenjak pembukaan Hospital Kulim yang baharu, sekitar tahun 1994. Semenjak Jun 2017, unit ini telah disusun semula oleh Pengarah Hospital Kulim dan menjadi satu unit dibawah penyelarasan unit pengurusan dan diselia oleh Timbalan Pengarah Sokongan Klinikal. 3 Pegawai Perubatan ditempatkan (gunasama Jabatan Kecemasan & Trauma) dan dibantu oleh Penolong Pegawai Perubatan dan Pembantu Perawatan Kesihatan untuk menguruskan dan menjalankan aktiviti utama di unit ini.

Visi Unit

Untuk mencapai kecemerlangan dan seterusnya memberi perkhidmatan perubatan forensik yang cekap serta berkesan di Malaysia.

Misi Unit

- ❖ Untuk memastikan penambahbaikan yang berterusan dalam perkhidmatan perubatan forensik serta mempertingkatkan secara strategik kesedaran orang awam melalui budaya kualiti yang berorientasikan mesra pelanggan.
- ❖ Untuk berkhidmat pada komuniti menurut peruntukan perundangan Malaysia dan nilai budaya korporat Kementerian Kesihatan Malaysia.
- ❖ Untuk membekalkan perkhidmatan perubatan forensik yang selamat dan kompeten melalui warga kerja yang dedikasi dan kemudahan infrastruktur asas yang sewajarnya.

OBJEKTIF DAN SASARAN

Umum

Menyediakan perkhidmatan perubatan forensik yang berteraskan prinsip asas perubatan dan sains perubatan dalam membantu pihak berkuasa, dalam menegakkan prinsip undang-undang disamping perkhidmatan yang menepati kualiti semasa.

Khusus

- ❖ Menguruskan semua kematian di Hospital Kulim dan kematian dalam kes "*bodies brought in dead*" (B.I.D) di Hospital Kulim.
- ❖ Mengendalikan pemeriksaan post-mortem bila diarahkan/diperlukan dan memberi bantuan bagi sebarang kes kematian mediko-legal di Hospital Kulim.
- ❖ Memastikan semua siasatan mediko-legal dijalankan dalam suasana yang selamat, serba lengkap dan tanpa prajudis.
- ❖ Memastikan pengurusan bukti-bukti forensik tertaluk kepada pemeliharaan

rantaian bahan bukti (*chain of custody*) dan *law of evidence*.

- ❖ Memastikan setiap kakitangan yang terlibat di dalam perkhidmatan forensik mempunyai tahap pengetahuan dan kebolehan teknikal forensik yang baik.
- ❖ Melakukan pengurusan bencana forensik yang melibatkan kematian akibat sesuatu bencana seperti diarahkan.
- ❖ Membantu pihak terlibat di dalam proses pendermaan tisu atau organ kadaverik sekiranya berlaku di Hospital Kulim.

PERJAWATAN / ORGANISASI

- ❖ Unit ini diketuai oleh seorang Pegawai Perubatan yang diberi tanggungjawab sebagai Ketua Unit dan diletakkan dibawah penyelarasan Bahagian Pentadbiran Hospital Kulim, disebabkan ketiadaan Pakar Patologi Forensik di Hospital Kulim pada ketika ini. Walau bagaimanapun liputan (*physical coverage*) perkhidmatan pakar diberi secara terus oleh Pakar Patologi Forensik yang bertugas di HSB, Alor Setar sekiranya diperlukan.
- ❖ Ketua unit dibantu oleh seorang Penolong Pegawai Perubatan U32 yang bertindak sebagai Pengurus Unit dan 2 orang Penolong Pegawai Perubatan bertugas sepenuh masa untuk melicinkan aktiviti. Disamping itu juga, 3 orang Pembantu Perawatan Kesihatan, juga turut ditempatkan di unit ini.
- ❖ Setiap kategori perjawatan di unit ini juga dikehendaki melakukan tugasan atas panggilan selepas waktu pejabat (*on-call*) mengikut jadual ditetapkan untuk memberikan perkhidmatan terus menerus 24 jam sehari sekiranya diperlukan.

JADUAL 5.11.1 – JUMLAH PERJAWATAN DI UNIT FORENSIK

KATEGORI	GRED	JAWATAN	DIISI	KOSONG	CATATAN
Pegawai Perubatan	UD52 UD48 UD44	3	3	-	Jawatan gunasama JKT (Perlu jawatan tetap)
Penolong Pegawai Perubatan Kanan	U32	1	1	-	-
Penolong Pegawai Perubatan	U29	3	2	1	Hanya 2 pos U29 yang diisi
Pembantu Perawatan Kesihatan	U14 U11	3	3	-	Perlu pertambahan jawatan seorang lagi

PERKHIDMATAN DISEDIAKAN

Skop perkhidmatan di unit Perubatan Forensik adalah untuk menyediakan khidmat meliputi patologi forensik, sains forensik dan juga menyediakan perkhidmatan berkaitan rumah mayat (*mortuary services*). Setiap perkhidmatan yang diberikan adalah mesti mengikut undang-undang dan berasaskan kepada Prosedur Operasi Standard perubatan forensik, iaitu: Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia - ***Standard Operating Procedures of Forensic Medicine Services*** Bil 10/2012, tahun 2012.

AKTIVITI UNIT

1. Pengurusan kematian di hospital

Setiap kes kematian (bukan mediko-legal) yang telah disahkan oleh Pegawai Perubatan di wad dan telah lengkap dokumentasi sekurang-kurangnya sejam setelah kematian disahkan akan diserahkan kepada waris dalam tempoh tidak melebihi 3 jam. Tahun 2020, unit ini mengendalikan **819 kes** kematian biasa (*natural death*) di Hospital Kulim.

2. Pengurusan kematian *brought in dead* (B.I.D) ke Hospital Kulim

Setiap kematian B.I.D yang dibawa ke hospital adalah tertakluk kepada Akta 593 Kanun Siasatan Jenayah (*Criminal Procedure Code*) yang perlu dimaklumkan kepada pihak polis terlebih dahulu untuk tujuan pengambilan maklumat, siasatan dan penentuan akan keperluan pemeriksaan *post-mortem* keatas mayat. Pada tahun 2020, sebanyak **281 kes** telah diuruskan oleh pihak unit perubatan forensik.

3. Pengurusan kematian SARI / COVID-19

Bermula Mac 2020, Unit Perubatan Forensik telah terlibat dalam pengurusan mayat SARI (*Severe Acute Respiratory Infection*) serta COVID-19 (*Novel Coronavirus Disease 2019*) tertakluk kepada Akta Kawalan Penyakit Berjangkit (Akta 342) bagi mengekang penularan virus COVID-19. Penglibatan unit kami termasuklah memantau pengurusan jenazah, pengambilan sampel bagi kes BID dan berisiko tinggi serta memberi taklimat kepada wad-wad berkenaan cara pengurusan jenazah SARI. Sepanjang tahun 2020, sebanyak **154 kes** SARI telah diuruskan di Unit Perubatan Forensik.

4. Perkhidmatan Rumah Mayat

Perkhidmatan disediakan secara percuma seperti penyimpanan mayat (*body freezer*) dan bilik memandikan jenazah. Perkhidmatan memandikan jenazah, *embalming*, solat jenazah dan proses pengebumian tidak disediakan di unit ini. Pengurusan mayat swasta dibenarkan beroperasi di unit ini dan bayaran untuk perkhidmatan tersebut perlu dirunding diantara waris dan pihak berkenaan. 3 unit van jenazah

disediakan oleh pihak Bilik Daftar Masuk (BDM), Hospital Kulim untuk tujuan kegunaan waris mengikut bayaran yang telah ditetapkan oleh pihak KKM.

5. Pemeriksaan post mortem

Post-mortem mediko-legal dikendalikan oleh Pegawai Perubatan Forensik dan kes post-mortem klinikal dikendalikan oleh Pegawai Perubatan jabatan klinikal yang terlibat atau Pakar Patologi Anatomi . Bagi kes *post-mortem mediko-legal* yang melibatkan pakar, ianya akan dikendalikan oleh Pakar Patologi Forensik daripada HSB, Alor Setar. Untuk tahun 2020, unit ini telah mengendalikan **140 kes *post-mortem mediko-legal***, dan **9** kes telah di hantar (*transfer out*) ke HSB Alor Setar untuk di bedah siasat.

6. Pengurusan bukti forensik dan spesimen

Pengurusan melibatkan semua bukti atau spesimen yang berkaitan bagi kes kematian mediko-legal. Penyerahan segala bukti, spesimen dan pemeliharaan rantai bahan bukti (***chain of custody***) dilakukan dengan kaedah yang betul dan secepat mungkin kepada Pegawai Penyiasat (polis) terlibat.

7. Pengurusan / penyerahan mayat warganegara asing (*Foreigners*)

Setiap kes kematian warganegara asing (mediko-legal ataupun tidak) akan dikendalikan mengikut garis panduan yang ditetapkan dan akan diserahkan kepada pihak berkaitan (kedutaan, pengurus mayat atau waris) untuk tujuan pengeksporan, setelah dokumentasi berkaitan lengkap dan betul. Untuk 2020, unit ini telah mengendalikan **24 kes** melibatkan warganegara asing.

8. Pengurusan mayat bermasalah.

Pengurusan melibatkan kematian seperti kematian yang tidak dituntut oleh waris, kes perebutan mayat, kes status agama simati yang diragui akan dikendalikan mengikut undang-undang dan garis panduan yang telah ditetapkan. Unit ini mengambil tanggung jawab besar untuk melaksanakan tugas tersebut disamping dibantu oleh pihak-pihak berkaitan seperti Polis, Jabatan Pendaftaran Negara, pihak kedutaan asing, *UNHCR* dan Pejabat Agama Islam Daerah Kulim. Bagi tahun 2020, unit ini mengendalikan **14 kes** kematian bagi kategori mayat bermasalah.

9. Pengurusan mayat berisiko tinggi / *biohazard*

Pengurusan mayat bagi kes berisiko tinggi atau *biohazard* seperti HIV, *Pulmonary Tuberculosis* atau penyakit berjangkit akan dikendalikan di unit ini dengan dibawah pemantauan rapi Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran daripada Pejabat Kesihatan daerah Kulim. Aktiviti adalah termasuk seperti memandikan jenazah, persediaan sebelum pengebumian dan sebagainya.

10. Pengurusan kes kematian dalam tahanan (*death in custody*)

Sepanjang tahun 2020, tiada **kes kematian** dikategorikan sebagai kematian dalam tahanan (Lokap polis) yang diuruskan.

11. Pengurusan dan pelupusan bahagian anggota badan / janin / *product of conception*

Sepanjang tahun 2020, pihak unit telah mengendalikan **299 kes** kategori ini untuk tujuan pengurusan dan proses pengebumian/pelupusan.

12. Penyediaan laporan Post-Mortem

Bagi setiap pemeriksaan *post-mortem mediko-legal*, laporan *post-mortem* akan disediakan oleh pegawai perubatan yang mengendalikan kes tersebut. Setiap laporan akan disediakan selewat-lewatnya dalam tempoh 8 minggu dan akan disimpan secara *hard copy* dibawah kawalan unit rekod perubatan.

13. Pengurusan forensik untuk kematian akibat bencana

Pihak unit perubatan forensik dalam keadaan siap sedia sekiranya berlaku kejadian bencana forensik di negeri Kedah. Walaubagaimanapun, tiada kes dikendalikan pada tahun 2020.

14. Pengurusan pendermaan organ dan tisu kadeverik di Hospital Kulim

Petugas unit perubatan forensik juga terlibat secara langsung dalam pengurusan pendermaan organ dan tisu kadeverik. Untuk tahun 2020 tiada kes yg diuruskan.

LATIHAN / PENINGKATAN KUALITI PERKHIDMATAN

1. Bagi memantapkan pengetahuan dan kualiti kerja kakitangan unit ini, pelbagai aktiviti atau latihan yang disertai oleh kakitangan unit ini. Walaubagaimanapun, berlaku kekangan sejak bulan Mac 2020 akibat berlakunya pandemik COVID-19. Namun, pelbagai CME telah dijalankan secara *online* dan telah disertai oleh pegawai perubatan unit ini.
2. Unit Perubatan Forensik juga telah dijemput bagi memberi taklimat kepada staf-staf klinikal wad dan Jabatan Kecemasan berkenaan tatacara pengurusan jenazah COVID-19 dan SARI. Taklimat ini adalah taklimat bersama yang telah dianjurkan oleh kerjasama antara Jabatan Kecemasan dan Unit Kawan Infeksi Hospital Kulim.
3. Unit Perubatan Forensik juga bekerjasama dengan Unit Latihan sewaktu program orientasi Pegawai Perubatan Siswazah lantikan baru dijalankan. Satu slot ceramah berkenaan pengurusan kes kematian biasa serta kes medikolegal akan diberikan oleh Pegawai Perubatan di unit ini dalam setiap program orientasi. Sesi ceramah ini dijalankan sepanjang tahun.

4. Beberapa anggota unit juga telah menyertai kursus di peringkat kebangsaan. Dr Hazwan Husain dan PPP Mior Mohd Solehuddin telah menyertai *National Convention In Forensic Medicine & Science* di Jabatan Perubatan Forensik Hospital Pulau Pinang pada Oktober 2020.

5. Selain itu, Dr Muhammad Fadhil juga telah menyertai kursus ‘Simulasi Insiden Massal Semasa Pandemik’ peringkat daerah anjuran Jabatan Kecemasan Hospital Kulim pada November 2020. Dr Fadhil juga telah menghadiri seminar ‘*Medicolegal Skill Course*’ selama 2 hari bertempat di Hospital Shah Alam.

6. Ringkasan latihan / kursus berkaitan perubatan forensik yang dihadiri kakitangan unit ini dilampirkan seperti berikut:

JADUAL 5.11.2 KURSUS/LATIHAN

BIL	KURSUS / LATIHAN	TARIKH	TEMP AT
1.	Kursus Pendermaan Organ 2020	4/3/2020	HSB
2.	<i>Medicolegal Skills Course</i>	17/9/20-18/9/20	Hospital Shah Alam
3.	<i>COVID-19 Training Workshop</i>	7/9/2020	Pusat Promosi
4.	<i>National Convention On Forensic Medicine and Science 2020</i>	5/10/20-7/10/20	HPP

RAJAH 5.11.1 PERBANDINGAN JUMLAH KEMATIAN TAHUN 2017 -2020.



PENCAPAIAN AKTIVITI KUALITI 2020

Key Performance Index (KPI) For Forensic Medicine Services

Pihak unit perubatan forensik menjalankan aktiviti pemantauan mutu dan kualiti perkhidmatan yang disampaikan melalui pemantauan 3KPI yang dijalankan bagi tahun 2020:

1. *Turnaround time of less than 3 hours for releasing bodies (non-police cases) to appropriate claimant from registration of bodies by forensic medicine unit:* 100% (Januari – Jun) dan 100% (Julai – Disember) – KPI tercapai.
2. *Percentage of bodies released to the right claimant by forensic medicine unit:* 100% (Januari – Jun) dan 100% (Julai – Disember) – KPI tercapai.

PERANCANGAN 2021

- ❖ Penganjuran kursus dalaman bagi kakitangan Hospital Kulim dengan kerjasama Jabatan Kecemasan & Trauma.
- ❖ Pemantapan dokumen dan persediaan kearah pensijilan semula akreditasi *MSQH Version 5th Edition* pada tahun 2021.

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, aktiviti unit telah berjalan dengan baik sepanjang tahun 2020. Pelbagai cabaran hebat telah dialami sepanjang tahun 2020 akibat pandemik COVID-19, namun telah berjaya diatasi dengan baik. Sebanyak **154 kes SARI** telah diuruskan sepanjang tahun 2020.

Jumlah keseluruhan kes bagi tahun 2020 adalah hampir sama dengan tahun 2019 iaitu sebanyak 1375 kes. Walau bagaimanapun, berlaku peningkatan kes medicolegal iaitu **281** kes pada tahun 2020 berbanding **265** kes pada tahun 2019. Berlaku juga peningkatan kes post-mortem iaitu sebanyak **140** kes pada tahun 2020 berbanding **133** kes pada tahun 2019.